



# PERBAHATHAN PARLIMEN

## DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

### PENGGAL KELIMA

### PENYATA RASMI

### KANDONGAN-NYA

JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup>  
[Ruangan 6301]

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG  
DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN  
MESHUARAT DAN PENANGGOHAN SINE  
DIE (USUL) [Ruangan 6309]

RANG UNDANG<sup>2</sup>:

The National Land Code (Amendment) Bill  
[Ruangan 6309]

The Majlis Amanah Ra'ayat (Amendment) Bill  
[Ruangan 6316]

Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Urusan dan Tabong  
Haji [Ruangan 6326]

Rang Undang<sup>2</sup> Bank Pertanian Malaysia  
[Ruangan 6364]

Rang Undang<sup>2</sup> INSTITIUT PENYELIDKEKAN  
DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAY-  
SIA [Ruangan 6408]

The Co-operative Societies (Amendment) Bill  
[Ruangan 6421]

The Widows and Orphans Pension (Amend-  
ment) Bill [Ruangan 6425]

The Poisons (Sodium Arsenite) (Amendment)  
Bill [Ruangan 6430]

The International Monetary Fund (Ratification  
of Amendments to the Articles of Agreement)  
Bill, 1969 [Ruangan 6431]

USUL<sup>2</sup>:

Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967—Perentah Chukai Kas-  
tam (Pindaan) (No. 2), 1969 [Ruangan 6434]

Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967—Perentah Chukai Kas-  
tam (Pindaan) (No. 3), 1969 [Ruangan 6435]

Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967—Perentah Chukai Kas-  
tam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1969  
[Ruangan 6436]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA DAN  
PENANGGOHAN MESHUARAT YANG  
TIDAK DI-TENTUKAN [Ruangan 6438]



MALAYSIA

**DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA**  
**PENGGAL YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi*

---

Hari Khamis, 13hb Februari, 1969

---

*Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi*

**YANG HADHIR:**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOMAHED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- " Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- " Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- " Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- " Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- " Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- " Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- " Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- " Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- " Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- " Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).
- " Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sukan, ENGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- " Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- " Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- " Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- " Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

**Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan,**  
**TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).**

- " Setia-usaha Parlimen kapada Timbalan Perdana Menteri,  
 TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- " NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- " TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- " TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- " WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.  
 (Kuala Trengganu Utara).
- " TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- " DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya  
 di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- " Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL  
 RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- " TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- " TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- " TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- " PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- " DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- " TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- " TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- " TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- " TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- " TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- " TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN,  
 A.M.N. (Sarawak).
- " DATO' SYED ESA BIN ALWEE, D.P.M.J., J.M.N., S.M.J., P.I.S.  
 (Batu Pahat Dalam).

**Yang Berbahagia TAN SRI HAJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.**  
**(Jitra-Padang Terap).**

**Yang Berhormat TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).**

- " TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
- " TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- " TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- " TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- " TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- " WAN HASSAN BIN DAUD, J.P. (Tumpat).
- " DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,  
 P.J.K. (Parit).
- " TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).
- " TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K.  
 (Kota Bharu Hulu).
- " TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).
- " TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- " TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

**Yang Berhormat DR MAHATHIR BIN MOHAMED (Kota Star Selatan).**

- „ TUAU T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ TUAU C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB (Kuantan).
- „ TUAU MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAU MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ TUAU MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAU HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAU MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAU HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAU HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAU MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAU MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

**Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).**

**Yang Berhormat TUAU NG FAH YAM, J.P. (Batu Gajah).**

- „ TUAU HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAU OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAU HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAU RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAU HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ TUAU SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAU SIEW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAU SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAU SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAU SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAU SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAU SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ TUAU TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAU TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAU TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAU TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAU TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAU TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).

**Yang Berhormat TUAH TIAH ENG BEE (Kluang Utara).**

- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).
- „ TUAH HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

**YANG TIADA HADHIR :**

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).**
- „ **Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).**
- „ **Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Batang Padang).**
- „ **Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).**
- „ **Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).**
- „ **Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).**
- „ **Menteri Hal Ehwal Sabah, DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).**
- „ **Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).**
- „ **Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).**
- „ **WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).**
- „ **WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).**
- „ **TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).**
- „ **TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).**
- „ **PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).**
- „ **TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).**
- „ **TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).**
- „ **TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).**
- „ **TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).**
- „ **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).**
- „ **DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).**
- „ **TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).**
- „ **TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).**
- Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).**
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).**
- Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).**
- „ **TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).**
- „ **TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).**
- „ **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).**

Yang Berhormat TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

- .. DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- .. TUAN JOSEPH DAVID MANJALI (Sabah).
- .. DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- .. DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- .. ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

- .. TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- .. RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- .. TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- .. DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- .. TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S (Sarawak).
- .. TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- .. TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- .. TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- .. TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- .. TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

#### YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA.

#### DO'A

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusi  
kan Meshuarat)

#### JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup>

#### PERATORAN MENGENAI LIN- TASAN SEMPADAN DI-ANTARA MALAYSIA DENGAN REPUBLIK INDONESIA

1. **Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara)** bertanya kepada Menteri Luar Negeri sudah-kah tercapai persetujuan mengenai peratoran keluar masok orang<sup>2</sup> Malaysia dan orang<sup>2</sup> Indonesia yang tinggal di-kawasan<sup>2</sup> sempadan Malaysia Timor-Indonesia, dan jika sudah, boleh-kah di-buat peratoran

menbenarkan orang<sup>2</sup> Indonesia dan orang<sup>2</sup> Malaysia masok ka-Pelabuhan<sup>2</sup> di-Medan, Sumatra, di-Pulau Pinang, di-Dumai dan di-Melaka kerana ramai di-antara mereka gemar berulang alek dari pelabuhan<sup>2</sup> tersebut.

**Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, urusan mengenai lintas sempadan di-antara Malaysia dengan Republik Indonesia telah di-kuat-kuasakan pada 26hb November, 1968, dengan tujuan mengator dasar balas-membalas layanan yang bersesuaian kapada ra'ayat Malaysia dan ra'ayat Republik Indonesia yang tinggal dalam kawasan sempadan Malaysia Timor, dan kawasan sempadan Indonesia di-Kalimantan dengan satu chara yang

chehat dan mudah bagi mengawal keluar dan masuk ra'ayat<sup>2</sup> dua<sup>2</sup> negara itu. Urusan asas ini hanya untuk kemudahan<sup>2</sup> ra'ayat<sup>2</sup> di-sempadan Malaysia Timor, Kalimantan dan Indonesia, dan tidak mengawal keluar dan masuk di-antara Medan, Dumai, Pulau Pinang dan Melaka, tetapi ada juga perotoran<sup>2</sup> yang memberi kemudahan kapada ra'ayat Indonesia yang tinggal di-Dumai untuk mendapat visa daripada Pejabat Imigeresen Melaka melalui permohonan yang di-buat oleh local sponsors mereka. Ra'ayat<sup>2</sup> Malaysia yang ingin melawat Indonesia boleh mendapat visa dari Kedutaan Besar Indonesia di-sini, visa<sup>2</sup> juga boleh didapati dengan senang dari Consulate Malaysia dan Consulate Indonesia di-Medan dan Pulau Pinang untuk perjalanan antara dua tempat ini.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Menteri Muda ini memberi tahu Dewan lanjutan masaalah yang saya soalkan ini ia-itu terbit daripada perundingan-nya di-Indonesia baharu<sup>2</sup> ini.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Dalam perundingan yang di-adakan di-Indonesia baharu<sup>2</sup> ini perkara berkenaan dengan lalu lintas antara kedua negara telah di-binchangkan dan satu daripada perkara yang di-kemukakan, yang di-bahathkan, yang di-binchangkan, ia-lah berkenaan dengan mengadakan kemudahan yang di-panggil tujuh hari free visa facilities antara ra'ayat Indonesia dan ra'ayat di-sini, berma'ana kalau di-laksanakan ranchangan ini ra'ayat kedua<sup>2</sup> negeri boleh lalu lintas antara satu negara dengan lain dengan tujuh hari free visa kemudahan yang di-beri kepada kedua<sup>2</sup> negara ini.

Sa-lain daripada itu kemudahan di-beri kepada ra'ayat di-Malaysia Timor, di-Sabah, umpama-nya meminta visa di-sana dengan tidak payah meminta visa di-Jakarta, atau pun di-Kuala Lumpur untuk melawat satu negara atau satu negara yang lain.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri ini sedar bahawa kemudahan yang kita guna-

kan sekarang di-ambil kesempatan oleh anasir<sup>2</sup> kominis dari Malaysia Timor sempadan antara Indonesia dengan Malaysia Timor.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Perkara ini ada-lah di-dalam perhatian Kementerian Dalam Negeri oleh kerana itu-lah di-kawasan sempadan Malaysia Timor dengan Kalimantan, Indonesia, bagitu juga antara Malaysia Timor dengan Kalimantan Barat kawalan rapi, kawalan kemas daripada pehak tentera Pasukan Keselamatan ada-lah di-jalankan untuk memereksa, untuk menyelidiki dengan halus-nya orang<sup>2</sup> yang berjalan antara satu negara dengan satu negara khas-nya daripada Indonesia ka-Malaysia melalui kawasan sempadan di-mana umpama-nya di-Sarawak pada masa ini di-adakan gerakan<sup>2</sup> operasi menentang anasir<sup>2</sup> kominis.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah Konsol dan oleh sebab ramai ra'ayat Malaysia ini berkunjung ka-Sumatra di-Dumai bagaimana dalam soalan saya ini boleh di-katakan saban minggu berpuluhan<sup>2</sup> orang, sama ada orang Indonesia dan juga orang Malaysia ka-Indonesia, adakah Kementerian ini dapat memberikan satu pertimbangan sa-kira-nya di-adakan Konsol di-Melaka.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah soalan lain, soalan Kementerian lain, tetapi kalau di-kemukakan perkara ini kepada Kementerian yang berkenaan barangkali harus boleh di-timbangkan.

#### **SUMBANGAN UNTOK PENERAKAN WAKIL<sup>2</sup> ASING DI-PERSIDANGAN PERSATUAN PELANCHONG DAERAH PASIFIK (26-1-69-31-1-69) SUPAYA MELAWAT MALAYSIA**

2. **Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan (a) ada-kah Kementerian-nya memberi bantuan wang dalam usahanya hendak menarek 1,000 orang wakil asing di-Persidangan Persatuan Pelanchong Daerah Pasifik yang berlangsung daripada 26hb Januari hingga 31hb

Januari, 1969, supaya melawat Malaysia, dan jika ya, berapa banyak; (b) ada-kah badan bersendirian juga memberi bantuan wang.

**Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tan Sri Dr Lim Swee Aun):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menyumbangkan sa-banyak \$9,000 kapada Pacific Areas Travel Association atau PATA, Chapter Malaysia untuk membantu PATA. Chapter ini mengadakan satu hospitality suit di-Persidangan Persatuan Pengembalaan Kawasan Pacific yang sudah di-adakan di-Bangkok dalam bulan Januari tahun ini. Sa-lain daripada itu Jabatan Pelan-chongan dengan menggunakan peruntukan tahunan-nya telah menchetakkan risalah<sup>2</sup> yang beranika warna untuk di-bahagi<sup>2</sup>kan di-persidangan itu.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sosikan membayar perbelanjaan makan dan tempat menginap untuk 16 orang penari dan ahli<sup>2</sup> muzik yang memberi pertunjukan tari-menari di-hospitality suit di-persidangan PATA di-Bangkok itu yang di-adakan, memakan belanja lebih kurang \$2,500.

Faktor persidangan bersendirian juga turut serta memberi bantuan kewangan dan lain<sup>2</sup> chara bantuan. Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura mem-beri kenderaan perchuma kepada 16 orang penari dan ahli<sup>2</sup> muzik-nya dan juga kapada dua orang pembuat satay untuk pergi dan balek ka-Bangkok. Sharikat Selangor Pewter telah meng-ambil keputusan menyumbangkan barang<sup>2</sup> buatan daripada pewter yang berjumlah \$1,000 untuk di-bahagi<sup>2</sup>kan kapada perwakilan<sup>2</sup> persidangan itu sa-bagai hadiah. Penchetakan *Straits Times* membekalkan 600 keping keluaran kebelakangan *Straits Times* Annual untuk di-bahagi<sup>2</sup>kan kapada para perwakilan. Sharikat Penerbangan Jepun telah berjanji memberi sum-bangan sa-banyak \$1,000. Sumbangan<sup>2</sup> berupa wang tunai telah pun di-terima dari:

Sharikat Malayan United Industrial Company Limited	\$100
Sharikat Jardine Waugh (Malaysia) Limited ...	... 50

Sharikat Borneo-Sumatra Trading Company Limited ...	50
Sharikat United National Finance ... ... ...	50

Tujuan utama mengadakan hospita-lity suit itu ia-lah untuk memujok para perwakilan yang menghadziri Persi-dangan PATA di-Bangkok itu memberi sokongan kapada tawaran Malaysia kapada PATA mengadakan persi-dangan-nya di-Malaysia pada tahun 1972. Ada-lah di-harapkan juga melalui publicity ini akan menarek per-wakilan<sup>2</sup> itu melawat Malaysia.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhor-mat Menteri ini menerima pengaduan rasa tidak puas hati ahli<sup>2</sup> penari yang kita hantar ka-sana itu sebab bukan daripada orang yang betul<sup>2</sup> tulin dari-pada Persatuan Kesenian di-Kuala Lumpur ini dan kenapa-kah ahli<sup>2</sup> penari daripada Sarawak kita tidak di-hantar-kan bersama<sup>2</sup> dengan rombongan ini?

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Saya tidak dapat pengaduan kata tidak ada puas hati dan ini terpulang kapada Kementerian Belia dan Kebudayaan menchari dan memilih siapa<sup>2</sup> ahli rom-bongan itu.

#### SUMBANGAN DARIPADA LEM-BAGA PENGGALAK PELAN-CHONGAN MALAYSIA TER-HADAP PERSIDANGAN PERSA-TUAN PELANCHONG DAERAH PASIFIK (26-1-69-31-1-69)

3. **Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Per-usahaan (a) apa-kah sumbangan yang di-beri oleh Lembaga Penggalak Pelan-chongan Malaysia terhadap Persi-dangan Persatuan Pelanchong Daerah Pasifik yang akan datang ini; (b) apa-kah tujuan mengadakan Persidangan tersebut; dan (c) bila persidangan aperti itu akan di-adakan di-Malaysia.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat tidak sedar bahawa Lem-baga Penggalakan Pelanchongan tidak ada di-Malaysia. Segala ranchangan dan programme Pelanchongan Negara

Malaysia termasok perhubungan gerakan kerja<sup>2</sup> Badan<sup>2</sup> Pelanchong Ber-sendirian ada-lah di-tanggong-jawabkan kepada Jabatan Pelanchongan di-Kementerian saya.

Kerajaan Malaysia tidak memberi sumbangan terhadap persidangan Persatuan Perjalanan kawasan Pacific, PATA yang sudah di-adakan di-Bangkok dalam bulan Januari tahun ini.

Tujuan mengadakan persidangan itu ia-lah untuk mengadakan satu perhim-punan di-antara Wakil<sup>2</sup> Jabatan<sup>2</sup> Pelanchongan negara<sup>2</sup> anggota di-dalam kawasan Pacific, ahli<sup>2</sup> hotel, Pengurus<sup>2</sup> pelanchongan dan pengembaraan, wakil<sup>2</sup> perjalanan, sharikat<sup>2</sup> pener-bangan dan perkapanan dan juga penge-luar<sup>2</sup> majallah perjalanan serta pehak<sup>2</sup> yang lain di-dalam bidang perusahaan perjalanan. Dengan yang demikian sa-suatu persidangan PATA itu boleh di-anggarkan sa-bagai satu upachara yang penting bagi mana<sup>2</sup> negara yang ber-nasib baik dapat mengadakan persidangan itu. Ini ada-lah di-sebabkan bahawa negara itu dengan sendiri-nya mendapat publicity yang luas di-seluroh dunia bahawa ia-nya ada segala kemudahan<sup>2</sup> yang perlu untuk melayani sa-bilangan lebuh kurang sa-ribu orang pelanchongan dalam satu masa. Kerajaan Malaysia memutuskan untuk mem-pelewa PATA supaya mengadakan persidangan-nya di-Malaysia dalam tahun 1972.

Pehak sector persendirian bersama Jabatan Pelanchongan berusaha mem-buat rancangan untuk memujok dan menggalakkan para perwakilan yang menghadziri persidangan di-Bangkok dalam bulan Januari ini supaya menerima tawaran Malaysia ini. Tawaran Malaysia telah berjaya dan Malaysia akan jadi tempat persidangan dalam tahun 1972.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah pelanchongan ini, ada-kah benar bahawa Kerajaan akan meminta bantuan per-khidmatan Penasihat Pelanchong dari-pada negara Amerika, Australia dan Jepun dalam menarek pelanchongan ka-dalam negeri ini serta juga memberi

nasehat dalam persidangan yang kita hendak adakan dalam tahun 1972 itu kelak?

**Tan Sri Dr Lim Swee Ann:** Tuan Yang di-Pertua, tidak.

#### KELAYAKAN JURUTRENGKAS UNTOK PERKHIDMATAN KERAJAAN

**4. Tan Sri Hajjah Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap)** [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kapada Perdana Menteri (*a*) ada-kah benar pehak Kerajaan apabila mengambil sa-saorang jurutrengkas sekarang ini chalun<sup>2</sup>-nya mesti boleh mengambil renchana dalam Bahasa Inggeris dan renchana dalam kedua<sup>2</sup> bahasa sa-masa bertugas sunggoh pun rakan<sup>2</sup> sa-jawat mereka yang telah lama berkhidmat di-kehendaki mengambil renchana dalam satu bahasa sahaja ia-itu Inggeris atau Melayu; (*b*) apa-kah tindakan Kerajaan berchadang hendak ambil untok mengelakkan perkara tidak puas hati di-kalangan juru<sup>2</sup>-trengkas yang lama dan yang baru memandang kapada perkara di-atas.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak benar lantekan sa-saorang Jurutrengkas ka-dalam jawatan ia-lah sa-bagai Jurutrengkas bahasa Melayu atau Jurutrengkas bahasa Melayu dan Inggeris. Dengan penerangan saperti yang saya sebutkan tadi, soalan bagi yang kedua ini tidak-lah berbangkit lagi.

#### BILANGAN JURU<sup>2</sup>-TRENGKAS MELAYU DAN BUKAN MELAYU YANG MENYANDANG JAWATAN TINGKATAN KHAS

**5. Tan Sri Hajjah Fatimah binti Haji Hashim** [*di-bawah S.O. 24 (2)*] ber-tanya kapada Perdana Menteri, berapa-kah bilangan juru<sup>2</sup>-trengkas Melayu dan Bukan Melayu yang menyandang Jawatan Tingkatan Khas ka-atas.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah juru<sup>2</sup>-trengkas yang menyandang Jawatan Tingkatan Khas ka-atas ada-lah saperti berikut:

Jurutrengkas Bangsa	...	2 orang
Melayu	...	

Jurutrengkas Bukan  
Melayu ... ... 113 orang.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis):** Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah itu berapa-kah jumlah yang perempuan?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah soalan baharu, saya berkehendakkan notis supaya dapat menjawab-nya.

### **WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT DAN PENANG-GOHAN SINE DIE (USUL)**

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membawa satu usul,

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat<sup>2</sup> yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 12 dan walau pun apa yang di-sharatkan dalam ketetapan berkaitan dengan Peratoran Meshuarat 12 yang telah di-luluskan oleh Dewan ini pada hari Ithnin, 10hb Februari, 1969. Dewan ini akan di-tanggohkan hari ini kapada suatu masa yang tidak di-tetapkan sa-telah selesai pertimbangan atas semua sakali urusan yang di-bentangkan dalam Atoran Urusan Meshuarat hari ini.

**Tuan Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat<sup>2</sup> yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 12 dan walau pun apa yang di-sharatkan dalam ketetapan berkaitan dengan Peratoran Meshuarat 12 yang telah di-luluskan oleh Dewan ini pada hari Ithnin, 10hb Februari, 1969. Dewan ini akan di-tanggohkan hari ini kapada suatu masa yang tidak di-tetapkan sa-telah selesai pertimbangan atas semua sakali urusan yang di-bentangkan dalam Atoran Urusan Meshuarat hari ini.

### **RANG UNDANG<sup>2</sup>**

#### **THE NATIONAL LAND CODE (AMENDMENT) BILL**

##### **Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masalah "Bahawa Rang Undang<sup>2</sup> ini di-bachakan kali yang kedua sekarang" (12hb Februari 1969).

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyambong jawapan yang telah saya berikan pada petang sa-malam.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan telah juga menyebut berkenaan dengan dua orang expatriate British dalam perbahathan kelmarin dan menyatakan ia-itu mereka itu tidak boleh di-usir daripada negeri ini oleh kerana mereka itu mempunya Kad Pengenalan Merah. Saya baharu sahaja menerima nasehat daripada Kementerian Dalam Negeri yang akan saya terangkan sekarang. Ini tidak-lah benar. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana orang<sup>2</sup> yang memegang Kad Pengenalan Merah boleh di-usir jika ada bukti yang mereka itu mengancam keselamatan negara, atau pun membuat sa-suatu perkara yang mengkhianati kepentingan negara tetapi, sa-bagai Kerajaan yang bertanggong-jawab, tidak-lah kita boleh mengusir dengan tidak ada sebab<sup>2</sup> atau bukti tertentu. Membuat keuntungan atau pun menchari keuntungan dengan chara halal dalam negara kita tidak-lah dapat di-anggap sa-bagai pengkhianatan kapada negara. Patut juga di-terangkan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu sa-orang dari dua nama yang di-sebutkan itu ada-lah wakil khas kepada Persatuan Penanam<sup>2</sup> Getah atau pun Rubber Growers' Association di-United Kingdom dan oleh kerana itu tidak-lah menasabah bagi Kerajaan mengarah supaya jawatan itu di-warga-negarakan. Tambahan lagi, gaji-nya ada-lah dibayar oleh majikan-nya terus daripada London.

Tuan Yang di-Pertua, nama yang kedua itu pula mengikut rekod Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, ia-nya ada-lah sa-orang Pengarah Sharikat Tempatan dan juga bekerja di-sa-buah Estate Agency. Sa-lagi tugas-nya tidak bertentangan dengan undang<sup>2</sup> negeri, tidak-lah ada apa<sup>2</sup> sebab bagi Kerajaan mengusir-nya walau pun kegiatan-nya mendatangkan keuntungan dari dirinya, atau pun bagi orang yang menjadi majikan-nya. Tambahan lagi jika ia-nya di-usir mustahak-lah juga sharikat<sup>2</sup> yang ada hubungan dengan-nya ya'ani

dalam masaalah tugas-nya itu tadi termasok-lah juga sharikat yang diuruskan oleh warga negara<sup>2</sup> ini ditutup. Tetapi dengan ada-nya undang<sup>2</sup> yang di-kemukakan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, sa-siapa yang menjalankan kegiatan yang bertentangan dengan semangat, atau pun isi undang<sup>2</sup> ini, boleh-lah di-ambil tindakan terhadap mereka itu termasok-lah pengusiran dari negeri ini. Ini-lah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, mengapa Undang<sup>2</sup> ini kita rasa sangat<sup>2</sup> penting.

Berhubong dengan tegoran<sup>2</sup> Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh dan yang lain<sup>2</sup>, jawapan yang saya beri ia-lah ini-lah kali yang pertama saya mengetahui masaalah itu telah timbul dan saya akan siasat, akan berhubong dengan Kerajaan Negeri apa sahaja tindakan yang sa-wajar yang patut diambil akan kita ambil.

Saya ingin juga mengambil kesempatan untuk memberi jaminan atas seruan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bahru ia-itu sharat<sup>2</sup> yang di-sebut dalam Fasal 214A pechahan Fasal 5 (b) dan (c) memang-lah tujuan Kerajaan Pusat untuk membuatkan panduan dan juga sharat<sup>2</sup> yang sa-rupa di-seluruh negara kita ini. Saya mengaku bahawa jikalau sa-buah Negeri mempunyai sharat yang lain, negeri Perak lain, Selangor lain, Johore lain, maka akan berkuchar-kachir-lah pentadbiran undang<sup>2</sup> ini kelak.

Jadi apa yang akan saya buatkan menerusi Kementerian saya ia-lah supaya sharat<sup>2</sup> atau pun chara<sup>2</sup> kita menjalankan Rang Undang<sup>2</sup> yang kita kemukakan sekarang ini ada-lah dengan membawa chadangan itu kepada National Land Council.

Sa-malam saya telah menolak chadangan Ahli Yang Berhormat dari Bachok supaya Bill ini di-serahkan kepada Select Committee atau pun ditanggohkan. Saya rasa ini tidak perlu di-buat kerana ini akan melambatkan Rang Undang<sup>2</sup> ini, sedangkan masaalah ini terpaksa kita jagakan, masaalah ini menghendaki penyelesaian dengan sa-berapa segera-nya.

Beberapa tegoran daripada Ahli Yang Berhormat, sa-orang-nya dari Kedah, lupa saya kawasan-nya, Tuan

Yang di-Pertua, berhubong dengan satu daripada chara syndicate<sup>2</sup> yang akan mengelakkan Fasal 214A yang baharu ini. Beliau menerangkan chara yang terkandong dalam Seksyen 221 Undang<sup>2</sup> Tanah Negara kita. Saya mengaku ini-lah kali yang pertama chara yang bagitu terlintas pada fikiran saya, dan oleh kerana masaalah ini menghendaki di-kajikan dengan sa-chara mendalam dan berunding dengan Kementerian Buroh dan dengan Peguam Negara, saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat sa-takat ini sama ada chadangan daripada beliau itu dapat saya terima atau pun tidak. Tetapi saya memberi jamin-lah jikalau saya yakin atau pun Kerajaan yakin bahawa ini ada-lah satu chara mengegah syndicate<sup>2</sup> boleh mengelakkan dasar Kerajaan untuk mengegah atau pun mengawal pemecahan estet itu, kita akan mengambil tindakan yang sesuai.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sahaja jawapan<sup>2</sup> yang dapat saya berikan. Jikalau saya telah tidak memberi jawapan kapada beberapa perkara<sup>2</sup> yang lain yang telah dibangkitkan pada petang kelmarin, saya akan mengkaji daripada uchapan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sakalian, dan akan mengambil tindakan yang sa-wajar-nya. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

*Fasal 1 hingga 3—*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:**  
Tuan Pengurus, di-bawah Fasal 2 (3) (b) melantek tidak lebih daripada empat orang ka-dalam Board atau pun Lembaga ini yang terdiri daripada Public Service ia-itu Pegawai Kerajaan. Saya mengeshorkan supaya termasok

sama di-dalam empat orang ini bukan sahaja daripada Public Service, tetapi juga daripada orang<sup>2</sup> kenamaan atau pun Notary Public.

Tuan Pengerusi, saya bawa perkara ini ia-lah keputusan Lembaga ini tidak mutlak, sebab keputusan ini boleh dibatalkan, atau pun di-akui oleh pehak yang berkuasa Negeri di-bawah che-raian (9) yang kata-nya: "The State Authority may confirm or reverse the decision of the Board". Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya rasa oleh kerana Board atau pun Lembaga ini di-beri kuasa memanggil sa-siapa juga untuk memberi statement, atau pun kenyataan atau apa<sup>2</sup> document, saya rasa bukan sahaja patut di-tentukan kapada gulungan Public Service tetapi juga kepada Notary Public.

**Tuan Mohd. Zahir bin Haji Ismail (Sungai Patani):** Tuan Pengerusi, apa yang telah pun di-uchapkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan perkara yang saya kata kelmarin bersangkut dengan pajak yang membolehkan tuan2 tanah mengillangkan daripada kuat-kuasa undang<sup>2</sup> ini jikalau sa-kira-nya di-perkuat-kuasakan, maka saya meminta fikiran daripada Menteri yang berkenaan kalau jika sa-kira-nya Clause 214A (1) itu dipinda sadikit supaya mengurangkan peluang<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> daripada mengillangkan kuat-kuasa undang<sup>2</sup> ini, ia-itu perkataan: "Notwithstanding anything contained in this Act, no estate land is capable of being transferred." Kemudian di-tambahkan perkataan: "Leased or sold by agreement to one or more persons," daripada perkataan "two" itu di-tukarkan kepada "one or more persons." Yang lain-nya sa-macham. Sabagaimana keterangan yang saya berikan kelmarin jikalau sa-kira-nya tanah<sup>2</sup> itu banyak grant<sup>2</sup> dan grant<sup>2</sup> itu kesemua-nya di-jumlah lebuh daripada 500 ekar, tetapi satu2 grant itu lazim-nya ada kurang daripada 500 ekar. Maka tuan tanah itu boleh menjualkan satu grant itu kepada satu orang, kemudian orang itu sa-telah pula mendapat nama-nya dalam grant itu kurang daripada 500 ekar, maka boleh-lah dia itu menjualkan tanah-nya itu kepada beberapa orang pula yang di-kehendaki. Dengan jalan ini, Tuan Pengerusi,

jikalau sa-kira-nya kita buboh "one or two more persons" maka termasok-lah kapada kehendak<sup>2</sup> atau pun terikat-lah kapada sharat<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> ini.

Yang satu lagi perkara yang saya hendak sebutkan ia-lah di-bawah Che-raian kecil (11) itu ia-itu line yang ka-bawah sa-kali: "and the lots constituting such are being contiguous". Perkataan "contiguous", Tuan Pengerusi, ia-lah bermáana "adjacent". Jadi jikalau sa-kira-nya tanah itu umpama-nya di-cheraiakan oleh satu jalan raya sa-belah kanan-nya ada 450 ekar yang sa-belah kiri itu 499 ekar umpama-nya. Jadi tidak termasok-lah, atau pun tidak terikat-lah kapada undang<sup>2</sup> ini. Sapatut-nya Tuan Pengerusi, jikalau sa-kira-nya sharat ini di-pinda: "Such land is being operated as one unit", saya ingat baharu-lah terikat dan itu-lah tujuan pada fikiran saya undang<sup>2</sup> yang di-hadapan kita ini.

**Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (dengan izin):** Mr Chairman, Sir, I refer only to the Schedule which follows Clause 3.

**Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Schedule belum lagi di-bin-chang.

**Tuan Pengerusi:** Schedule sudah termasuk dalam Fasal 3.

**Dr Lim Chong Eu:** Sir, it comes under Clause 3. I only raise this question to the Honourable Minister for his future attention, because obviously the intention of this amendment is good—that is the reference in the Schedule, paragraph 2 (k), "Other facilities" and paragraph 3 (iv) "Any other relevant information".

Sir, I feel that whilst this Schedule and the Bill provides for the interest of the employees in the estates, there are also other interested parties, namely, ground tenants, and "Other facilities" might refer to roads and supply of water, and the question of "any other relevant information" will enable the Estate Land Board to make a decision in the sale of the land as to which purchaser will be responsible for the maintenance of these facilities after the sale has been effected.

One of the dire effects of fragmentation has been that a hiatus is caused

in which the Local Authority does not take over the responsibility for the maintenance of these facilities and estates under new purchasers also are not responsible, and so the dwellers on the estates are caught in between; I hope, Sir, that the Honourable Minister will spell out in greater detail "Any other relevant information", in particular, stressing as to who will be responsible for the maintenance of these facilities after the transfer of the land.

**Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Tuan Pengerusi, saya menolak chadangan Ahli Yang Berhormat dari Bachok berkenaan dengan pindaan kepada Clause baharu 214A (3) (b). Tetapi bagaimana pun jikalau di-dalam perjalanan Rang Undang<sup>2</sup> ini kelak didapati mustahak services atau pun perkhidmatan orang<sup>2</sup> kenamaan di-kehendaki, saya akan membawa satu pindaan pada masa akan datang.

Berhubung dengan masaalah leases tadi, Tuan Pengerusi, saya baharu lihat Section 225, sub-section (2) dalam Undang<sup>2</sup> Tanah Negara yang berkata: "Without prejudice to paragraph A of sub-section 1 no lease or tenancy may be granted to two or more persons or bodies otherwise than as trustees or representatives." Dengan hal yang demikian sa-pintas lalu saya berpendapat bahawa masaalah yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Patani itu tidak berbangkit. Mengenai taarif perkataan "*contiguous*" dengan contoh yang telah di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya telah di-nasehatkan bahawa ini termasuk estate yang di-bahagikan oleh jalan raya di-sabelah mithalnya 300 dan sabelah lagi 400; di-tengahnya ada satu jalan ini di-kira *contiguous*. Dalam definition dictionary pun contiguous itu bukan bermaksud mestи berpatas kali, asal sahaja ada berdekatan di-anggap sa-bagai satu unit, maka ini akan di-anggap sa-bagai *contiguous*. Bagaimana pun perkataan yang saperti ini, Tuan Pengerusi, memang-lah selalu menjadi hujjah dalam mahkamah dan lain<sup>2</sup>, jika tidak bagitu ketat di-masa yang akan datang, saya akan meminta pertolongan Ahli Yang Berhormat itu kelak memberi satu perkataan baharu yang lebih sa-chuchok atau pun sesuai lagi.

*Fasal 1 hingga 3* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### THE MAJLIS AMANAH RA'AYAT (AMENDMENT) BILL

**Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**  
**Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menchadangkan Rang Undang<sup>2</sup> Majlis Amanah Ra'ayat (Pindaan) 1969 di-bacha kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang Dewan ini sudah ma'alum, Majlis Amanah Ra'ayat atau pun MARA telah di-tubohkan dengan kelulusan dan penoh harapan oleh Dewan yang mulia ini kira<sup>2</sup> tiga tahun dahulu. Semenjak di-tubohkan kita telah lihat bagaimana MARA berkembang dengan pesat-nya menjalankan dasar<sup>2</sup> Kerajaan bagi meninggikan lagi taraf hidup ra'ayat khas-nya penduduk<sup>2</sup> di-luar bandar. Pada masa ini MARA di-awasi oleh sa-buah Majlis yang mengandungi 15 orang ahli<sup>2</sup> termasuk-lah Pengerusinya. Lima daripada ahli-nya ia-lah wakil<sup>2</sup> daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, Kementerian Perusahaan dan Perdagangan dan juga Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sembilan orang ahli yang lain ada-lah terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam hal kewangan, perniagaan dan perusahaan. Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita, sangat-lah berpaus hati dengan kerja<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh ahli<sup>2</sup> Majlis ini, sunggoh pun bagitu oleh kerana kerja<sup>2</sup> dan tugas MARA telah berkembang dengan bagitu luas ada-lah di-fikirkan Majlis ini patut-lah di-perbesarkan lagi supaya segala perbinchangan dapat di-jalankan dengan lebih mendalam lagi. Dengan ini juga ada-lah di-harapkan pengalaman dan pengetahuan daripada orang 'awam dalam perniagaan dan perusahaan dapat di-gunakan untuk kemajuan MARA. Oleh itu ada-lah tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini meminda Bab 3, Pechahan 3 (f) Majlis Amanah Ra'ayat Act atau pun Act 20 tahun 1966.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bharu Barat):** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya uchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah kapada MARA yang telah mengambil peranan yang sangat baik bagi ra'ayat jelata terutama sa-kali bumiputra dalam segi perniagaan. Dari segi orang<sup>2</sup> dalam gulongan bumiputra hanya sa-bilangan sadikit sahaja yang mengambil bahagian dalam bidang perniagaan, terutama sa-kali berkenaan menjual barang<sup>2</sup> runchit. Sunggoh pun barang<sup>2</sup> runchit ini di-pandang kecil, tetapi sa-tiap hari, Tuan Yang di-Pertua, sa-kurang<sup>2</sup>-nya empat juta ringgit berganti tangan antara satu dengan lain, berma'ana kalau di-katakan bumiputra ada empat juta, tiap<sup>2</sup> sa-orang akan membelanjakan sa-ringgit sahaja ia-itu sudah makan empat juta ringgit. Jadi banyak juga ahli<sup>2</sup> bumiputra yang berniaga di-kampung<sup>2</sup> dan di-bandar tidak bagitu maju, oleh sebab yang pertama sa-kali mereka itu tidak ada pengalaman berniaga. Ini yang mustahak sa-kali dan yang kedua modal, yang ketiga tempat perniagaan. Saya telah juga menchuba dalam perkara ini membuka sa-buah kedai dan mengambil kanak<sup>2</sup> yang berumor antara 15 dengan 16 tahun dalam empat orang tetapi ada dua yang telah maju sekarang dalam perniagaan. Saya shorkan sekarang bagi pehak MARA sunggoh pun ada mengajar segi<sup>2</sup> meniaga sa-chara teori sahaja, prektikel-nya tidak ada. Jadi patut-lah di-buka sa-bagaimana yang telah saya shorkan, kalau tidak salah pada satu dua tahun dahulu, membuka kedai<sup>2</sup> ini umpama-nya satu kedai di-bandar<sup>2</sup> katakan di-Kuala Lumpur ini satu, tempat saya di-Johor Bharu satu, untuk melateh anak<sup>2</sup> kita yang gagal dalam persekolahan-nya L.C.E., tidak lebeh umor 15 tahun melateh mereka itu chara berniaga yang sa-betul-nya dengan disciplin-nya, peratoran-nya, pakaian-nya, makanan-nya sa-chara ekonomi dan sa-bagai-nya. Ini berlateh betul<sup>2</sup> dan di-beri gaji pula tak usah-lah mahal katakan yang baharu bekerja tahun yang pertama \$30, tahun yang kedua \$40, tahun yang ketiga \$60 dan sa-terus-nya sampai-lah \$70 hingga \$80. Jangan beri lebeh dari-

pada itu dan bekerja mesti sa-bagaimana orang yang bukan Melayu. Tidak pakai masa, macham ikut masa 8 jam atau 9 jam, orang berniaga tak boleh macham itu; mesti bekerja dengan bersunggoh<sup>2</sup> dan di-lateh chara memikul barang dan mengangkat barang dan sa-bagai-nya, sebab ini umpama-nya macham bersekolah juga, dan makan itu di-beri asal kenyang sahaja, tidak-lah makan sa-bagai taukeh, mesti makan kenyang sahaja, asal boleh kenyang chukup. Kerja mesti mahu lebeh, makan mesti mahu sadikit, tetapi kenyang-lah, berma'ana lauk<sup>2</sup>-nya itu pun mesti macham orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu dengan tauco pun chukup, ikan bilis pun chukup, kachang goreng pun chukup; kalau hendak makan besar tak boleh untong. Jadi chara bagini sahaja-lah di-lateh budak<sup>2</sup> ini sa-hingga umor 21-22 di-berhentikan. Kemudian dinasehatkan membuka kedai di-kampung<sup>2</sup> dan di-mana tempat yang patut di-buka. Tentang gaji-nya pula tiap<sup>2</sup> bulan hanya boleh di-terima 25% dan 75% itu di-simpan oleh majikan. Dan ini akan di-bayar apabila sampai masanya enam tujoh tahun akan di-bayar kapada mereka itu dan di-beri modal supaya mereka itu berniaga di-kampung-nya atau di-tempat<sup>2</sup>-nya. Bukan itu sahaja umpama-nya dia telah simpan \$3,000; \$4,000 dan di-tambah lagi \$3,000; \$4,000 supaya mereka itu berniaga. Saya ingat sa-chara ini sahaja-lah yang boleh orang Melayu kita berniaga.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kira sahaja satu hari empat juta ringgit kalau untong 5% sahaja lebeh kurang \$200 ribu, sa-tahun sudah berapa juta ringgit yang orang Melayu (bumiputera) sudah rugi? Kalau hendak meninggikan taraf hidup orang<sup>2</sup> kita Melayu, ini-lah chara-nya, bukan-lah kedai<sup>2</sup> di-mana<sup>2</sup>. Kemudian apabila sudah maju kedai itu sampai 10, hingga 15 tahun yang akan datang, maka kedai itu di-buka oleh sharikat yang berhad terbuka kapada orang<sup>2</sup> bumiputera. Saya ingat sa-lagi tidak di-buat sa-macham ini, sa-lama itu-lah orang Melayu tidak dapat berniaga barang<sup>2</sup> runchit.

Saya harap jangan-lah Kementerian ini memandang yang berniaga runchit

ini kecil—tidak, ini-lah yang mendapat untung yang banyak sa-kali. Sampai di-sini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya ada-lah menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini. Terima kaseh.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan perbahahan saya yang rengkas ini dengan menyatakan bahawa saya amat-lah tertarek hati dengan penerangan<sup>2</sup> yang di-beri oleh sahabat saya yang baharu berchakap tadi, ia-itu terbayang bagaimana chara<sup>2</sup> kita hendak berniaga, tetapi malang-nya bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masa untuk berniaga sa-bagai wakil ra'ayat, saya sebok dengan tugas<sup>2</sup> saya. Memikir perkara itu pun tidak ada masa. Apa yang saya hendak sebut di-sini, ia-lah berkenaan dengan menambah dua orang lagi. Saya sokong, Tuan Yang di-Pertua, menambah bukan sahaja dua tetapi apabila usaha<sup>2</sup> MARA ini bertambah luas lagi bukan sahaja dua, tetapi beberapa orang yang patut kita tambah. Saya kata bagitu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mengikut ma'alumat yang ada pada saya sadikit sa-banyak yang saya fikir benda ini boleh berguna dan di-chakapkan dalam Dewan ini, ia-itu kenyataan yang di-buat oleh Enche' Othman bin Mohd. Sham, ia-itu Pengarah Pentadbiran MARA.

Sayang-nya kenyataan ini di-buat dalam bahasa Inggeris, saya minta hendak berchakap dalam bahasa Inggeris, hendak bacha sadikit tetapi slang dia Arab Hadralmaut sadikit bunyi-nya. "We do admit MARA factories had been a failure. MARA Council has decided to close down all the factories and hand them over lock, stock and barrel to R.R.I.—Rubber Research Institute".

Ini, Tuan Yang di-Pertua, kenyataan ini di-buat pada 20hb September, tahun 1967. Apabila saya chuba<sup>2</sup> menjalankan penyiasatan mengikut ma'alumat yang saya boleh dapat barangkali angka<sup>2</sup> itu tidak tepat, tetapi lebih kurang ia-itu dalam usaha<sup>2</sup> perusahaan perkilangan ia-itu industry, saya tidak berchakap dari segi buka kedai runchit, yang saya tertarek berkenaan dengan

factory ia-itu pernah di-beri kira<sup>2</sup> dekat \$5 juta. Apabila di-semak apa erti-nya yang factory<sup>2</sup> ini hendak di-tutup di-dapati factory<sup>2</sup> ini kena mengena dengan getah kalau tidak silap saya dan sudah rugi \$2.7 juta? Erti-nya hampir<sup>2</sup> \$2 juta sudah hilang sa-macham itu sa-hingga hendak tutup ka-semua, saya pun tidak tahu apa stock and barrel semua hendak serah sampai \$2 million hendak rugi. Jadi erti-nya, Tuan Yang di-Pertua, nampak sangat-lah dalam MARA ini tidak ada orang yang punya pengalaman sebab itu saya menyokong supaya di-adakan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sungutan<sup>2</sup> daripada pehak MARA ia-lah ada badan<sup>2</sup> yang lain yang dibawah Kerajaan juga yang di-tugaskan dalam lapangan<sup>2</sup> yang sa-akan<sup>2</sup> dengan itu jadi erti-nya MARA ini tidak dapat hendak menamakan diri-nya dia-lah yang kita sebutkan champion mithal-nya, dia-lah sahaja yang membuat perkara itu. Di-samping ada persaingan itu badan<sup>2</sup> lain itu di-beri segala kemudahan dan di-beri pegawai<sup>2</sup> dan bantuan<sup>2</sup> yang lebih elok dan lebih baik daripada pehak MARA sendiri. Ini telah menyebabkan kita rugi sampai dua juta ringgit lebih, Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi perkara<sup>2</sup> yang lain ada yang baik daripada MARA, saya tidak hendak menafikan, ada baik banyak, tetapi yang kita hendak bahath dalam Dewan ini bukan benda yang baik, kita hendak bahath benda yang tidak elok bagaimana hendak di-elok-kan. Sa-orang doktor dia kalau satu orang itu sakit tangan, dia tidak hendak pereksa tempat yang sehat, dia hendak pereksa tempat yang sakit itu, hendak di-beri ubat. Jadi ini saya berchakap ini dari segi tempat yang sakit tempat yang sehat itu tidak perlu di-chakapkan dan saya tidak mahu di-salah-fahamkan bahawa saya ini mengatakan MARA itu langsung tidak baik dan saya tidak perchaya Kementerian ini bermiat hendak buat benda yang tidak baik kerana apa yang di-buat ini pun sudah chukup ta' baik-lah.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, yang kita hendak adakan tambah orang ini, saya lebih suka di-pileh daripada kalangan industry, bukan dari segi

commerce, bukan dari segi perdagangan, walau pun yang di-sebut di-sini kita hendak tambah orang yang ada pengalaman dalam kedua<sup>2</sup>. Sebab saya nampak yang kita kehendaki bagi MARA yang hendak bekerja di-luar bandar yang hendak menolong satu nation yang sedang membangun perdagangan itu terpaksa kita berhajat kepada orang<sup>2</sup> yang banyak mempunyai pengalaman dan ini boleh-lah kita katakan di-serahkan kepada gulongan entrepreneur dalam negara ini. Tetapi berkenaan dengan factory, berkenaan dengan industry, kita berhajat kepada orang<sup>2</sup> yang mengerti—technical know-how—dalam perkara<sup>2</sup> ini dan ini patut kita tambahkan.

Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, ahli<sup>2</sup> yang telah di-adakan ini ia-itu 15 orang termasuk Pengurus, lima orang wakil daripada Kementerian kalau tidak salah saya, sembilan orang daripada orang<sup>2</sup> yang ada pengalaman bagi kedua<sup>2</sup> ia-itu pengalaman di-dalam perdagangan dan perindustrian saya tidak tahu yang mana, yang beratnya sahaja kedua sa-kali di-rangkumkan. Saya kata bagini, Tuan Yang di-Pertua, ada mithal-nya saya bagi satu mithal ia-itu dalam Kementerian Pertanian oleh kerana ijazah pegawai itu ijazah pertanian, tetapi ijazah-nya itu yang di-pelajari-nya itu ia-lah dari segi perikanan tetapi dia menjadi lecturer agronomy dan dia jadi lecturer di-dalam bahagian wet crop dengan dry crop, dia lulus bahagian perikanan. Jadi saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, yang akan di-tambah ini pun termasok ka-dalam commerce atau pun perdagangan dan perdagangan itu akan berlaku-lah apa yang di-bayangkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada sa-belah kiri saya tadi ia-itu buka kedai gaji \$70 bagi makan kuat<sup>2</sup>, kemudian tolong dia dan lain<sup>2</sup> lagi. Jadi, ini kesemua, Tuan Yang di-Pertua, bagi kerja<sup>2</sup> yang termasok yang hanya di-dalam bahagian yang di-sebutkan ekonomi MARA ini bahagian fishery, bahagian kecil<sup>2</sup>, yang saya mahu ini ia-lah berkenaan dengan industry. Dan kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan harapan terakhir sa-kali saya harap MARA dapat mengadakan heavy industry, biar ada satu

perusahaan yang boleh mengeluarkan barang yang lain, mithal-nya membuat alat<sup>2</sup>, kita membuat di-sini, sebab belum ada lagi heavy industry di-negara kita ini.

Yang lagi satu ia-lah berkenaan dengan usaha<sup>2</sup> MARA di-negeri Kelantan. Saya juga suka memberi terima kaseh di atas usaha<sup>2</sup> yang di-buat di-negeri Kelantan, tetapi saya dapat tahu factory<sup>2</sup> batek di-negeri Kelantan menemui kesulitan<sup>2</sup> yang banyak, hanya batek sahaja-lah yang kita nampak satu perusahaan yang kita nampak bumi-putra ini boleh menjalankan pada masa ini. Dalam pada itu pun saya dapat tahu sudah hendak di-adakan satu factory yang tidak lagi memakai usaha tangan, dan itu kalau di-adakan, sudah tentu-lah batek<sup>2</sup> yang menggunakan chara manual ini akan mati bagitu sahaja, dengan demikian peluang ra'ayat hendak hidup tidak banyak.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang bertanya kapada saya berkenaan dengan batek ini supaya di-export ka-luar negeri dengan chara yang banyak sa-hingga ka-Eropah dan ka-Amerika. Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, telah membuat satu chontoh pakaian Melayu, chukup dengan samping, tanjak semua, saya sudah pakai baju itu pergi ka-majlis<sup>2</sup> rasmi dan berjumpa dengan beberapa orang Ketua Negara hendak tolong supaya MARA ini naik. Dengan demikian bila saya telah buat terima kaseh kapada MARA ini, tidaklah Tun Razak dengan Ghafar Baba kachau kawasan saya selalu (*Ketawa*).

**Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya banyak point<sup>2</sup> berbatu<sup>2</sup> jauhnya daripada Rang Undang<sup>2</sup> ini. Rang Undang<sup>2</sup> ini senang sahaja, sama ada kita hendak tambah daripada lima kapada tujuh atau pun tidak,—itu sahaja.

Berhubung dengan kegagalan beberapa perusahaan memang perkara yang biasa berlaku, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja pertubuhan saperti MARA, bahkan dalam private enterprise pun ada orang yang mempunyai pengalaman berpuloh<sup>2</sup> tahun dari datok nenek mereka itu, chuchu mereka berdagang dia bankrupts. Jadi success atau

pun kejayaan dalam segala perusahaan itu bukan bergantong kapada pengalaman sa-saorang sahaja, beberapa faktor<sup>2</sup> lain mesti di-kaji dan mempunyai bearing atau pun sangkutan dengan sa-suatu projek itu. Kadang<sup>2</sup> satu projek atau factory berjaya dua tahun, sa-lepas itu ada perkara<sup>2</sup> baharu yang timbul memaksakan factory itu ditutup. Perkara bagini telah berlaku di-mana<sup>2</sup> tempat sahaja, bukan kerana pegawai kita tidak chekap, tidak mempunyai pengalaman dan lain<sup>2</sup>. Memang saya mengaku Ahli Yang Berhormat itu sa-masa pergi ka-Timor Tengah dia menggunakan kain batek, menggunakan tengkolok yang di-letakkan di atas kepala-nya sa-hingga sa-masa dia berjumpa sama<sup>2</sup> dengan saya dengan Raja Arab Saudi. Raja itu berfikir dia menjadi jongos saya (*Ketawa*). Kain batek dia itu pelek sangat, Tuan Yang di-Pertua, nampak machan kain batek yang di-pakai oleh jongos sa-masa Belanda di-Indonesia dahulu. Jadi, tidak mengharumkan nama MARA. Bagaimana pun kita terima kaseh atas rasa dia hendak memberi projection yang baik kapada MARA ini, tetapi salah tembak (*Ketawa*).

Satu uchapan Ahli Yang Berhormat itu yang menarek hati saya ia-lah kata-nya kita masok dalam Dewan ini hendak membincangkan perkara yang tidak elok, yang tidak baik. Ini-lah mentality dia ini, balek dari Timor Tengah, balek dari Brastagi, dia sudah chuchi dia lain pula. Dahulu dia masok di-sini kalau Kerajaan baik dia puji chukup bagus, bukan sahaja perkara yang tidak, baik perkara yang baik<sup>2</sup> pun kita binchangkan dalam Dewan ini, bukan Dewan ini satu Dewan yang kotor. Tetapi sekarang nampak-nya Ahli ini sa-hari sa-makin dia punya taraf perbahatan dia sa-makin-lah mengikut Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat parti Pembangkang yang lain.

Berkenaan dengan factory batek di-Kelantan mungkin ada kerumitan. Yang di-Pertua, dia ada di-sini memang-lah tiap<sup>2</sup> satu perusahaan itu ada sadikit<sup>2</sup> kerumitan. Ahli Yang Berhormat itu hendak tulis buku ugama, hendak jual buku ugama pun ada kesulitan, dia lari dari Bachok pergi ka-Brastagi

hendak tulis buku ugama, kerana ada kesulitan di-Bachok tidak boleh kerja, dia lari, tetapi sa-telah dia balek dia success, dia kata banyak jual buku dia itu. Sunggoh pun bagitu, dia buat perniagaan besar tulis buku, jual buku, dia kata tidak bermiaga, mana tidak bermiaga, dapat untung besar boleh bayar balek Kerajaan punya tambang hendak pergi Timor Tengah, dia sanggup hendak bayar balek sa-malam (*Ketawa*). Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagitu-lah sahaja jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat ini.

**Menteri Ta' Berjabatan (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyambong jawapan berkenaan dengan factory getah yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok. Yang sa-benar-nya factory<sup>2</sup> getah yang di-jalankan oleh RIDA dahulu telah di-serahkan kepada R.R.I. kerana di-fikirkan R.R.I. adalah badan yang lebih menasabah menjalankan kilang<sup>2</sup> getah dan pada hari ini saya di-beritahu bahawa kilang<sup>2</sup> MARA yang di-jalankan oleh R.R.I. itu ada-lah berjalan dengan baik-nya. Bagi pehak MARA ada memberikan bantuan yang lain kapada penduduk luar bandar yang di-namakan Ranchangan Membekukan Getah Berkelompok (Rubber Processing Centre) dengan bantuan perchuma. Di-Kelantan pun ada banyak mereka yang mendapat faedah daripada ranchangan yang saya sebutkan itu. Berhubong dengan soal kain batek pula, apa yang di-sebutkan oleh wakil dari Bachok tadi ia-itu konon-nya ada di-buka sa-buah kilang yang menggunakan jentera di-negeri ini. Kalau ini di-maksudkan kapada kilang yang di-buat oleh MARA di-Petaling Jaya bahawa kilang itu pun ada-lah juga menggunakan tenaga manusia seperti juga kilang di-negeri Kelantan itu. Dalam usaha menolong pembatek<sup>2</sup> di-Kelantan sa-buah gabongan perniagaan batek telah pun di-tubohkan dan MARA telah menanamkan modal sa-banyak \$300,000 dalam usaha meninggikan lagi pengeleuaran-nya dan juga menchari pasaran yang baik. Dan saya dapatni pembatek<sup>2</sup> di-Kelantan semenjak di-bantu oleh MARA boleh di-katakan mendapat perniagaan yang elok, sebab dalam

memungut Yayasan Pelajaran MARA sa-bahagian besar dapat di-pungut dari pada pembatek<sup>2</sup> yang datang daripada Kelantan. Ini menunjukkan mereka ada mendapat faedah daripada MARA. Oleh sebab itu apabila Ahli Yang Berhormat berchakap di-Kelantan balek lepas daripada ini tolong-lah berithu orang Kelantan bahawa MARA ini sangat-lah besar faedah-nya kepada ra'ayat negeri ini dan juga kepada ra'ayat Kelantan khas-nya.

Eksepot kain batek ka-luar negeri sedang di-usahakan. Saya berharap sa-tiap kali Ahli Yang Berhormat keluar negeri elok pakai suit batek.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusi-kan Jawatan-kuasa)

*Fasal 1 dan 2—*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya minta di-pinda perkataan yang akhir sa-kali "tujoh" itu kapada sa-puloh, yang "lima" kita potong di-sini minta jadi "tujoh", saya minta jadi sa-puloh. Sebab-nya, Tuan Pengerusi, memandangkan kapada projek<sup>2</sup> yang besar yang kita dengar yang di-katakan oleh Kerajaan hendak membuat saya rasa tidak chukup tujoh orang ini, terutama kalau kita tambah dua orang sahaja bererti satu di-Pantai Barat dan satu di-Pantai Timor bagi Malaysia ini, sedang kita dekat dengan Pilehan Raya ini kesemua negeri hendak pergi. Jadi kalau kita tambah sa-puloh atau lebih tentu-lah pegawai<sup>2</sup> ini dapat di-suroh oleh Kerajaan pergi ka-semua negeri sa-kali. Ini boleh menguntungkan badan MARA ini sendiri dan agak-nya Kerajaan pun dapat kesempatan juga faedah sadikit sa-banyak untuk Pilehan Raya dengan pegawai<sup>2</sup> ini.

**Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Tuan Pengerusi, nampak-nya Ahli Yang Berhormat ini kena demam pilehan raya, belum pilehan raya dia sudah naik takut. Jadi dengan sebab itu dia sudah meleret berchakap dua tiga hari ini. Kerajaan kita tolak sa-puloh ribu kali tolak chadangan Ahli Yang Berhormat itu.

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### RANG UNDANG<sup>2</sup> LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa suka-chita dan bangga kerana dapat mengemukakan di-dalam Dewan ini Rang Undang<sup>2</sup> mengenai penubohan satu perbadanan yang dinamakan Lembaga Urusan dan Tabong Haji yang akan bertanggong-jawab dan mempunyaī kewajipan bagi menguruskan simpanan<sup>2</sup> wang bakal<sup>2</sup> haji dan juga bagi menjalankan pengawasan dan penyeliaan atas segala hal yang berkaitan dengan perkara penunaian fardhu haji.

Sa-bagaimana Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sedia ma'alum, tiap<sup>2</sup> tahun lebeh dari pada 6,000 orang ra'ayat Malaysia yang berugama Islam dan sa-bilangan besar daripada mereka terdiri dari penduduk<sup>2</sup> di-kawasan luar bandar, berhijrah katanya suchi untok menuaikan fardhu haji, ia-itu satu daripada rukun Islam yang lima. Jumlah ini akan meningkat naik dari satu masa ka-satu masa, dari satu tahun ka-satu tahun, apabila negara kita telah bertambah ma'amor dan maju dan apabila ra'ayat luar bandar menikmati pendapatan yang lebih tinggi kerana ada dan terlaksana dengan jaya-nya ranchangan<sup>2</sup> pembangunan Kerajaan di-negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, enam tahun yang lalu Dewan ini telah meluluskan Undang<sup>2</sup> Penubohan Perbadanan Wang Simpanan Bakal<sup>2</sup> Haji. Perbadanan

Wang Simpanan Bakal<sup>2</sup> Haji yang ditubohkan mengikut undang<sup>2</sup> yang diluluskan oleh Dewan ini ada-lah bertujuan hendak menyenang dan menggalakkan bakal<sup>2</sup> haji menyimpan wang<sup>2</sup> mereka supaya wang<sup>2</sup> yang di-kumpulkan itu boleh di-gunakan untuk membeli saham<sup>2</sup> perniagaan dan di-jadikan modal di-dalam berbagai<sup>2</sup> perusahaan dan perniagaan. Dengan chara yang demikian, bukan sahaja wang<sup>2</sup> mereka tersimpan dalam keadaan yang ter-selamat, tetapi penyimpan<sup>2</sup> yang berkenaan akan juga dapat mengambil bahagian di-dalam perniagaan<sup>2</sup> yang besar di-dalam negara ini di-samping mendapat keuntungan<sup>2</sup> yang menasabah daripada perniagaan<sup>2</sup> yang tersebut. Dengan chara itu juga penyimpan<sup>2</sup> itu dapat memberi sumbangan kapada usaha<sup>2</sup> pembangunan negara ini.

Kejayaan<sup>2</sup> yang telah di-chapai oleh Perbadanan ini ada-lah lebuh daripada yang di-jangkakan apabila chadangan bagi menubohkan-nya di-timbangkan lebuh kurang enam tahun yang lalu. Sa-bagai satu daripada ranchangan Kerajaan bagi memberi kemudahan<sup>2</sup> yang sa-wajar-nya kapada ra'ayat yang dudok di-kawasan luar bandar, Perbadanan ini telah memberi kesan yang besar bukan sahaja kapada mereka<sup>2</sup> yang menggunakan peluang<sup>2</sup> yang di-adakan bahkan kapada perkembangan<sup>2</sup> ekonomi negara kita ini.

Perbadanan yang di-tubohkan itu telah di-letakkan di-bawah jagaan dan pimpinan saya sendiri sa-bagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Dengan segala keshukoran dan kebangsaan, saya sukachita menyatakan di-dalam Dewan ini bahawa Perbadanan itu telah menchatetkan beberapa kemajuan yang besar di-dalam melaksanakan bidang tujuan<sup>2</sup>-nya. Di-dalam masa yang singkat sahaja Perbadanan ini telah mempunyai lebuh daripada 40,000 orang penyimpan wang. Jumlah wang simpanan yang di-kutip daripada bakal<sup>2</sup> haji telah meningkat kepada angka \$12 juta. \$8 juta daripada simpanan itu telah di-perniagakan di-dalam beberapa perniagaan<sup>2</sup> yang besar.

Di-dalam masa yang singkat juga Perbadanan ini telah memperolehi tidak kurang daripada \$1.4 juta sa-

bagai keuntongan. Keuntongan ini telah di-keluarkan kapada penyimpan<sup>2</sup> sa-bagai bonus. Dalam tahun 1966 bonus yang di-keluarkan ia-lah 3%, dalam tahun 1967 4% dan dalam tahun 1968 bonus<sup>2</sup> ini meningkat kapada 5%. Selain daripada itu, beribu<sup>2</sup> orang penyimpan dalam Perbadanan ini telah dapat menyempurnakan fardhu haji mereka dalam lima tahun yang lalu. Dalam tahun ini sahaja tidak kurang daripada 1,500 penyimpan<sup>2</sup> Perbadanan ini telah dan akan bayar ka-tanah suchi bagi menunaikan fardhu haji.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah di-luluskan oleh Dewan ini, kegiatan<sup>2</sup> Perbadanan ini ada-lah terhad kapada usaha<sup>2</sup> mengumpul dan menggunakan wang simpanan itu untuk faedah bakal<sup>2</sup> haji sahaja. Perkara<sup>2</sup> seperti pengawasan, keselamatan, hal<sup>2</sup> urusan dan kebajikan bakal<sup>2</sup> haji adalah terletak di-bawah jagaan dan urusan Jabatan Urusan Haji.

Jabatan Urusan Haji ini ada-lah bertanggong-jawab atas kebajikan dan kemudahan<sup>2</sup> yang sempurna bagi semua bakal<sup>2</sup> haji mulaî daripada mereka meninggalkan rumah<sup>2</sup> mereka sa-hingga-lah mereka itu selamat balek ka-rumah tangga mereka itu sa-lepas menunaikan fardhu haji. Dengan menggunakan kuat kuasa dan berpandukan kapada Undang<sup>2</sup> Bakal<sup>2</sup> Haji Tahun 1951, Jabatan ini telah mengadakan perkhidmatan<sup>2</sup> yang memuaskan dan layanan<sup>2</sup> yang di-beri kapada bakal<sup>2</sup> haji kita ada-lah tinggi mutu-nya jika di-bandingkan dengan layanan bakal<sup>2</sup> haji dari negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Jabatan ini Kerajaan telah menjalankan segala usaha dalam susunan yang ada pada hari ini untuk faedah dan kesenangan bakal<sup>2</sup> haji itu. Jadi tidak payah saya sebutkan segala kemudahan<sup>2</sup> yang telah di-beri itu sa-hingga-kan kapada tukang<sup>2</sup> masak di-dalam kapal<sup>2</sup> haji pun ada di-sediakan ia-itu tukang<sup>2</sup> masak yang di-lateh oleh MARA sendiri untuk memenuhi kehendak<sup>2</sup> bakal<sup>2</sup> haji itu.

Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun demikian, urusan, layanan dan perkhidmatan yang di-nikmati oleh bakal<sup>2</sup> haji kita itu sa-harus-nya-lah di-perbaiki

lagi dari sa-masa ka-samasa sa-jajar dengan kemajuan<sup>2</sup> dan kegiatan<sup>2</sup> kita sa-bagai sa-buah negara yang pesat membangun di-dalam serba lapangan.

Sa-bagaimana yang telah di-hakimkan oleh ra'ayat semenjak Kerajaan Perikatan menjalankan pentadbiran negara kita ini, Kerajaan Perikatan sentiasa memenohi janji yang di-perbuat. Kerajaan Perikatan telah melancharkan ranchangan<sup>2</sup> pembangunan dan juga menjaga kepentingan<sup>2</sup> ra'ayat. Jadi menurut dasar ini-lah Kerajaan menchadangkan ia-itu satu lagi ranchangan patut-lah di-adakan ia-itu di-tubohkan satu Perbadanan yang besar meliputi segala aspek<sup>2</sup> yang berkaitan dengan fardhu haji ini ia-itu berkaitan dengan orang<sup>2</sup> yang hendak menunaikan fardhu haji.

Tuan Yang di-Pertua, masa-nya telah sampai-lah bagi aspek ini atau perkara menyimpan wang kerana fardhu haji dan juga kebaikan dan urusan haji ini di-letakkan di-bawah satu perbadanan yang besar supaya kebaikan dan juga kemudahan<sup>2</sup> yang lebuh besar dan luas lagi akan dapat di-nikmati oleh bakal<sup>2</sup> haji kita. Masa-nya telah sampai juga bahawa satu penyamaan usaha yang chekap di-antara aspek penyimpanan dan urusan haji itu di-jalankan.

Undang<sup>2</sup> yang di-kemukakan di-dalam Dewan ini hari ini ia-lah bertujuan hendak merchantumkan kedua<sup>2</sup> aspek haji yang besar ini supaya satu Lembaga yang berkuasa penoh di-atas kedua<sup>2</sup> perkara ini dapat di-tubohkan dan bergerak dengan lichin dan lanchar. Rang Undang<sup>2</sup> ini telah di-gubal dengan memandangkan segala kepentingan<sup>2</sup> dan kebaikan<sup>2</sup> yang mungkin dan sa-harus-nya di-perolehi oleh bakal<sup>2</sup> haji kita.

Apabila kedua<sup>2</sup> aspek fardhu haji ini di-letakkan di-bawah satu badan, maka Lembaga yang akan di-tubohkan itu akan mempunyai unsor<sup>2</sup> yang lebuh besar dan akan menjadi pusat tumpuan yang tunggal kepada bakal<sup>2</sup> haji kita—bukan sahaja bagi mendapatkan perkhidmatan<sup>2</sup> tetapi juga bagi mereka menyimpan wang mereka supaya wang<sup>2</sup> tersebut dapat di-gunakan untuk kebaikan mereka dan juga untuk faedah negara.

Saya mempunyai keyakinan ia-itu dengan ada-nya badan yang tunggal ini menyelenggarakan simpanan dan hal<sup>2</sup> urusan haji, tiap<sup>2</sup> ringgit yang di-simpan oleh bakal<sup>2</sup> haji akan mendatangkan keuntungan yang lebuh besar kapada mereka; bakal<sup>2</sup> haji akan mendapat layanan yang lebuh terator dan berkesan lagi, daripada tiap<sup>2</sup> sa-ringgit yang di-bayar oleh mereka itu bagi layanan dan perkhidmatan<sup>2</sup> yang di-kehendaki oleh mereka itu.

Penerangan lengkas yang di-lampirkan dengan Rang Undang<sup>2</sup> ini ada menjelaskan beberapa perkara yang mustahak atas penubohan Lembaga yang baharu ini. Sa-benar-nya Rang Undang<sup>2</sup> ini mengandungi sekshen<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> Bakal<sup>2</sup> Haji tahun 1951 dan juga Undang<sup>2</sup> Perbadanan Wang Simpanan Bakal<sup>2</sup> Haji tahun 1962. Satengah<sup>2</sup> daripada Sekshen<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> itu telah di-pinda dan di-perbaiki sa-bbelum di-masukkan dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Undang<sup>2</sup> Perbadanan<sup>2</sup> Wang Simpanan Bakal<sup>2</sup> Haji tahun 1962 di-gantikan dengan Rang Undang<sup>2</sup> ini dengan satu ranchangan baharu yang telah di-sediakan dalam Bahagian<sup>2</sup> 2, 3, 4 dan 5. Sunggoh pun demikian, saya suka menarek perhatian Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat kapada sekshen 3 (3) yang menentukan keanggotaan Lembaga yang akan di-lantek di-bawah Undang<sup>2</sup> ini. Tiap<sup>2</sup> Kerajaan Negeri ada-lah mempunyai sa-orang wakil di-dalam Lembaga itu.

Sekshen 4 menetapkan tugas<sup>2</sup> Lembaga itu, dan di-sini saya suka menjelaskan bahawa Lembaga ini akan di-bantu oleh, sa-bagaimana yang telah di-chatetkan dalam Sekshen 4 (2), dua buah Jawatan-kuasa yang di-namakan Jawatan-kuasa Kewangan dan Jawatan-kuasa Kebajikan. Ahli<sup>2</sup> kedua<sup>2</sup> Jawatan-kuasa tersebut ada-lah di-terangkan di-bawah Sekshen 17 (4) dan Sekshen 18 (4). Penubohan Jawatan<sup>2</sup>-kuasa ini ia-lah untuk melichinkan perjalanan Lembaga ini.

Bahagian 5 Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah berkaitan dengan kewangan dan kuasa membelanjakan wang Lembaga. Sekshen 20 (1) memberi kuasa kapada

Lembaga ini menggunakan khazanahnya, tetapi segala perbelanjaan Lembaga ini tidak akan di-buat di atas kira<sup>2</sup> penyimpan<sup>2</sup>.

Bahagian 6, Bahagian 7, dan 8 dan Bahagian 9 dan juga Bahagian 10 menjelaskan segala kuasa<sup>2</sup> berkaitan dengan segala perkara mengenai urusan haji.

Tuan Yang di-Pertua, patut juga saya jelaskan di-sini bahawa Lembaga ini akan mempunyai kuasa bagi mengeluarkan pas haji dan di-masa akan datang pas haji akan di-perchumakan di-keluarkan oleh Lembaga ini.

Bahagian 9 Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah mengenai kuasa<sup>2</sup> yang di-kehendaki di-dalam masa peralehan.

Sekshen 93 (2) memberi kuasa kepada Lembaga tersebut mengadakan perbadanan untuk menjalankan sa-suatu ranchangan atau projek. Ini ada-lah berma'ana bahawa jika di-fikirkan mustahak dan memberi keuntongan, Lembaga ini melalui perbadanan yang di-tubohkan-nya di-bawah sekshen ini, akan menjalankan sa-suatu perniagaan yang berkaitan dengan urusan dan juga perkhidmatan haji.

Sa-terus-nya, Sekshen 104 membubar kan Undang<sup>2</sup> Orang<sup>2</sup> Islam Haji tahun 1951 dan Undang<sup>2</sup> Wang Simpanan Orang<sup>2</sup> Islam Haji Tanah Melayu, tahun 1962.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya telah bayangkan tadi, Lembaga ini ada-lah di-tubohkan sejajar dengan kemajuan<sup>2</sup> dan juga kehendak<sup>2</sup> ra'ayat. Lembaga baharu ini akan mengumpulkan wang<sup>2</sup> simpanan bakal<sup>2</sup> haji dan juga memperniagakan wang<sup>2</sup> itu untuk kebajikan bakal<sup>2</sup> haji dan negara kita. Lembaga ini ada-lah merupakan satu ranchangan luar bandar yang besar berkehendakkan bukan sahaja sokongan ra'ayat di-luar bandar, tetapi juga berkehendakkan mereka<sup>2</sup> itu tampil ka-hadapan menggunakan kemudahan<sup>2</sup> yang di-adakan oleh Kerajaan.

Saya perchaya di-dalam masa yang sengkat sahaja, Lembaga baharu ini akan dapat menggerakkan wang<sup>2</sup> simpanan yang besar dan dengan kegunaan

wang<sup>2</sup> simpanan itu, Perbadanan ini bukan sahaja akan memberi peluang kapada mereka yang duduk di-kawasan luar bandar menchampori lapangan perniagaan dan perusahaan, tetapi juga dapat mempunyai pengaroh yang besar atas keadaan dan kemajuan ekonomi di-negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan segala hormat-nya saya menchadangkan Rang Undang<sup>2</sup> ini di-bachakan pada kali yang kedua.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

**Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan kuat-nya akan Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Urusan dan Tabong Haji ini. Rang Undang<sup>2</sup> ini membawa suatu kemajuan yang besar dalam segala hal ehwal yang bersangkut dengan urusan haji dan pembangunan masharakat Islam di-luar bandar di-negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesah Tabong Haji ada-lah suatu kesah kejayaan yang besar bagi Kerajaan Perikatan dalam memberi bimbangan yang betul kapada orang<sup>2</sup> Islam di-luar bandar khususnya dan kapada umat Islam umum-nya tentang membangunkan ekonomi mereka dan di-samping itu memudahkan urusan mereka mengerjakan amalan haji. Menurut jangka yang di-buat oleh Jawatan-kuasa yang di-tubohkan dalam tahun 1962 bagi mengkaji penubuhan Tabong Haji ini, kejayaan yang akan di-chapai menurut kajian Jawatan-kuasa itu tidak-lah sampai sa-bagaimana kejayaan yang sa-benar-nya di-chapai oleh Tabong Haji itu dalam masa lima tahun yang lalu. Pada masa ini dengan 41,000 orang penyimpan<sup>2</sup> yang telah menyalorkan wang simpanan mereka sa-banyak \$12,000,000 kapada Tabong Haji ada-lah jauh ka-hadapan daripada jangkaan bermula kerana pada jangkaan bermula pada tahun 1968, kira<sup>2</sup> dalam 25,000 orang sahaja yang akan menyimpan, tetapi sambutan yang di-berikan oleh orang ramai ada-lah di-luar jangkaan sama sa-kali.

Maka ternyata-lah, Tuan Yang di-Pertua, langkah mengadakan Tabong

Haji yang pada mula<sup>2</sup>-nya itu telah mencapai tujuan yang sa-benar bagi mengelakkan kejadian<sup>2</sup> yang menyedekan dalam masharakat kita di-mana orang<sup>2</sup> kampong, terutama-nya yang hendak mengerjakan haji, terpaksa menggadaikan tanah, menjualkan binatang ternakan, kerbau, lembu dan kambing hatta ayam sa-kali pun untuk menchukupkan belanja kerana pergi haji pada jangka umor yang sudah lewat, tetapi sekarang dengan ada-nya Tabong Haji mereka dapat menyimpan wang mereka berdikit<sup>2</sup> dalam Tabong Haji itu dan segala bakal haji yang hendak menunaikan fardhu haji menerusi Tabong Haji ini di-beri keutamaan, layanan yang istimewa dari-pada bakal<sup>2</sup> haji yang tidak pergi menerusi Tabong Haji. Jadi, pada masa ini terkumpul-lah \$12,000,000 simpanan duit daripada pendudok<sup>2</sup> luar bandar khusus-nya, umat Islam umum-nya dan ternyata-lah bahawa masharakat di-luar bandar ada mempunyai kemungkinan<sup>2</sup> yang besar dalam kebolehan ekonomi atau pun dalam kedudukan ekonomi mereka. Jikalau mereka itu di-beri pimpinan yang betul, maka dapat-lah di-kumpulkan dengan jalan ini modal<sup>2</sup> daripada luar bandar itu dan terlonggok sa-banyak \$12 juta dalam masa lima tahun dan mungkin akan bertambah berlipat ganda dalam masa beberapa tahun yang akan datang. Dan dengan ini dapat-lah mereka dengan sa-chara tidak langsung memainkan peranan yang besar dalam pembangunan ekonomi dan masharakat negara kita ini dengan segala simpanan wang yang ada dalam Tabong Haji di-churahkan, di-tanamkan, dalam perusahaan<sup>2</sup> dengan kegiatan<sup>2</sup> ekonomi dalam negara kita ini.

Pada masa ini saya di-fahamkan tidak kurang daripada \$8 juta telah di-tanamkan oleh pehak Tabong Haji di-dalam kira<sup>2</sup> 30 buah sharikat perusahaan di-tanah ayer kita ini dan keuntongan ada-lah berjuta<sup>2</sup> ringgit dan keuntongan ini kembali-lah kepada penyimpan<sup>2</sup> Tabong Haji ini dan bertambah wang simpanan mereka dengan jalan yang halal dan di-redhai Allah dan Rasul-nya.

Tuan Yang di-Pertua, suatu perkara yang timbul dalam hal ini ia-lah ada-

nya dua pehak yang menjalankan urusan Tabong Haji ini. Suatu pehak Tabong Haji menyimpan wang simpanan bakal<sup>2</sup> haji, satu pehak Pejabat Urusan Haji yang menjalankan dan mengelolakan segala urusan orang haji. Maka oleh sebab itu sudah sewajarnya-lah di-bentangkan Rang Undang<sup>2</sup> ini bagi menchantumkan pengelolaan urusan haji dan kebajikan orang<sup>2</sup> haji dengan mengumpul dan menabongkan wang simpanan bakal haji ini dalam satu perbadanan biasa yang di-namakan sekarang Lembaga Urusan dan Tabong Haji.

Dalam Rang Undang<sup>2</sup> di-hadapan kita ini, Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak kemajuan daripada apa yang telah ada dalam Rang Undang<sup>2</sup> yang asal, Rang Undang<sup>2</sup> Simpanan Bakal<sup>2</sup> Haji tahun 1962 dan juga Rang Undang<sup>2</sup> Tabong Haji tahun 1951. Umpama-nya dalam Rang Undang<sup>2</sup> Simpanan Bakal<sup>2</sup> Haji tahun 1962 ada di-sharatkan bahawa tiap<sup>2</sup> penanaman modal yang di-tanam oleh Tabong Haji dalam sa-barang share atau saham, tidak boleh di-ambil sa-barang langkah bagi menjual balek saham atau share itu, walau pun umpama-nya share itu menghadapi kemungkinan turun harga. Di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini di-pinda hal ini dan di-sebut bahawa Lembaga Urusan Tabong Haji ini boleh menanam modal dalam sa-barang perniagaan yang difikirkan patut dengan panduan daripada sa-buah investment panel atau Lembaga Penasihat Penanaman Modal dan boleh-lah menanamkan modal dalam sa-barang jenis penanaman modal, atau untuk mengekalkan sa-barang investment yang sudah di-buat. Jadi di-luaskan dan di-longgarkan-lah kuasa investment panel atau Lembaga Penanaman Modal Tabong Haji ini untuk mendarahkan chara Tabong Haji menanamkan modal-nya dan ini satu perkara yang sangat<sup>2</sup> di-alu<sup>2</sup>kan bagi membolehkan Tabong Haji menambahkan keuntongan perniagaan-nya sa-lama ini.

Chuma satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang agak patut saya menarek perhatian Dewan ini di atas suatu sharat yang di-sebut di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini, ia-itu Lembaga ini tidak boleh menanam modal di-sabarang

security, atau sa-barang penanaman modal di-luar negeri, melainkan dengan persetujuan daripada Perbendaharaan. Barangkali memang-lah patut tanaman modal yang di-buat di-luar negeri mendapat persetujuan Perbendaharaan atau mendapat pandangan dari Perbendaharaan, tetapi apa yang berlaku. Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kelambatan pehak Perbendaharaan memberi persetujuan suatu penanaman modal yang baik yang hendak di-buat di-luar negeri.

Saya suka hendak memberikan chontoh bahawa sa-buah sharikat di-Singapura, kalau tak salah saya Straits Traders, ada menawarkan sa-jumlah saham<sup>2</sup> kapada Tabong Haji dan oleh kreana peratoran ada di-sebut bahawa ini hendak-lah mendapatkan persetujuan Perbendaharaan, maka diminta-lah persetujuan Perbendaharaan untuk membolehkan Tabong Haji membeli saham<sup>2</sup> sekarang yang ada di-luar Malaysia. Sampai sekarang sudah lebuh sa-tahun, Tuan Yang di-Pertua, kebenaran daripada pehak Perbendaharaan belum juga tiba<sup>2</sup>, belum sampai, dan sharikat itu maseh lagi menyimpan saham<sup>2</sup> yang hendak di-khaskan kapada Tabong Haji itu sampai sekarang. Saya tidak tahu-lah bila-kah pehak Perbendaharaan akan memberi persetujuan kapada penanaman modal dalam sharikat ini, barangkali mungkin sampai masa kuching bertandok, atau sampai modal saham<sup>2</sup> ini sudah habis di-jual kepada pehak yang lain, dan pehak Tabong Haji tidak dapat kesempatan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, suatu perkara baharu yang di-wujudkan di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah bahawa paspot haji yang mula daripada sekarang sa-lepas Rang Undang<sup>2</sup> ini berjalan akan di-keluarkan oleh pehak Lembaga Urusan dan Tabong Haji ini dan tidak lagi oleh Kerajaan<sup>2</sup> Negeri. Ini suatu kemajuan yang baik dalam urusan ini, kerana ada suatu pemusatan usaha dalam mengeluarkan paspot<sup>2</sup> haji. Saya chuma hendak menchadangkan suatu pandangan tentang paspot haji ini ia-itu tentang bayaran. Sampai sekarang ini paspot haji di-kenakan bayaran sa-banyak \$20 dan banyak-lah sungutan<sup>2</sup> dan rungutan<sup>2</sup> daripada orang ramai

yang mengatakan jikalau paspot biasa, paspot yang boleh membenarkan pemegang-nya berjalan ka-seluroh dunia di-kenakan bayaran hanya \$15, maka kenapa-kah paspot haji yang hanya membolehkan pemegang-nya pergi ka-Mekah dan ka-Madinah kemudian balek ka-Malaysia di-kenakan bayaran \$20. Dengan peralehan tempat mengeluarkan paspot haji ini kapada Lembaga Urusan dan Tabong Haji ini, maka saya meminta supaya di-pertimbangkan keadaan ini dan disesuaikan atas kedudukan paspot haji ini dengan paspot besar Malaysia dan di-turunkan, kalau boleh bayaran-nya daripada \$20 sa-kurang<sup>2</sup>nya kepada \$10 dan \$15 paspot besar jadi ada perbandingan sadikit. Jadi kalau rendah lagi ada lebuh baik, tetapi barangkali Lembaga ini hendakkan puncha ke-wangan sadikit saya chadangkan \$10 bagi paspot haji yang di-keluarkan oleh Lembaga Urusan Tabong Haji dan dengan itu maka sesuai-lah bayaran itu dengan bayaran yang di-berikan paspot biasa yang di-kenakan sa-banyak \$15.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya dengan terdiri-nya Lembaga Urusan Tabong Haji ini sa-bagai sa-buah badan yang tunggal yang di-chantumkan segala kuasa dan di-tumpukan segala tanggong-jawab bagi menjalankan hal urusan haji dan penabongan simpanan bakal<sup>2</sup> haji, maka akan ter-buka-lah lapangan yang luas bagi melangkah kapada kemajuan yang besar dalam urusan haji ini. Malaysia telah menchipta sejarah yang besar dan gembilang dengan tertuboh-nya Tabong Haji yang berjalan dengan berjaya dan saya perchaya dengan langkah meng-adakan Lembaga Urusan dan Tabong Haji ini suatu langkah ka-hadapan lagi akan memberi kebijakan yang lebuh besar dalam urusan haji dan dengan ini akan membuka kemungkinan<sup>2</sup> yang lebuh jauh lagi dalam hal ehwal me-majukan urusan haji ini.

Suatu perkara yang tentu timbul dalam fikiran semua orang Islam yang naik ka-haji ia-lah soal kapal haji dan dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini di-sebut tentang sharat<sup>2</sup> kapal haji yang hendak menjalankan urusan mengangkut bakal<sup>2</sup>

haji daripada Malaysia ka-Judah dan balek semula ka-Malaysia. Chadangan yang telah lama ada di-suarkan adalah mudah<sup>2</sup>an urusan mengangkut orang<sup>2</sup> haji ini dapat di-jalankan oleh sa-buah sharikat Malaysia sendiri. Barangkali ada orang menchadangkan supaya Tabong Haji sendiri menganjorkan penubohan sharikat kapal haji ini, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada keadaan negeri kita sendiri ini yang telah melancharkan usaha hendak menubohkan sa-buah sharikat perkapalan kebangsaan, maka saya suka hendak menchadangkan supaya pehak Tabong Haji mengadakan perundingan dengan pehak Sharikat Perkapalan Kebangsaan supaya sa-kurang<sup>2</sup>nya untuk masa yang tidak berapa lama lagi akan dapat-lah Sharikat Perkapalan kita ini bersama<sup>2</sup> dengan Lembaga Urusan Tabong Haji memikirkan chara mengadakan kapal kita sendiri bagi menguruskan pengangkutan orang<sup>2</sup> haji dari Malaysia ka-Jeddah dan sa-balek-nya. Ini-lah satu daripada kemungkinan<sup>2</sup> yang kita menyangkutkan harapan kepada penubohan Lembaga Urusan dan Tabong Haji ini. Dengan itu maka akan tercapai-lah chita<sup>2</sup> dan idaman yang telah lama terpendam dalam hati dan jiwa umat Islam di-negera kita ini dan kemungkinan pula bahawa kapal haji kita ini kelak kalau dapat di-adakan akan dapat sama menerusi kerjasama dengan negara<sup>2</sup> Asia Tenggara ini mengangkut bakal<sup>2</sup> haji dalam negara di-Tenggara Asia ini termasok dari Brunei, dari Thailand, dari Indonesia hatta daripada Philippina sa-kali pun bila sa-telah selesai kelak soal Sabah atau pun sa-belum selesai soal Sabah kerana hubongan kita antara umat Islam di-Malaysia dengan umat Islam di-Philippina tidak putus dengan soal Sabah kerana umat Islam di-sana memang menyokong Malaysia dan tidak menyokong Philippina dalam soal Sabah. Terima kaseh.

**Tuan Haji Aziz bin Ishak (Muar Dalam):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sa-buah negara yang mengaku<sup>2</sup> ugama Islam sa-bagai ugama rasmi negara, maka sa-patut-nya-lah undang<sup>2</sup> Lembaga Urusan dan Tabong Haji sa-rupa ini di-wujudkan di-negeri kita sesuai dengan sa-buah negara yang

membangun serta merdeka dan berdaulat ini. Maka saya ada-lah menyokong dengan sa-penoh-nya Rang Undang<sup>2</sup> yang telah di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru sa-bentar tadi. Sa-bagai sa-buah negara yang boleh-lah di-katakan makmor dari segi penghidupan ra'ayat-nya yang berugama Islam di-negeri ini, kita tidak-lah dapat mengelakkan daripada beberapa banyak dari sa-tahun ka-sa-tahun ra'ayat kita ini yang hendak menunaikan rukun yang ke-lima ugama Islam kita ia-itu menunaikan fardhu haji. Jika kita bandingkan dengan sa-belum merdeka dahulu sa-hingga hari ini berapa jauh perbedaan-nya bilangan orang<sup>2</sup> kita menunaikan fardhu haji ini dan dari situ, maka jelas-lah di-hadapan kita bahawa negara kita ini ra'ayat-nya telah pun dapat mengechap kemakmoran yang sa-benar-nya.

Kita tentu-lah menguchapkan terima kaseh kapada Kerajaan yang telah mengambil berat dengan tegas-nya mengadakan undang<sup>2</sup> bagi menyatukan kedua<sup>2</sup> perbadanan yang dahulu-nya tidak bersatu ini terutama dengan hasrat untuk memberikan lebuh<sup>2</sup> kemudahan dan kesenangan kapada jema'ah<sup>2</sup> haji untuk menunaikan fardhu haji. Ini menunjukkan juga satu bukti bahawa Kerajaan telah menyempurnakan kehendak<sup>2</sup> Perlembagaan berkenaan dengan ugama Islam kita di-negeri ini.

Bila di-sebut soal jema'ah<sup>2</sup> haji, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita selalu mendengar dan saya sendiri sudah pun melalui-nya bahawa sa-memang-nya banyak sungutan<sup>2</sup> yang di-hadapi oleh jema'ah haji dari mula mereka hendak mendaftarkan diri naik haji sa-hingga-lah sampai ka-Mekah dan balek samula di-tempat asal-nya. Kita selalu kedapatan sungutan<sup>2</sup> dari jema'ah<sup>2</sup> yang selalu berulang alek ka-Pejabat<sup>2</sup> Daerah untuk mendapat kepastian sama ada mereka dapat pergi atau pun tidak. Sa-telah dapat kepastian, maka urusan pas<sup>2</sup> haji ini pula kemudian urusan perkapalan-nya dengan teket<sup>2</sup>-nya, urusan<sup>2</sup> shaikh haji-nya sama ada disini atau di-Mekah ini belum termasok kepayahan mereka dudok di-dalam kapal atau pun di-Mekah. Kadang<sup>2</sup> ada

sa-tengah<sup>2</sup> mereka tidak dapat pergi dengan sebab tidak ada tempat dan terpaksa menunggu sa-tahun demi sa-tahun dan jikalau hendak menaiki kapal terbang pula, Tuan Yang di-Pertua, ini boleh-lah saya katakan mudah sadikit, tetapi sekarang ini sudah pula berlaku beberapa kejadian penipuan ka-atas jema'ah<sup>2</sup> haji yang menaiki kapal terbang ini.

Saya suka-lah mencheritakan kepada Dewan ini satu kejadian yang berlaku kapada 29 orang jema'ah haji yang hendak menaiki kapal terbang melalui Sharikat Malaysian Transportation Agency. Sa-telah segala wang di-ambil dari mereka pada akhir<sup>2</sup>-nya mereka di-beri tahu bahawa tidak dapat kapal terbang pergi, dan hendak-lah mencari ejen<sup>2</sup> yang lain dan wang<sup>2</sup>-nya akan dikembalikan dalam masa dua bulan lagi dengan alasan Sharikat ini menunggu pembayaran dari Kerajaan. Maka dengan tergesa<sup>2</sup> mereka yang 29 orang ini telah pergi kapada sharikat lain, tetapi sharikat yang lain itu berkehendakkan wang atau pun jaminan yang memuaskan.

Jadi ini semua perkara yang patut pada masa hadapan di-ambil oleh oleh Perbadanan ini untuk urusan<sup>2</sup> pemergian sama ada dengan kapal terbang atau pun dengan kapal laut. Saya harap Badan Penchegah Rasuah dengan sa-berapa segera membuat penyiasatan atas perkara yang saya katakan tadi, dan jika perkara ini benar berlaku tindakan sewajar-nya hendak-lah di-jalankan dan saya boleh-lah menyebutkan salah sa-orang yang datang dari Muar yang terkena atas hal ini ia-lah saudara saya, Enche' Sirat bin Ahmad.

Tuan Yang di-Pertua, sungutan<sup>2</sup> berkenaan dengan kelakuan<sup>2</sup> shaikh<sup>2</sup> haji jua selalu juga kita dengar yang di-sungutkan oleh jema'ah<sup>2</sup> haji, tetapi buat shaikh<sup>2</sup> haji di-Mekah saya tidak-lah bagitu berat kerana kita tidak-lah boleh membuat apa<sup>2</sup> ka-atas shaikh<sup>2</sup> haji yang berada di-Mekah sana, kerana perkara ini sa-memang-nya telah menjadi satu perkara biasa kapada mereka, kerana pencharian mereka sa-tahun sa-kali. Kadang<sup>2</sup> kita dapat sa-kira-nya shaikh<sup>2</sup> haji itu yang datang dari negeri kita sendiri pun kalaupun menjadi shaikh

haji di-Mekah sa-rupa itu jua hal-nya. Jadi apa yang kita kehendakkan dengan jalan Perbadanan ini ia-lah jika di-Mekah dari segi kebajikan 'am orang<sup>2</sup> haji di-sana, Kerajaan atau pun Lembaga ini hendak-lah membuat satu kajian dan siasatan yang benar<sup>2</sup> bagaimana-kah chara-nya kita hendak memberikan lebuh<sup>2</sup> lagi kesenangan kapada bakal<sup>2</sup> haji kita itu. Kerana makin sa-hari sa-makin bertambah jema'ah<sup>2</sup> haji kita tetapi atoran<sup>2</sup> dan persiapan rasa saya, tidak bagitu ada perubahan semenjak beberapa tahun dahulu baik di-negeri kita ini sa-belum merdeka atau pun sudah merdeka. Mithal-nya di-tempat<sup>2</sup> perubatan—hospital—sangat kecil, Pejabat Urusan Haji pun kecil, Pegawai<sup>2</sup> Urusan Haji pun sangat kurang bilangan-nya. Jadi apa sahaja maklumat kita hendak ketahuï tidak boleh di-dapat. Jadi ini semua perkara<sup>2</sup> yang patut di-ambil perhatian oleh Lembaga ini.

Dari segi jema'ah<sup>2</sup> haji yang baharu hendak pergi pula, Tuan Yang di-Pertua, saya harap jua Lembaga ini akan mengambil semua peranan terutama dari segi kemudahan pendudok<sup>2</sup> kampong yang hendak menunaikan haji itu pada masa hadapan harap-lah di-buat satu peratoran supaya jangan bakal<sup>2</sup> haji itu habis banyak wang-nya dengan berulang alek ka-pejabat untuk mendapatkan sa-suatu hal berkenaan dengan pergi menunaikan haji ini. Bagitu juga Lembaga ini hendak-lah menguruskan semua hal<sup>2</sup> berkenaan dengan pemergian bakal haji sama ada dari melalui kapal, atau pun melalui kapal terbang terutama sa-kali bagi mana yang telah berlaku kejadian yang saya katakan tadi. Jika urusan kapal terbang ini di-jalankan oleh perbadanan ini maka perbadanan boleh-lah menguruskan-nya supaya mereka tidak tertipu lagi.

Pada akhir-nya saya harap Lembaga ini untuk kepuasan hati jema'ah haji, saya menyokong-lah atas apa yang telah di-chakapkan oleh rakan<sup>2</sup> saya sa-bentar tadi bahawa sa-buah kapal haji patut-lah di-fikirkan supaya dapat di-adakan oleh Lembaga ini.

Berkenaan dengan Tabong Haji juga, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-lah

chukup puas hati perjalanan perbadanan itu pada masa<sup>2</sup> yang lalu mengikut penyata yang di-bentangkan di-Dewan ini beberapa hari yang lalu. Apa yang telah di-jalankan oleh perbadanan ini, saya sa-bagai salah sa-orang yang turut sama menyimpan wang di-dalam perbadanan ini ada-lah menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah kepada seluroh ahli<sup>2</sup> perbadanan ini yang telah dapat mengendalikan perbadanan itu dengan chukup terator dan chekap. Banyak penanaman modal telah dibuat dan telah pun mendapat keuntungan yang memuaskan. Apa yang hendak saya kemukakan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah saya berharap supaya perbadanan ini dapat menguntukkan beberapa jumlah wang-nya untuk di-jadikan biasiswa dan derma kepada tabong<sup>2</sup> pelajaran. Kita tentu-lah ketahui bahawa bakal<sup>2</sup> haji ada satengah<sup>2</sup>-nya kedudukan mereka orang<sup>2</sup> yang berpendapatan kecil, maka ada-lah sa-wajar-nya perbadanan ini mengambil perhatian pula atas kebajikan anak<sup>2</sup> jema'ah haji kita yang mana barangkali dengan jalan ini juga ada-lah satu<sup>2</sup> chara yang boleh menambahkan pertolongan kapada anak<sup>2</sup> kita yang kurang wang untuk melanjutkan pelajaran-nya. Chara yang saya chadangkan ini bukan sahaja untuk pelajaran anak<sup>2</sup> bangsa kita, tetapi juga untuk menggalakkan orang ramai memasuki bersama dalam perbadanan ini, dan ini juga satu<sup>2</sup>-nya jenis penanaman modal yang sa-benar<sup>2</sup>-nya.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang berchakap pada pagi ini di-dalam masaalah Bill yang di-bentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri baharu<sup>2</sup> ini.

Saya mengalukan Bill ini di-bentangkan dan dengan penoh hati saya menyokong, tetapi apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah maaalah jema'ah haji yang hendak ka-Mekah ini hendak-lah Kerajaan mene-tapkan satu undang<sup>2</sup> hanya jema'ah haji yang melalui Tabong Haji sahaja yang boleh belayar menunaikan fardhu haji. Kalau usaha ini tidak kita lakukan, kita akan mendapat kesulitan, pertama ia-lah kita tidak dapat menyatu-

kan wang semua ahli jema'ah haji yang hendak belayar pada tiap<sup>2</sup> tahun dalam satu badan. Yang kedua-nya nanti Ke-rajaan kita di-tudoh bahawa sa-nya Kerajaan ini menganak tirikan satu gulongan dan mengutamakan satu gulongan yang lain. Tentu-lah Kerajaan akan lebih memberi layanan yang baik kepada jema'ah haji yang melalui penyimpanan Tabong Haji daripada jema'ah haji yang pergi, tetapi tidak melalui Tabong Haji. Jadi dengan jalan ini untuk kebaikan negara kita dan nama baik Kerajaan kita, saya menyarankan kapada Kerajaan tidak ada jema'ah haji yang ka-Mekah melalui lain<sup>2</sup> badan, kechualи mereka adala-h ahli Tabong Haji. Jikalau kuat-kuasa ini tidak kita lakukan, saya rasa usaha kita yang baik tidak dapat kita sempurnakan dengan lebih cepat. 6,000 tiap<sup>2</sup> tahun, Tuan Yang di-Pertua, jema'ah haji kita ka-Mekah dengan membawa wang tidak kurang dari \$2,000 sa-orang. Hampir<sup>2</sup> \$12 juta sa-tahun duit ini, atau wang ini kita tidak dapat gunakan bagi faedah negara kita. Jadi kalau sa-kira-nya kita perkuatkan dengan undang<sup>2</sup> bahawa jema'ah haji yang melalui Tabong Haji sahaja yang boleh menyempurnakan rukan Islam yang kelima, maka saya rasa usaha Tabong Haji ini bukan sahaja akan dapat galakan, tetapi akan menjadi satu kuat-kuasa. Walau pun ada sahabat saya mengatakan bahawa sa-nya berbangga pada hari ini ada 40,000 orang menyimpan wang dalam Tabong Haji dan saya juga bersama mengalu<sup>2</sup>kan sebab saya sa-orang daripada orang yang menyimpan di-Tabong Haji dan ka-Mekah dengan wang simpanan itu, tetapi 40,000 orang, Tuan Yang di-Pertua, bila kita banding balek dengan tiga juta ra'ayat kita yang berugama Islam di-dalam negeri ini ada-lah sa-bilangan kecil. Jadi untuk kebaikan orang kita, Tuan Yang di-Pertua, dan negara kita kadang<sup>2</sup> kuat-kuasa harus kita lakukan, kuat-kuasa undang<sup>2</sup> mesti kita lakukan.

Saya dengan sa-chara berterus-terang, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai orang Melayu, yang berbangsa Melayu, selalu alpa bila mendapat sa-suatu kesenan-gan, tetapi sedia membaiki kehidupan jikalau saya menempoh kepayahan dan kesulitan, tetapi dengan ini saya ber-bangga bangsa saya, Tuan Yang

di-Pertua, dan bangsa orang yang mengaku bangsa Melayu, kita mesti menggunakan paksaan jikalau kita mahu kemajuan pada masa yang akan datang. Jikalau paksaan ini tidak kita lakukan melalui undang<sup>2</sup>, kita akan dapat apa yang ada pada hari ini akan hilang. Tuan Yang di-Pertua. Ini-lah sokongan saya yang pertama yang saya menyaranakan kapada Kerajaan supaya semua jema'ah haji yang belseyar ka-Mekah mesti-lah melalui Tabong Haji.

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, orang PAS akan membalekkan uchapan saya bahawa tidak akan ada paksaan dalam ugama Islam, bahawa Islam tidak memaksa sa-saorang mesti melakukan sa-suatu, tetapi undang<sup>2</sup> negara kita boleh berbuat demikian. Tuan Yang di-Pertua, Mithal-nya di-India hampir<sup>2</sup> tujoh tahun permintaan sa-orang ra'ayat India hendak ka-Mekah, tetapi di-tanah ayer kita ini jarang sangat yang kita tolak. Jikalau dia tidak berpeluang pada tahun ini, pada tahun yang hadapan saya fikir peluang itu akan di-berikan kapadanya.

Pada masa yang sudah<sup>2</sup> ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku usaha ini di-jalankan oleh Pegawai Urusan Haji kita di-Mekah sangat baik; belum pernah jema'ah haji kita terlantar, bila kita bandingkan dengan jema'ah haji dari Philipina, dari Indonesia ada pernah terlantar sampai dua tiga bulan, kadang<sup>2</sup> kedatangan kapal untuk mengangkat pulang tergendala oleh kerokan dan sa-bagai-nya. Tetapi pada masa<sup>2</sup> yang sudah<sup>2</sup> ini, Tuan Yang di-Pertua, jema'ah haji dari Malaysia belseyar pulang atau belseyar pergi ka-Mekah mengikut jadual yang di-tetapkan, hanya kadang-kala ada berlaku selisih waktu hari dalam dua tiga hari sahaja.

Jadi saya sa-kali lagi mengalukan usaha yang di-lakukan oleh Pegawai Urusan Haji kita berhubong dengan kenaikan atau masa pelayaran kapal<sup>2</sup> kita yang tepat bila di-bandingkan dengan negara<sup>2</sup> yang lain seperti saya sebutkan tadi kadang<sup>2</sup> sampai tiga bulan terlantar di-Mekah, Tuan Yang di-Pertua, terutama sa-kali jema'ah haji dari Philipina, yang kita tahu bahawa

sa-nya Kerajaan Philipina sendiri tidak bagitu menggalakkan ra'ayat di-Philipina itu dalam usaha hendak memajukan atau hendak menyempurnakan rukun Islam di-tanah suchi Mekah.

Jadi dalam masa kita membahathkan Bill ini di-bentangkan ada dua tiga perkara sahaja yang patut dapat perimbangan. Pertama kepayahan jema'ah haji belseyar ka-Mekah, ini ia-lah dalam masa pelayaran dalam kapal. Yang kedua bila sampai di-Judah, yang ketiga dalam masa dudok dan diam di-Mekah. Dalam masa kita dalam kapal, Tuan Yang di-Pertua, tender<sup>2</sup> makanan harus-lah di-buka kapada sharikat<sup>2</sup> yang lain jangan hanya kita peruntukkan kapada satu sharikat bagi membekalkan makanan dalam kapal itu. Sabagai sa-orang pegawai dalam kapal tentu-lah menyediakan makanan, tetapi makanan itu, Tuan Yang di-Pertua, sampai tiga bulan lama-nya daripada masa pergi dan balek; ma'af, Tuan Yang di-Pertua, dua bulan masa-nya daging ini di-sejokkan—di-bekukan kemudian daging ini-lah di-beri balek kepada jema'ah<sup>2</sup> haji dalam kapal.

Jadi saya mengeshorkan kapada Kerajaan supaya kapal haji ini singgah di-Pelabuhan Colombo bagi mengambil ayer dan memberi makanan di-Colombo supaya jema'ah haji kita dapat makan makanan yang baharu sa-telah 10 hari belseyar baik waktu pergi atau pun waktu balek. Dengan jalan demikian jema'ah haji akan dapat sayoran<sup>2</sup> yang baharu dan makan daging ayam yang baharu, um-pama-nya. Saya fikir Ceylon akan bersedia menerima kalau sa-kira-nya perhubongan di-buat dalam masaalah ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah masaalah jema'ah kita bila tiba di-Judah. Bila kita bandingkan jema'ah haji dari Indonesia dengan jema'ah haji yang datang dari Malaysia ini jauh beza-nya di atas layanan yang di-beri oleh pehak Indonesia. Kadang-kala jema'ah haji kita dari Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, bila sampai ka-Judah berhenti di-tempat yang di-khaskan oleh Kerajaan Saudi. Di-hadapan bangunan itu kita boleh dapat berbukit<sup>2</sup>, berlonggok<sup>2</sup> barang<sup>2</sup> jema'ah haji kita yang

di-lemparkan di-kawasan bangunan itu. Bagi jema'ah haji Indonesia, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat perkara yang sa-umpama ini. Jadi, pemakanan tiga bulan di-Mekah, tilam bantal di-Mekah, di-sediakan oleh Kerajaan Indonesia kapada jema'ah haji Indonesia. Jadi dengan jalan kalau usaha ini dapat pula kita lakukan, saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, usaha ini akan dapat membaiki lagi keadaan kehidupan dan taraf jema'ah haji kita dari Malaysia.

Pada masa di-Mekah, Tuan Yang di-Pertua, kita sangat kekurangan pegawai kebajikan untuk menjaga kebajikan jema'ah haji di-Malaysia. Ini perlu di-tambah. Dan sa-lain daripada itu sa-bagaimana saya katakan dahulu jema'ah haji kita dudok di-rumah<sup>2</sup> shaikh haji yang kadang<sup>2</sup> baik, yang kadang<sup>2</sup> keadaan-nya sudah tidak bagitu baik bagi kehidupan kita dalam masa kita menuaikan fardhu haji. Jadi, ada baik-nya, Tuan Yang di-Pertua, jika Lembaga ini yang akan di-satukan kelak menyiasat jema'ah mana atau shaikh mana yang baik bagi jema'ah mengambil atau menempatkan jema'ah haji. Pehak Indonesia, Tuan Yang di-Pertua, membuat senarai shaikh haji yang berikut di-bawah ini boleh di-jemahakan, pehak kita tidak ada apa<sup>2</sup>. Ada beratus shaikh haji di-Mekah sana yang kadang<sup>2</sup> kita fikir sendiri tidak patut menjadi shaikh haji tetapi Kerajaan membenarkan. Kita dari Malaysia mana tahu keadaan di-sana, Tuan Yang di-Pertua, tentu-lah kita berharap asal shaikh yang ada nama ini kita fikir baik tetapi bila kita pergi ka-sana dan kita berjema'ah dengan shaikh itu baharu-lah kita dapatti baha-wa shaikh yang kita ambil ini tidak baik, dan kita tidak boleh pula ber-tukar kapada shaikh lain, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, perkara ini patut di-timbangkan oleh Kerajaan.

Yang akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri membantah kalau Tabong Haji hendak menyimpan duit dalam pemodal-an di-negara asing. Sebab kita tidak harus menyalorkan ringgit kita ka-negeri lain. Ada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dalam Dewan ini yang meminta supaya Tabong Haji sendiri memodalkan di-dalam negara luar,

banyak kita boleh modalkan dalam negeri kita ini. Apa yang kita mahu, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja duit Tabong Haji, duit yang lain itu di-permodalkan dalam negara kita supaya ringgit kita tidak keluar daripada negara kita. Saya fikir banyak badan<sup>2</sup> yang patut Tabong Haji memodalkannya. Saya fikir yang baik<sup>2</sup>, saya fikir ia-lah duit ini jangan keluar daripada negeri kita walau pun kita di-beri jaminan keuntungan yang lebih tetapi pada hakikat-nya kita menchurah duit kita ka-negara lain bagi keuntungan negara lain. Saya fikir perkara ini patut di-timbangkan.

**Tuan Haji Zakaria bin Haji Mohd. Taib (Langat):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penoh akan Rang Undang<sup>2</sup> ini dan juga menguchapkan tahniah kapada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga kapada Kerajaan Perikatan yang dapat mengemukakan satu Rang Undang<sup>2</sup> yang akan memberi faedah kapada ra'ayat Malaysia.

Saya menyokong penoh apa yang di-uchapkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ia-itu urusan haji ini patut-lah di-kelolakan oleh satu badan, perbadanan yang kuat, satu badan yang di-persatukan daripada Tabong Haji dan Lembaga Haji sekarang ini. Apabila kita kata haji, maka semua-lah orang tahu ia-itu menuaikan fardzu haji itu ia-lah ka-Mekah, ka-tanah suchi, dan apa yang kita harapkan ia-lah supaya layanan<sup>2</sup> yang baik, nikmat<sup>2</sup> yang boleh di-dapati oleh bakal<sup>2</sup> haji kita daripada tanah ayer-nya sampai-lah ka-Mekah dan balek.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak kemukakan dalam Dewan ini yang saya harap mendapat timbangan daripada pehak Kerajaan, ia-itu tahun lepas saya juga bersama<sup>2</sup> dengan Yang Berhormat sahabat saya dari Lipis sama<sup>2</sup> menuaikan haji ka-Mekah. Satu perkara ia-lah berkenaan dengan bank draft—draft bank. Tiap<sup>2</sup> orang haji bila hendak menuaikan fardhu haji ka-Mekah dengan kapal, mereka mesti mengambil bank draft atau pun draft bank atau pun deposit bank. Chara ini atau pun sistem ini ia-lah chara lama—sistem lama. Chara

bank draft ini telah di-jalankan dari sejak tahun 1950 lagi dan chara ini, pada fikiran saya, sudah tidak sesuai lagi pada masa ini. Dan pada pendapat saya sudah tiba-lah masa-nya dan ketika-nya negara kita sudah merdeka dan juga kita telah mengadakan Lembaga Urusan Haji, Kedutaan kita pun ada di-Judah tiba-lah masa-nya sistem—chara bank draft ini di-hapuskan. Chara bank draft ini, Tuan Yang di-Pertua, menyusahkan kapada bakal<sup>2</sup> haji, ada yang hilang bila bakal haji dapat bank draft daripada Bank bawa balek ka-rumah di-kampong<sup>2</sup>, chuchu<sup>2</sup> hendak menengok macham mana bank draft, anak<sup>2</sup> hendak menengok macham mana bank draft—inilah rupa bank draft lepas itu bank draft itu pun hilang. Bila bank draft itu hilang kesusahan akan timbul kapada bakal haji ini. Bakal<sup>2</sup> haji dari Indonesia tidak ada memakai bank draft. Bakal<sup>2</sup> haji dari Malaysia yang saya hendak shor-kan ia-lah bakal<sup>2</sup> haji ini hanya menarohkan wang pertarohan-nya kapada Lembaga ini dan boleh-lah kita mengadakan satu pertarohan yang tetap yang berharga 1,000 rial wang Saudi, kerana kebiasaan bakal<sup>2</sup> haji kita menerima haji ka-Mekah membawa bank draft sa-banyak 1,000 rial wang Saudi. Jadi bakal<sup>2</sup> haji bila sampai di-Judah mereka akan menerima wang pertarohan mereka di-Lembaga Urusan Haji ini, melalui Kedutaan kita di-Judah pun boleh atau pun melalui Pegawai Urusan Haji di-Mekah pun boleh. Jadi mereka ini dapat menerima wang mereka itu dengan selamat dan dapat-lah chita<sup>2</sup> sabagaimana yang terkandong dalam Panduan Haji yang di-keluarkan oleh Tabong Haji sendiri, dapat di-jalankan dan dapat di-laksanakan 100 peratus. Dan juga bayaran<sup>2</sup> kapada shaikh haji di-sana, Kedutaan kita sendiri atau pun Lembaga sendiri patut membayar kapada shaikh<sup>2</sup> haji di-sana.

Pada masa sekarang ini bila jema'ah haji kita sampai di-Judah, naik sahaja ka-pelabuhan Judah, masok "Pintu Soal," dia kata, "Shaikh siapa?" Kita kata-lah "Shaikh Abdul Razak", mithal-nya. Kita keluar. "Mana bank draft?" Kita itu-lah baharu sa-kali naik ka-Judah, dia sudah meminta bank draft. Bagitu-lah; ada-nya lain-lah

orang naik kapal terbang. Jadi kalau kita tidak beri, kapada-nya dia kata dia wakil shaikh, semua beri bank draft. Jadi semua jema'ah haji beri-lah bank draft kapada shaikh<sup>2</sup> itu. Dan apabila kita sudah sampai di-Mekah, maka kita akan menerima-lah baki wang kita daripada shaikh<sup>2</sup> haji itu yang 1,000 rial bank draft Saudi tadi masing<sup>2</sup> menerima tidak sama. Ada yang menerima baki 500 rial, ada yang 450 rial, ada yang 470 rial. Tidak sama baki wang yang di-balekkan kapada bakal<sup>2</sup> haji ini. Konon-nya apabila sudah di-tolak wang jamu, wang shaikh haji, wang bas, wang perahu dan sebagai-nya kita terima suchi dan penerimaan ini pula ada kala-nya bakal<sup>2</sup> haji itu macham minta sedekan. "Tuan, wang saya sudah habis, ada-kah baki wang saya lagi?" Macham minta sedekah, sa-tengah daripada sa-tengah-nya. Kenapa ra'ayat Malaysia ini jadi bagitu. Itu satu kemudahan kapada ra'ayat Malaysia. Kerajaan kita patut beri kemudahan kapada ra'ayat Malaysia kita yang menunai-kan fardhu haji di-Mekah. Kita ada Kedutaan di-sana, hanya Kedutaan kita mahu tahu bakal haji ini mereka shaikh mana, maka datang Shaikh Razak tadi, "Orang Malaysia berapa orang sama tuan?" "Ada 100 orang ambil bahagian shaikh tuan." Jadi shaikh<sup>2</sup> di-sana mereka kenal-lah dengan Tuan Yang Terutama Duta Besar kita di-Judah. Jadi shaikh<sup>2</sup> itu kenal, akan Kedutaan Malaysia, macham ini rupa-nya, jadi mereka kenal, dan faham-lah mereka pentadbiran Kerajaan Malaysia.

Bila jema'ah haji kita berkumpul di-Mekah, kota Mekah besar, jadi jema'ah<sup>2</sup> haji itu berchampor-gaul dengan jema'ah<sup>2</sup> haji yang datang dari negara<sup>2</sup> Islam dan jema'ah<sup>2</sup> haji dari Malaysia dan juga dari Thailand, Indonesia, Filipina orang<sup>2</sup> ini rupa-nya sa-rupa, satu rumpun. Jadi jema'ah<sup>2</sup> haji dari Malaysia ini jadi chontoh, semua juga jema'ah haji datang ka-Mekah sana jadi chontoh, jadi tauladan, jadi duta kecil di-sana. Apabila jema'ah haji itu mendapat layanan yang baik, yang sem-purna daripada Kerajaan-nya, maka penduduk<sup>2</sup> di-Mekah dan masharakat Mekah sana mereka hormati bakal<sup>2</sup> haji itu. Mithalan-nya bakal<sup>2</sup> haji dari

Thailand, Tuan Yang di-Pertua, bakal haji dari Thailand, negeri Siam, orang Mekah tahu negeri Siam ini bukan ugama Islam, ugama rasmi, orang tahu. Mereka tahu orang<sup>2</sup> Thai yang Islam ini Kerajaan mereka ia-lah bukan Kerajaan Islam, tetapi Kerajaan Siam di-Mekah sana memberi layanan kapada ra'ayat-nya, ra'ayat-nya yang Islam tadi di-negeri Mekah mereka ada chukup rombongan perubatan, dan ada chukup pegawai<sup>2</sup> kesihatan mereka. Dimana<sup>2</sup> tempat mereka pergi di-Judah, di-Mekah, di-Mina, di-Arfah, di-Mekah ada naik bendera Siam, kerana untuk panduan ra'ayat Siam yang Islam disana. Jadi orang Mekah sana dan mashadakat di-tanah Arab di-sana, menghormati ra'ayat Siam yang Islam itu.

Kalau kita Malaysia ini negara kita ugama-nya ugama Islam sudah tentu-lah kita patut dapat lagi memberi layanan kapada umat kita lebih baik daripada Kerajaan Thai memberi ke-mudahan kapada ra'ayat Islam-nya. Mithal-nya, saya dapat khabar orang<sup>2</sup> Thai yang Islam di-Mekah tahun lepas 1,500 orang jema'ah haji. Kerajaan Thai bekalkan empat doktor, dua laki<sup>2</sup>, dua perempuan. Jema'ah haji dari Malaysia tahun lepas 6,600 orang, Ke-rajaan kita membekalkan tiga orang doktor sahaja, itu pun dalam pertenga-han masa sa-orang doktor di-panggil pulang ka-tanah ayer. Jadi tinggal dua doktor. Alatan<sup>2</sup> kita di-Mekah sana chukup, alat<sup>2</sup> perubatan kita ada chukup, tetapi doktor-nya sahaja kekurangan di-bandinkan dengan jema'ah haji lain.

Ada orang berkata kapada saya, betul atau tidak betul saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, tiga orang dok-tor ini tidak chukup jika di-bandinkan dengan Rombongan Olympic dari Malaysia pergi ka-Bangkok yang ahli rombongan-nya berjumlah lebih ku-rang 200 di-bekalkan dua doktor. Tidak dapat keterangan yang sahih. Bagitu-lah kata mereka, perkara di-sana yang menyusahkan sadikit berkenaan dengan kekurangan doktor ini kita semua sudah ma'alum. Ada satu perkara ter-jadi kapada jema'ah haji kita di-Mekah sana sa-orang jema'ah haji itu sakit, dia hendak berjalan pergi ka-hospital

dia tidak terdaya, orang hendak mem-bawa, memapah ka-hospital pun tidak ada orang, kemudian dia mengambil doktor private. Doktor private banyak di-sana, doktor private pun datang. Jadi doktor private ini mengenakan bayaran kepada-nya 70 rial, mengenakan bayaran kapada si-sakit tadi. Kita di-sana ada kereta sakit, ada kereta dis-pensary, ada bas besar, bas besar untuk mengangkut rombongan<sup>2</sup> perubatan. Guna dispensary ini, dispensary ber-gerak ini, ada dispensary bergerak kita di-sana, tetapi dispensary bergerak yang ada di-sana tidak dapat di-jalankan chuma di-letak sahaja di-depan hospital. Sa-patut-nya dispensary ber-gerak ini pergi ka-kampung<sup>2</sup> di-dalam kota<sup>2</sup> Mekah untuk memberi rawatan kapada bakal<sup>2</sup> haji itu-lah sebab-nya Kerajaan kita beli dispensary bergerak yang ada di-Mekah itu tetapi tidak dapat di-jalankan kerana tidak chukup kaki-tangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bill ini ada Fasal 59 cheraian (c)—jika sa-kira-nya jema'ah<sup>2</sup> haji terlantar di-Mekah, bagaimana kata sahabat saya dari Lipis tadi, jema'ah haji kita mudah<sup>2</sup>an belum pernah terlantar lagi di-Mekah, maka tuan punya kapal akan membayar \$2 satu orang pada sa-saorang jema'ah haji yang terlantar itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya ini sangat-lah kurang, sangat-lah ku-rang bayaran \$2 satu hari kepada jema'ah<sup>2</sup> haji yang terlantar di-Mekah di-tanah Arab sana.

Mengikut kata Yang Berhormat sa-habat saya dari Lipis tadi banyak, ada orang Indonesia, ada orang Filipina terlantar di-sana—memang benar, tetapi Kerajaan Indonesia—Kerajaan Filipina saya tidak tahu—Kerajaan Indonesia ada membayar kapada sa-orang jema'ah haji sa-banyak 6 rial Saudi pada satu orang kerana mereka ini ketinggalan kapal. Jadi 6 rial Saudi lebih kurang \$4.20 satu orang. Jadi jika jema'ah haji yang berhijrah di-sana di-tanah Arab terlantar, manalah chukup perbelanjaan satu hari di-sana, tidak chukup belanja makan \$2 satu hari—tidak chukup. Jadi ini pada fikiran saya ada-lah kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya katakan tadi kita di-tanah

Arab sana ia-lah sa-bagai chontoh dan tauladan kepada orang<sup>2</sup> tanah Arab sana dan orang<sup>2</sup> Malaysia di-sana di-hormati dan di-beri layanan yang baik kerana Kerajaan kita memberi layanan yang baik kapada bakal<sup>2</sup> haji di-sana, dan kalau layanan<sup>2</sup> ini dapat di-beri lebih baik lagi sa-bagaimana terkandong dalam kehendak<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> ini, maka jema'ah haji kita akan lebih di-hormati dan lebih mendapat nekmat daripada bakal<sup>2</sup> haji yang datang dari negeri<sup>2</sup> lain.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya sa-kali saya mengshorkan, kalau boleh, patut-lah Lembaga ini mengadakan asrama haji—asrama haji di-pelabuhan<sup>2</sup> seperti di-Port Swettenham atau pun di-Pulau Pinang, supaya bakal<sup>2</sup> haji yang jauh<sup>2</sup> dapat-lah mereka menompang di-asrama haji ini dan mereka tidak payah-lah pergi ka-rumah<sup>2</sup> shaikh sa-bagaimana di-Judah sana, ada rumah tumpangan haji yang di-namakan Madinatul Hujjaj, kampong haji disana. Jadi pada pendapat saya patut-lah juga Lembaga ini nanti mengadakan asrama<sup>2</sup> haji.

Sekian-lah, terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill yang di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berhubong dengan Lembaga Urusan dan tabong Haji.

Tuan Yang di-Pertua, dengan diluluskan Bill ini sa-langkah lagi kemajuan negara Malaysia ini telah dapat meningkat bagi memperbaiki umat<sup>2</sup> Islam dalam negeri ini. Saya boleh katakan, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ini ia-lah satu negara yang mempunyai ma'jizat—apa yang di-buat oleh Malaysia banyak di-ikuti oleh negara<sup>2</sup> lain ia-lah dengan sebab kejujoran pemimpin<sup>2</sup>-nya dan juga dengan sebab segala urusan yang di-buat itu telah di-kaiki dengan lama dan juga menggunakan pakar<sup>2</sup>. Kita buat Ranchangan Keluarga, ada negeri yang hendak tiru, kita buat Urusan Haji ada negara yang hendak tiru, kita buat Bilek Gerakan, ada banyak negeri yang hendak meniru; jadi dengan keadaan ini satu ma'jizat saya katakan pada negeri kita

di-Malaysia ini; ma'ana ma'jizat itu, Tuan Yang di-Perua, satu perkara yang luar biasa apa yang di-buat oleh negeri kita banyak di-chontoh oleh negeri<sup>2</sup> lain.

Lain<sup>2</sup> perkara yang saya hendak sentoh, Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan chara hendak meramaikan penyimpan wang dalam Tabong Haji ini. Sa-bagaimana kita sedia ma'alum sekarang ada sa-ramai 40,000 orang. Saya nampak ada satu perkara yang boleh di-buat oleh Kerajaan malahan pula Timbalan Perdana Menteri kita ini menjaga dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, ia-itu segala peserta<sup>2</sup> dalam Lembaga Kemajuan Tanah sama ada kelapa sawit atau getah, kita nasihatkan atau dengan chara langsung kita meminta mereka supaya menjadi ahli Tabong Haji. Dan dengan ini bukan sahaja boleh menguntungkan bagi diri dia, tetapi boleh menguntungkan negara. Ini ikhtiar yang saya nampak boleh meramaikan lagi ahli<sup>2</sup> Tabong Haji.

Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, dalam Urusan Pas Haji tadi, saya menyokong-lah suadara saya, rakan sajawat saya dari Kuala Trengganu Utara supaya di-kenakan bayaran tidak seperti sekarang \$20, kita kenakan baryan \$10.

Sa-lain daripada itu, ada satu perkara yang menyulitkan bakal<sup>2</sup> haji kita sekarang yang hendak pergi ka-Mekah, mereka telah dapat satu kad kesihatan daripada Jabatan Kesihatan berhubong dengan penyakit chachar, sudah tanam chachar, di-minta pula satu certificate berhubong dengan najis. Ini satu perkara yang mendatangkan kesulitan. Orang<sup>2</sup> yang hendak pergi ka-luar negeri, hendak pergi England, hendak pergi Amerika, tidak payah pereksa najis tetapi hendak pergi ka-Mekah kena pereksa najis. Ini satu perkara yang menjadi satu masalah yang timbul, kena apa orang Mekah hendak tahukan najis sa-saorang yang hendak pergi ka-Mekah?

Yang kedua-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak keluar negeri kita telah di-benarkan membawa wang sekian banyak, tetapi di-kehendakkan

supaya bakal<sup>2</sup> haji itu di-chap pada passport antara bangsa-nya atau passport haji-nya berapa banyak wang yang di-bawa keluar. Ini juga menjadikan satu kesulitan kapada bakal<sup>2</sup> haji, pada hal orang<sup>2</sup> lain hendak keluar negeri dengan menggunakan travelling cheque berapa ratus ribu ringgit pun tidak payah di-chap pada passport mereka itu.

Yang ketiga-nya, Tuan Yang di-Pertua, orang hendak ka-Mekah melalui tiga jalan: pertama, jalan laut, kedua kapal terbang, ketiga jalan kaki—mudah<sup>2</sup>an di-Malaysia ini tidak ada-lah orang yang berjalan kaki dan hendaknya janganlah Kerajaan benarkan ra'ayat Malaysia ini berjalan kaki ka-Mekah.

Dalam masaalah kapal laut, saya gemar menyokong apa yang di-kata oleh rakan sa-jawat saya tadi, Kerajaan mesti menumpukan kapal haji yang hendak membawa bakal haji itu bila mana sharikat perkapalan kita ditubohkan besok satu urusan-nya kerana membawa bakal<sup>2</sup> haji. Kemudian kegunaan kapal terbang. Sekarang orang<sup>2</sup> umat Islam di-Malaysia ini banyak yang sudah mewah hidup dan dia tahu banyak kemudahan menggunakan kapal terbang, dan kapal terbang ini juga patut di-ambil berat oleh Lembaga ini. Barangkali, Tuan Yang di-Pertua pun tahu masaalah kapal terbang ini jalannya rengkas, chermat, boleh menjimatkan wang. Jadi, saya fikir masaalah kapal terbang ini satu kenderaan yang patut di-uruskan oleh Lembaga ini.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Kerajaan patut meng-adakan asrama di-Mekah bagi bakal<sup>2</sup> haji kita, tidak-lah sa-bagaimana keadaan sekarang, kita baharu dengar di-Mekah telah kena bah yang belum pernah terjadi sejak Rasulullah dilahirkan. Ini kita khuatir, sebab bangunan<sup>2</sup> di-Mekah menurut apa yang di-fahamkan pada saya, dia punya piling tidak menggunakan kawat chuma batu sahaja. Kalau di-buat bah sa-kali lagi bagini kuat berapa banyak penduduk<sup>2</sup> yang hendak mengerjakan haji itu akan di-timpa oleh batu. Jadi, saya berharap Kerajaan akan mem-

buatkan asrama bagi bakal<sup>2</sup> haji kita di-sana.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bakal haji ini, saya fikir patut Kerajaan membuatkan satu quota, di-hadkan, sa-baik<sup>2</sup> bagaimana keadaan yang ada sekarang 6,000 orang sahaja pada tiap<sup>2</sup> tahun. Ini saya memandangkan pada segi ekonomi negara kita, sebab saya fikir ra'ayat bertambah ma'amor, bertambah mewah, ramai lagi yang hendak ka-Mekah. Jadi, tidak sesuai dengan keadaan umat Islam tiga million, hendak ka-Mekah sampai 15,000 atau 20,000 satu tahun. Kita berikan quota. Satu tahun hanya 6,000 sahaja dan berikan keutamaan siapa yang telah memajukan permo-honan yang lebuh awal.

Jadi, itu sahaja-lah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah ini, dan dengan ini saya menyokong dengan penoh di atas Bill keadilan ini. Terima kaseh.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kemanan, saya minta Ahli Yang Berhormat ber-chakap sa-berapa pendek, sebab saya hendak Menteri ini menjawab sa-belum puluk satu.

**Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemanan):** Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil masa yang sa-berapa rengkas yang boleh. Saya mengambil peluang menguchapkan tahniah kapada Kerajaan yang sentiasa mengambil berat terhadap kesulitan<sup>2</sup> yang di-hadapi oleh ra'ayat dalam apa urusan sa-kali pun dan menchari jalan untuk mengemukakan berbagai<sup>2</sup> chara dan ranchangan untuk mengatasi soalan yang di-hadapi oleh ra'ayat.

Sa-belum Perbadanan Wang Simpanan Bakal<sup>2</sup> Haji di-tubohkan dalam tahun 1962, kebajikan beribu<sup>2</sup> orang haji yang belayar ka-Mekah pada tiap<sup>2</sup> tahun ada-lah di-uruskan oleh satu jabatan yang di-namakan Pejabat Urusan Haji Malaysia, dan soal bagaimana sa-saorang bakal haji itu menyediakan peruntukan-nya untuk ka-Mekah sama ada dengan menjual tanah mereka, sa-bagaimana yang berlaku sa-hingga hari ini tiap<sup>2</sup> tahun, atau pun sa-chara menyimpang dengan menerusi

bank atau sa-chara persendirian tidaklah di-ambil pusing oleh jabatan tersebut, sa-hingga sa-telah tertuboh-nya Perbadanan Wang Simpanan Tabong Haji yang merupakan satu badan bukan sahaja memberi kemudahan<sup>2</sup> yang diperlukan oleh bakal<sup>2</sup> haji tetapi merupakannya satu badan dan alat untuk meninggikan taraf ekonomi umat<sup>2</sup> Islam yang ada di-Malaysia ini, kerana wang yang ada tersimpan dalam Tabong tersebut sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, ia-lah di-gunakan untuk membeli saham<sup>2</sup> dalam sharikat<sup>2</sup> di-Malaysia ini, yang mana pada masa ini telah pun meningkat lebuh daripada \$8,000,000. Saya perchaya tiap<sup>2</sup> sa-orang Islam yang ada di-Malaysia ini mengetahui dengan sa-jelas<sup>2</sup>-nya langkah<sup>2</sup> yang di-ambil oleh Perbadanan ini sudah tentu mendorongkan mereka menjadi peserta dalam Perbadanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-takat ini gerakan penerangan yang telah dilancharkan oleh Perbadanan ini sa-hingga dapat mengumpulkan wang sa-jumlah yang lebuh daripada \$12,000,000 sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sa-masa mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> ini, ada-lah satu usaha yang patut di-beri pujian dan di-beri sokongan; tetapi di-samping itu kita rasa tak puas hati kalau di-pandang kapada angka penyimpan<sup>2</sup> yang ada pada masa ini, walau pun sa-bagaimana kita tahu, dapat mengumpulkan penyimpan<sup>2</sup> lebuh daripada 40,000 orang yang mana ini belum sampai kapada peringkat yang di-jangkakan lagi, tetapi kalau kita pandang kapada bilangan umat<sup>2</sup> Islam yang ada di-dalam negeri kita ini lebuh daripada 4,000,000 orang, tentu-lah angka yang ada ini tidak bagitu memuaskan. Ini saya rasa ia-lah di-sebabkan penerangan<sup>2</sup> yang jelas mengenai langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil oleh Perbadanan ini tidak-lah sampai kapada pengetahuan ra'ayat dengan sa-benar<sup>2</sup>-nya. Ini di-sebabkan juga oleh Pegawai<sup>2</sup> Penerangan yang tidak chukup yang ada di-tugaskan oleh Perbadanan ini. Oleh itu, saya rasa satu langkah yang lebuh besar lagi dalam segi penerangan

patut di-jalankan oleh Perbadanan ini dengan kerjasama yang erat dengan Kementerian Penerangan dan Penyiaran dan juga Jabatan<sup>2</sup> Ugama yang ada di-dalam tiap<sup>2</sup> buah Negeri menerusi khutbah Juma'at, Guru<sup>2</sup> Ugama dan juga Pegawai<sup>2</sup> Ugama yang ada menjalankan tugas masing<sup>2</sup> di-kampung<sup>2</sup> dan juga di-bandar<sup>2</sup>. Maka saya perchaya dengan penerangan yang akan di-beri kelak, tentu perkara ini akan dapat kita kumpulkan penyimpan<sup>2</sup> yang berlipat ganda pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya dengan di-satukan Urusan Haji Malaysia dengan Perbadanan Wang Simpanan Bakal<sup>2</sup> Haji di-bawah satu Lembaga yang di-namakan Urusan dan Tabong Haji, dapat-lah Lembaga ini memberi khidmat<sup>2</sup> dan kemudahan<sup>2</sup> yang lebuh berkesan lagi pada masa yang akan datang kapada bakal<sup>2</sup> haji khas-nya kapada penyimpan<sup>2</sup> sa-kalian. Dengan ini saya ada-lah menyokong dengan sa-penoh-nya Rang Undang<sup>2</sup> yang ada di-hadapan kita ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Berapa minit agak-nya hendak berchakap? Menteri hendak menjawab.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Lima minit.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ta' chukup saya fikir, dua minit saya boleh benarkan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Saya akan chuba, Tuan Yang di-Pertua, sa-berapa rengkas. Ada tiga perkara. Saya fikir boleh siap bawah daripada lima minit.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Dua minit boleh-lah, takut ta' chukup masa Menteri menjawab.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak timbulkan sadikit sahaja, ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Lipis tadi mengatakan bahawa urusan haji ini urusan ugama tidak ada paksaan dan orang PAS tentu-lah membangkang membuat peratoran<sup>2</sup> yang mengikat. Saya suka menafikan perkara ini, kerana

dalam Islam dia mempunyai *legislature*-nya sendiri, bukan-lah sa-bagai apa yang di-katakan itu, dan saya harap tidak semua Ahli Perikatan yang Muslim berpendapat dengan pendapat yang bagitu sempit dan tidak bertanggong-jawab.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kerajaan menyiasat ma'alumat yang sampai kapada saya tidak bagitu tegas, tetapi berlaku ia-itu wang Tabong Haji ini di-gunakan membeli sa-keping tanah dan di-buat rumah, pembelian itu belum di-transferkan dan berlaku-nya di-Setapak, di-Selangor. Saya tidak mahu membuka benda ini lebih, sebab kita suka ra'ayat yang hendak menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini agak tertarek hati. Saya meminta Kerajaan menyiasat.

Yang ketiga, wang yang kita invest, lapan million daripada 12 million menjadi masaalah juga, sebab pehak Tabong Haji pernah berkata bahawa kita tidak dapat hendak invest dalam sharikat<sup>2</sup>, company<sup>2</sup>, yang untong-nya banyak kerana ada sa-tengah<sup>2</sup> sharikat itu menjalankan perusahaan berlawanan dengan ajaran Islam.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini secular state, bukan Islamic state. Waktu Tabong Haji kita hendak ber-kira konon dengan sa-chara Islam, yang lain kita tidak kira sa-chara Islam. Jadi kedua<sup>2</sup>, Tuan Yang di-Pertua, untok haji ini pun kita tak sampai, yang dunia ini pun kita tidak dapat hendak invest wang itu kapada benda yang boleh untong. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, masaalah orang yang menyimpan wang dalam Tabong Haji dia menyampaikan amanah di-situ dan dia akan menerima wang balek dengan berapa bonus yang di-beri, tetapi Tabong itu tak usah di-sekat apa yang dia hendak buat itu, dan baharulah menjadi satu badan yang commercial, kalau tidak jadi Pak Yit-lah, bagi duit pada orang, orang bermiaga, simpan bank, kita tak dapat apa<sup>2</sup>. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kita punya dividend mula<sup>2</sup> terlalu sadikit.

Yang akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa 40,000 daripada penyimpan<sup>2</sup> wang itu, ia-lah kerana

penerangan itu tidak betul; kita amat kurang memberi penerangan-nya sehingga ada orang memikirkan hendak pergi ka-haji ini kalau boleh hendak mati di-sana; pergi ka-haji bukan suroh pergi mati. Pergi ka-sana, Tuhan kata: "Li-yash-hadu mana-fi'alhum". Dia hendak suroh pergi tengok benda<sup>2</sup> yang munafaat dapat di-bawa balek. Ini penerangan kita—kalau hendak mati pergi ka-Mekah. Jadi kesemua orang yang pergi hendak mati belaka, tujuannya hendak mampus, bukan-nya hendak bangun menjadi satu umat yang kuat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Perkataan "mampus" tidak boleh digunakan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tarek balek. Tujuan ini membodohkan diri kita. Jadi, ini apa guna-nya kita membayar wang kapada pegawai<sup>2</sup> bagi penerangan yang sa-macham ini? Saya rasa pegawai<sup>2</sup> ini patut di-tukar dengan orang<sup>2</sup> yang moden macham orang<sup>2</sup> daripada PAS, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*).

**Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Tuan Yang di-Pertua, saya dapati kalau tak salah banyak yang pergi ka-sana itu ingat niat hendak mati di-sana itu dari Kelantan. Jadi itu-lah sebab ada ajaran<sup>2</sup> harus juga rakan saya ini dia moden sangat dia ta' bawa ajaran saperti itu, tetapi nampak-nya dia banyak-lah bagitu sehingga ada pula yang memberi fatwa patut-lah orang<sup>2</sup> haji ini semua berpuasa di-Mekah, jadi dapat lebih puahala lagi daripada masa<sup>2</sup> yang lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masaalah investment yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi saya jemput dia bacha Fasal 23 dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini yang memberi kuasa kapada Lembaga itu membuat investment sa-chara yang di-fikir patut menurut nasehat<sup>2</sup> yang beri oleh Jawatan-kuasa yang tertentu. Mengenai masaalah tanah, memang benar Tabong Haji ada membeli dan geran bagi tanah itu telah pun di-dapati.

Tuan Yang di-Pertua, kapada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara dan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang

lain juga saya ingin mengambil kesempatan menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kaseh atas sokongan mereka kapada Rang Undang<sup>2</sup> ini di atas chadangan<sup>2</sup> yang membena, shor<sup>2</sup> yang bagitu akan memberi faedah kapada negara kita sakalian.

Sharat yang di-kenakan supaya Perbendaharaan memberi kebenaran tentang investment di-luar negeri ia-lah, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga wang<sup>2</sup> penyimpan daripada di-belanja dalam bidang<sup>2</sup> penanaman modal yang sukar di-kawal, kerana sharikat<sup>2</sup> itu tidak di-daftarkan di-Malaysia, tambahan pula segala perbelanjaan Tabong Haji ada-lah di-jamin oleh Kerajaan. Ini terkandong di-dalam Clause 26 Bill yang baharu ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga menchadangkan supaya bayaran pas haji di-turunkan. Di-sini saya ingin menarek perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada Clause 93 (1) (c) mengenai kuasa yang di-beri kepada Lembaga ini untuk membuat dan menerbitkan bayaran pas haji. Chadangan Ahli Yang Berhormat itu akan di-timbangkan oleh Lembaga bila mana Lembaga ini di-tubohkan kelak.

Bagitu juga chadangan Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam supaya Lembaga ini mengadakan biasiswa. Lembaga tentu akan menimbulangkan perkara ini. Sa-benar-nya sa-masa Tabong Haji ini pun masaalah ini telah lama di-timbangkan dan butir<sup>2</sup> sedang di-kumpulkan termasuk soal kemungkinan dari segi undang<sup>2</sup> dan chara<sup>2</sup> hendak melaksanakan chadangan ini.

Chadangan<sup>2</sup> Ahli Yang Berhormat dari Lipis berhubong dengan masaalah dalam kapal dan sa-masa tiba di-Jeddah, memang benar, Tuan Yang di-Pertua, sadikit sa-banyak masaalah<sup>2</sup> itu ada berlaku, tetapi mengikut sistem sekarang ini bagaimana kita harap di-masa yang akan datang boleh kita atasi.

Satu chara yang di-fikirkan boleh memberi kesan yang tegas ia-lah dengan menubohkan badan<sup>2</sup> subsidiary dibawah Clause 93 dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini supaya masaalah<sup>2</sup> dalam perjalanan seperti makanan sa-masa belayar dan

lain<sup>2</sup> lagi dapat kita atasi sambil menyelamatkan wang oleh kerana chara konterek sekarang ini mungkin tidak bagitu memberi puas hati.

Mengenai tegoran<sup>2</sup> daripada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang lain tentang perumahan di-Judah, tentang chara penanaman modal dan yang lain<sup>2</sup> lagi, ingin saya menerangkan di-Mekah ada mempunyai atoran-nya sendiri mengenai hak milek tanah ini, ia-itu saya sendiri dan Ahli Yang Berhormat dari Bachok pun telah mendengar dahulu sa-masa saya berada di-Mekah pada bulan Ogos, tahun 1968, ada bertanya kepada Raja Arab Saudi sama ada Kerajaan Arab Saudi bersetuju jika kita membeli sa-keping tanah supaya dapat Kerajaan Malaysia kita membuat asrama di-sana, tetapi atoran di-sana ia-lah tanah<sup>2</sup> tidak boleh di-jual kapada orang<sup>2</sup> yang bukan warganegara Arab Saudi dan jika ini di-benarkan bukan sahaja Malaysia bahkan negara<sup>2</sup> yang lain pun mahu mendirikan asrama<sup>2</sup> di-sana. Ini akibat-nya harus tidak bagitu baik kepada shaikh<sup>2</sup> haji di-Mekah siapa yang banyak bergantong daripada segi pencharian mereka itu kapada jema'ah<sup>2</sup> haji yang datang pada tiap<sup>2</sup> tahun. Dengan hal yang demikian, saya rasa amat sukar hendak melaksanakan chadangan supaya di-adakan asrama<sup>2</sup> di-Mekah.

Saya mengaku bahawa beberapa chara pentadbiran atau pun urusan kita mengenai bakal<sup>2</sup> haji kita di-Judah dan di-Mekah banyak lagi yang mestи diperbaiki. Ada juga urusan<sup>2</sup> bagi pehak Indonesia lebuh baik daripada kita, tetapi sa-balek-nya ada juga apa yang kita jalankan itu lebuh baik daripada pehak Indonesia, mithal-nya berhubong dengan Medical Mission kita di-sana, kita lihat bukan sahaja orang daripada Malaysia bahkan orang daripada Pakistan, daripada Philipina, dan lain<sup>2</sup> pun ada datang meminta bantuan daripada Medical Mission kita. Sa-balek-nya orang kita pun ada juga pergi ka-Medical Mission Indonesia dan lain<sup>2</sup>. Apa yang penting, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah daripada sa-masa ka-samasa perkara yang saperti ini kita kaji dan kita chari jalan untok memperbaiki-nya tiap<sup>2</sup> tahun. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusi-kan Jawatan-kuasa)

*Fasal 1 hingga 18—*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, di-bawah Clause 8 ia-itu kita memberi elaun kapada ahli<sup>2</sup> bagi Lembaga ini. Saya harap elaun ini jangan-lah terlampaui banyak sangat, sebab kalau kita buat bagitu berarti-lah kita memakan di atas belakang bakal<sup>2</sup> Haji yang hendak pergi, dan saya rasa patut-lah elaun<sup>2</sup> ini bukan elaun tetap dan di-beri dengan tidak bagitu banyak.

**Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Tuan Pengerusi, saya memberi jaminan kapada Dewan ini bahawa Lembaga ini di-bawah arahan Menteri tidak akan memberi elaun<sup>2</sup> yang tidak berpatutan kapada sa-siapa juu pun yang patut menerima elaun di-bawah Rang Undang<sup>2</sup> ini.

*Fasal 1 hingga 18* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Fasal 19 hingga 29—*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, di-bawah Clause 24 ia-itu berkenaan dengan menetapkan bonos. Tuan Pengerusi, di-sini-lah yang saya katakan tadi kalau sa-kira-nya kita menyekat Badan ini menyimpan wang atau pun menanam modal, maka apa yang kita dapat hanya-lah bonos. Padahal wang yang kita kumpulkan sampai \$12 million atau pun \$10 million boleh kita invest atau pun kita hidupkan sa-bagai wang perniagaan dan saya tidak faham dari segi mana yang kita menyebutkan bonos sa-mata<sup>2</sup> dan mengapa kita tidak berani mengatakan untong; biar kita katakan untong atau pun faedah tidak usaha-lah kita

menipu ra'ayat dengan nama<sup>2</sup> yang sa-macham itu.

Saya, Tuan Pengerusi, bukan hendak berchakap dari segi haram, atau pun halal sebab ini sudah tentu Kerajaan Perikatan tidak menerima, dia tidak peduli apa yang hendak buat, yang saya hendak berkira kalau kita invest cherita betul<sup>2</sup> dividend dia bonos-kah, interest-kah, untong-kah supaya ra'ayat kita ini sedar walau pun pada masa ini dia terpaksa melakukan sa-suatu yang di-fikir berlawanan dengan Islam, di-masa itu-lah baharu ra'ayat ini mem-beri fikiran mengatas chara<sup>2</sup> yang lain. Ada pun kita chuba menyembuni bagini, saya rasa perkara yang tidak betul itu sampai bila pun tidak dapat kita hendak chuba membetulkan. Ini saya harap Kerajaan menimbangkan.

**Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Tuan Pengerusi, bonos, untong, faedah, bunga dan lain<sup>2</sup> per-kataan, itu perkataan sahaja, apa yang penting ia-lah orang ini dapat ke-untongan, dapat dividend daripada wang<sup>2</sup> yang di-masok mereka ka-dalam Tabong Haji, bukan-lah tujuan Ke-rajaan untuk menipu ra'ayat dengan menggunakan perkataan bonos ra'ayat di-bawah perentah Perikatan ini ra'ayat yang bijak<sup>2</sup> semua dengan ada kelas dewasa tidak boleh kita tipu sekarang. Tuan Pengerusi, chuma yang harus boleh tipu<sup>2</sup> sadikit barangkali yang lari daripada Perlis ka-Bachok itu.

*Fasal 19 hingga 29* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Fasal 30 hingga 50—*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, Clause 37 berkenaan dengan pelayaran ia-itu notice sa-belum belayar. Pada tahun ini ada berlaku shaikh<sup>2</sup> Haji kita di-Tanah Melayu ini menerima sa-barang permintaan orang hendak pergi ka-Makah. Bila di-tanya hari belayar-nya dia kata tidak tentu kapal 2, kapal 3, boleh-kah tidak boleh, tetapi datang dahulu ka-Pulau Pinang atau ka-pelabuhan dan kalau kita nasib baik, kita dapat pergi, kalau ada kosong, kalau nasib tidak baik, kita balek.

Tuan Pengerusi, ini satu chara yang baik, sebab kita hendak menolong orang<sup>2</sup> yang hendak pergi haji, tetapi ada benda yang timbul daripada itu yang tidak baik. Sebab bukan kesemua-nya niat baik dan perlaksanaan-nya baik.

Mithal-nya kalau orang itu sudah datang, dapat tahu-lah ada tiga lagi tempat yang kosong hendak pergi, yang datang-nya 10 orang akan berlumba<sup>2</sup>-lah orang itu menchari satu jalan bagaimana dia dapat belayar dengan kapal ini. Jadi dalam perlumbaan itu tentu-lah berlaku perkara<sup>2</sup> yang tidak baik boleh jadi sa-macham cherita rasuah bagitu bagini. Oleh itu saya menchadangkan tidak ada shaikh haji dalam Tanah Melayu ini, tetapi dia kalau hendak meneruskan perkhidmatan-nya hendak-lah menjadi wakil bagi Tabong Haji ini yang mempunyai tauliah, dengan demikian kalau berlaku sa-suatu dapat-lah Tabong Haji ini bertanggong-jawab sa-kira-nya perkara itu sampai ka-mahkamah pun. Kalau macham sekarang berlaku, orang meng-adu kapada Tabong Haji, Tabong Haji kata : "Aku bukan shaikh haji, aku tidak tahu". Jadi di-sini tidak ada provision-nya di-sini. Ini bukan-lah bodoh orang yang membuat undang<sup>2</sup> ini, tetapi kurang cherdek sebab dia tidak memasokkan peruntukan ini.

**Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Tuan Pengerusi, ada-kah Ahli Yang Berhormat ini sanggup mengatakan bahawa menjadi polisi Parti PAS supaya shaikh<sup>2</sup> haji semua-nya kita jangan benar mengurus bagi pehak orang<sup>2</sup> haji, jika demikian mungkin dia nanti kalah di-Bachok, fasal banyak juga shaikh<sup>2</sup> haji itu di-sana.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, tidak bagitu maksud saya. Saya kata shaikh<sup>2</sup> haji ini dilantek menjadi wakil kapada Tabong Haji ini, dan dapat kita bertanggong-jawab. Saya tidak katakan orang itu di-tahan sama sa-kali, saya tidak kata bagitu.

**Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Tuan Pengerusi, itu akan di-timbangkan, lihat, kalau boleh mem-

bantu bakal<sup>2</sup> haji kita akan laksanakan kalau tidak, kita biarkan saperti sekarang.

Berhubung dengan notis, Tuan Pengerusi, saya rasa dengan ada-nya Clause 68 dan clause<sup>2</sup> yang lain tentang hal sa-orang bakal haji mesti mempunyai passport dahulu sa-belum mendapat tiket sa-belum hendak belayar, masalah yang telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu orang yang pergi ka-Pulau Pinang menunggu<sup>2</sup> sahaja sama ada tempat<sup>2</sup> atau pun tidak, tidak akan timbul di-masa akan datang.

*Fasal 30 hingga 50* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Fasal 51 hingga 104* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual Pertama* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual Kedua* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual Ketiga* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Meshuarat ini di-tanggohkan pada pukul 4.00 petang ini.

*Persidangan di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-pengerusikan Meshuarat)**

## RANG UNDANG<sup>2</sup> BANK PERTANIAN MALAYSIA

**Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**  
**Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu

Rang Undang<sup>2</sup> bagi menubohkan Bank Pertanian Malaysia di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-lah suka-chita dan bangga di-sebabkan dapat mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> yang bagini penting dan mustahak sa-bagai satu langkah yang di-ambil oleh Kerajaan dengan tujuan hendak meno-long peladang<sup>2</sup> dan pekebun<sup>2</sup> kecil supaya mereka itu dapat menambahkan lagi barang<sup>2</sup> keluaran-nya dan menam-bahkan pendapatan. Beberapa hari dahulu, pada masa mengemukakan usul Anggaran Perbelanjaan Pem-bangunan bagi tahun 1969, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menerangkan ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> ini bersama<sup>2</sup> dengan Rang Undang<sup>2</sup> bagi menubohkan MARDI atau Badan Penyiasatan Pertanian ada-lah dua langkah yang penting yang hendak di-jalankan oleh Kerajaan bagi memberi keutamaan kapada usaha<sup>2</sup> per-tanian dan bagi menambahkan lagi kemajuan di-dalam lapangan pertanian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah bertujuan sa-mata<sup>2</sup> hendak memberi pertolongan kapada peladang<sup>2</sup> dan juga pekebun<sup>2</sup> kecil supaya me-reka itu mendapat balasan yang sem-purna daripada usaha dan titek peloh yang mereka churahkan pada tiap<sup>2</sup> hari. Kerajaan ada-lah bertujuan hen-dak menolong peladang<sup>2</sup> dengan apa chara yang patut bagi menambahkan pendapatan mereka itu supaya mereka itu dapat hidup dengan keadaan yang sempurna dan mempunyai taraf hidup yang sesuai dengan keadaan zaman moden ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Per-ikatan ada-lah sa-benar<sup>2</sup>-nya jujor dan ikhlas hendak menolong ra'ayat dan kita sentiasa menjalankan langkah<sup>2</sup> hendak menolong mereka yang berpen-dapatan rendah, peladang<sup>2</sup> dan juga petani<sup>2</sup> dari apa bangsa sa-kali pun, supaya mereka itu mempunyai taraf hidup yang sempurna. Kerajaan Per-ikatan sentiasa menunjukkan kehasilan, bukan sa-mata<sup>2</sup> berchakap kosong, akan tetapi kita sentiasa menjalankan kehendak<sup>2</sup> dan hasrat ra'ayat dengan

mendapatkan hasil yang memuaskan hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berchadang hendak berchakap panjang berkenaan dengan Rang Undang<sup>2</sup> ini, kerana saya tahu, Ahli<sup>2</sup> Yang Ber-hormat telah lama bersidang, telah lama berada di-sini—dalam persidangan ini yang mengambil masa beberapa minggu barangkali sa-tengah<sup>2</sup> daripada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat suka hendak balek ka-tempat masing<sup>2</sup> terutama sa-kali tidak berapa lama lagi sa-tengah<sup>2</sup> daripada Ahli Yang Berhormat akan menyambut Tahun Baharu ia-itu Tahun Baharu bagi Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat daripada keturunan China.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun Kerajaan telah mangambil beberapa langkah untuk mengatasi masaalah di-dalam lapangan pertanian ini dengan tujuan hendak memberi keutamaan kapada usaha<sup>2</sup> di-dalam lapangan per-tanian untuk kemajuan negara kita dan kebahagiaan ra'ayat jelata seluroh-nya. Kerajaan telah mengadakan jalan<sup>2</sup> raya dan kemudahan<sup>2</sup> yang lain di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar. Bagitu juga peladang<sup>2</sup> telah di-beri pelajaran serta pertolongan dalam chara<sup>2</sup> hendak menggunakan beneh<sup>2</sup> yang lebuh baik, baja dan juga alat<sup>2</sup> moden untuk menjalankan perusahaan<sup>2</sup> mereka itu. Satu daripada pertolongan yang mustahak kapada peladang<sup>2</sup> ia-lah bagi menga-dakan wang pinjaman dengan sharat<sup>2</sup> yang berpatutan untuk mereka itu hen-dak membesar dan meluaskan usaha<sup>2</sup> mereka itu. Pada masa<sup>2</sup> yang lalu Kerajaan telah menubohkan beberapa buah sharikat<sup>2</sup> kerjasama, persatuan<sup>2</sup> Bank, Apex Bank dan juga persatuan<sup>2</sup> peladang. Semua-nya ini ada-lah me-nolong kapada ka-arah tujuan<sup>2</sup> yang di-sebutkan itu. Akan tetapi Kerajaan berpendapat bahawa segala usaha<sup>2</sup> ini tidak-lah memuaskan hati dan mustahak di-adakan wang pinjaman atau "credit facilities" yang lebuh mudah lagi, yang lebuh banyak lagi kapada peladang<sup>2</sup> untuk membolehkan mereka itu menggunakan alat<sup>2</sup> moden, jentera<sup>2</sup> pertanian yang moden dan lain<sup>2</sup> lagi. Dengan chara<sup>2</sup> ini-lah dapat peladang<sup>2</sup> melipat gandakan pendapatan mereka itu dan dengan itu usaha<sup>2</sup> kita hendak

membanyakkan lagi pengeluaran barang<sup>2</sup> makanan di-negara kita ini akan berhasil.

Oleh itu dengan tujuan<sup>2</sup> ini-lah maka Rang Undang<sup>2</sup> bagi menubohkan Bank Pertanian ini di-bentangkan di-hadapan Dewan ini. Melalui Bank Pertanian ini, Kerajaan berharap peladang<sup>2</sup> akan mendapat bantuan dan pinjaman yang chukup dan yang lebih sempurna lagi dari masa<sup>2</sup> yang lampau. Bantuan yang sa-macham ini sangatlah mustahak dengan kemajuan yang sedang di-chapai dalam lapangan pertanian, terutama sa-kali dengan ada-nya ranchangan<sup>2</sup> taliayer yang besar di-Daerah Muda dan Kemubu di-mana beratus<sup>2</sup> ribu ekar sawah akan di-tanam dua kali sa-tahun dengan menggunakan beneh<sup>2</sup> yang baik dan alat<sup>2</sup> moden. Dalam keadaan yang sa-macham ini-lah mustahak petani<sup>2</sup> di-beri pertolongan yang chukup untuk hendak menjalankan usaha<sup>2</sup> dengan menggunakan kemajuan sains dan teknik dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya. Tujuan yang besar mengadakan Bank Pertanian ini ia-lah tiga :

*Pertama*, ia-lah hendak mengadakan pinjaman wang dengan sharat<sup>2</sup> yang berpatutan kapada mereka yang menjalankan perusahaan di-dalam lapangan pertanian, lapangan perikanan dan juga di-dalam lapangan<sup>2</sup> yang berkaitan dengan kemajuan pertanian. Bank ini akan memberi pinjaman kapada peladang<sup>2</sup> sama ada terus kapada mereka itu atau melalui sharikat<sup>2</sup> kerjasama atau pun badan<sup>2</sup> yang lain. Bank ini akan dapat memberi pinjaman wang bukan saja dengan faedah yang lebih rendah daripada ahli<sup>2</sup> perniagaan dan juga peminjam<sup>2</sup> wang lain akan tetapi dapat menunjukkan kapada peladang<sup>2</sup> chara<sup>2</sup> menggunakan wang pinjaman itu dengan sempurna untuk mereka itu mendapat faedah yang lebih sempurna. Bank ini akan dapat mengawal pinjaman wang itu dengan sempurna supaya dengan wang<sup>2</sup> yang di-punyai oleh Bank ini dapat di-gunakan dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya dan dengan memberi sa-besar<sup>2</sup> faedah kapada petani<sup>2</sup> dan peladang<sup>2</sup>.

*Kedua*, ia-lah Bank ini akan menyatu dan mengawal segala usaha memberi

pinjaman wang dalam lapangan pertanian. Bank ini akan menjadi pusat pinjaman wang kapada badan<sup>2</sup> yang lain yang akan menjalankan usaha dalam lapangan pertanian. Dengan itu Bank ini akan berkehendakkan kerjasama daripada badan<sup>2</sup> yang sama dari-pada Kerajaan Negeri dan badan<sup>2</sup> lain yang ada pada masa ini ada memberi pinjaman wang kapada peladang<sup>2</sup>. Tak dapat tiada Bank yang sa-macham ini terpaksa menolong usaha<sup>2</sup> di-dalam lapangan yang tertentu kemudian dari-pada itu usaha<sup>2</sup> akan di-besar dan di-perluaskan sa-hingga meliputi semua usaha<sup>2</sup> dalam lapangan pertanian.

*Ketiga*, ia-lah Bank ini akan menjadi tempat simpanan daripada peladang<sup>2</sup>, pekebun<sup>2</sup> kecil dan juga badan<sup>2</sup> yang lain yang menjalankan usaha dalam lapangan pertanian. Jadi wang simpanan ini akan dapat di-gunakan dengan sempurna dan memberi faedah yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, tak dapat tiada bagi permulaan Bank ini tidak-lah berharap akan mendapat banyak wang simpanan daripada peladang<sup>2</sup> kerana pendapatan mereka itu maseh rendah dan mereka hanya-lah mempunyai pendapatan yang chukup untuk kegunaan mereka itu sahaja. Akan tetapi saya berharap bahawa Bank ini akan berusaha menggalakkan peladang<sup>2</sup> menyimpan wang jika mereka itu mendapat pendapatan yang lebih, umpamanya kerana pengeluaran padi telah banyak daripada biasa atau pun pengeluaran buah<sup>2</sup>an ada-lah lebih daripada biasa. Jadi, dengan itu pendapatan mereka ada-lah banyak daripada biasa. Dengan chara yang sa-macham ini, saya berharap peladang<sup>2</sup> akan dapat menggunakan Bank ini ia-itu Bank yang di-tubohkan khas untuk mereka ia-itu peladang<sup>2</sup> dan petani<sup>2</sup> di-dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bank yang sa-macham ini mustahak-lah berjalan dengan baik, dengan lichin dan dengan sempurna supaya dengan itu akan mendapat keperchayaan daripada peladang<sup>2</sup> dan pekebun<sup>2</sup> kecil serta penduduk<sup>2</sup> di-luar bandar ‘am-nya. Bank ini ada-lah berlainan sadikit daripada

Bank<sup>2</sup> yang di-dapati di-bandar<sup>2</sup> kerana Bank ini ada-lah menumpukan usaha-nya kapada peladang<sup>2</sup> dan pekebun<sup>2</sup> kecil dan Bank ini terpaksa memin-jamkan wang untuk orang<sup>2</sup> yang berpendapatan rendah. Dengan sebab itu di-chadangkan Bank ini tiada-lah menjalankan perniagaan sa-penoh-nya saperti Bank<sup>2</sup> perniagaan yang lain. Akan tetapi Bank ini boleh menerima wang simpanan daripada peladang<sup>2</sup> dan juga chek<sup>2</sup> daripada Bank ini boleh di-tukar untuk membayar hutang<sup>2</sup> melalui sistem yang di-katakan "bureau system" ia-itu peladang<sup>2</sup> menyimpan-kan wang di-Bank ini boleh-lah meng-gunakan chek<sup>2</sup> Bank ini untuk mem-bayar hutang<sup>2</sup> kapada peladang<sup>2</sup> yang lain.

Saperti yang saya terangkan tujuan utama Bank ini ia-lah hendak meme-nohi kehendak<sup>2</sup> peladang<sup>2</sup> untuk mendapatkan modal atau pun pertolongan atau pun pinjaman wang bagi menjalankan perusahaan<sup>2</sup> mereka itu. Tujuan ini ada-lah di-sediakan di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini. Kerajaan tidak fikir mustahak mengadakan satu Bank Commercial lagi di-sebabkan kita sudah ada Bank Bumiputra yang mendapat bantuan daripada Kerajaan dan Bank Bumiputra boleh-lah menjalankan usaha<sup>2</sup> perniagaan baik di-luar atau pun di-dalam bandar. Dan lagi ranchangan hendak meminjamkan wang kepada petani<sup>2</sup> dan peladang<sup>2</sup> tidak-lah dapat mengikut peratoran saperti bank<sup>2</sup> perniagaan kerana kadang<sup>2</sup> char-garan<sup>2</sup> tidak dapat di-adakan dengan chukup atau mengikut peratoran sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh bank<sup>2</sup> perniagaan. Dengan sebab itu bank<sup>2</sup> perniagaan kita dapat tidak menjalankan perniagaan di-dalam la-pangan ini kerana bank perniagaan mustahak menjalankan perniagaan yang boleh memberi keuntungan kerana tujuan bank perniagaan bukan-lah sa-mata<sup>2</sup> hendak mendapatkan keuntungan bahkan yang lebih mustahak ia-lah hendak menolong ra'ayat di-luar bandar ia-itu peladang dan pekebun<sup>2</sup> kecil di-dalam negeri ini. Kerajaan berharap Bank ini akan dapat berjalan dengan baik dan terator dan tidak-lah sentiasa berkehendakkan bantuan dari-pada Kerajaan.

Saya berharap kapada petani<sup>2</sup> dan pekebun<sup>2</sup> kecil tidak pula mensifatkan Bank Pertanian ini sa-bagai sa-buah badan untok mereka itu mendapatkan wang dengan sa-suka hati mereka sahaja. Mustahak-lah peladang<sup>2</sup> dan pekebun<sup>2</sup> kecil membantu perjalanan Bank ini supaya Bank ini sa-benar<sup>2</sup>-nya berguna kapada mereka itu. Kerajaan menubohkan Bank ini dengan harapan dan keperchayaan bahawa kita akan dapat menanam semangat baharu dan sikap baharu di-kalangan petani<sup>2</sup> ia-itu semangat berani berdiri di-atas kaki sendiri, semangat berani menentukan untung nasib mereka itu dengan ke-kuatan mereka itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saperti yang saya telah sebutkan tadi, Kerajaan telah banyak mengadakan kemudahan<sup>2</sup> di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar saperti jalan<sup>2</sup> raya, pasar<sup>2</sup> dan juga pertolongan untok memperbaiki chara<sup>2</sup> pertanian, dan taliayer<sup>2</sup>, ranchangan<sup>2</sup> kemajuan tanah dan juga latehan<sup>2</sup> bagi peladang<sup>2</sup> menggunakan alat<sup>2</sup> moden. Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah satu lagi langkah yang tegas bagi Kerajaan hendak menolong peladang<sup>2</sup> dan pekebun<sup>2</sup> kecil. Oleh itu penubohan Bank ini ada-lah satu langkah yang mustahak dan kejayaan Bank ini akan menjadi chabaran kapada orang<sup>2</sup> yang akan mengelolakan Bank ini dan juga chabaran kapada peladang<sup>2</sup> dan petani<sup>2</sup> di-seluruh negeri kita untok menolong memberi kerjasama supaya menjaya-kan penubohan perjalanan Bank ini. Kejayaan sa-suatu ranchangan Kerajaan bagi memajukan negara kita ini ada-lah bergantong kapada kemajuan dari-pada Kerajaan sa-terus-nya kapada ra'ayat jelata sendiri. Dengan sebab itu saya berharap kita semua akan bekerja bersunggoh<sup>2</sup> dengan tujuan yang satu dan dengan penoh keazaman untok membina sa-buah negara yang kuat, yang bersatu padu dan yang ma'amor.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita menchadangkan Rang Undang<sup>2</sup> ini di-bacha bagi kali yang kedua.

**Tuan Abdul Taib bin Mahmud:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bin-tang):** Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penoh Rang Undang<sup>2</sup> Bank Pertanian Malaysia.

(*Dengan izin*) Sir, I welcome this Bank Pertanian Bill for the simple but important reason that it provides better opportunities for our people to better their income and increase their standard of living. The Malaysian economy is still highly dependent on extensive and efficient mobilisation and utilisation of our abundant natural resources and manpower in order to bring greater and better economic prosperity for all our people. We must not only produce more and more of different kinds, but we must also have the means to sell more. This means that our idle land, our forests, our rivers and our seas have to be quickly turned to greater productive use, thereby turning "earth into gold." I am glad the Alliance Government is going ahead to give the people, whether in the rural or the urban areas, regardless of their economic standing, and especially for the poor, millions and millions of acres of virgin land. Consequently, our farmers, rubber tappers, Malay kampong folks, Chinese new villagers, fishermen, the unemployed in towns in Kuala Lumpur and planters have an opportunity to earn better incomes and raise their standard of living so that the gaps between the haves and the have-nots will be narrowed.

Sir, it is not much use giving our people more land if they do not have the money to cultivate those lands. It is not much use producing larger quantities of better quality products—our land, animal and sea products—if they cannot be efficiently sold. I therefore, welcome this new Agricultural Development Bank, more particularly so as it provides loans not only to producers of land products, animal and sea products, but also to people who market such products. Farmers, animal farm-yard owners, poultry, pig, cattle, goats, fishermen and fish-pond owners would welcome the setting up of this new Bank, and I am also happy to note that loans from this Bank are available to all those people who

market, process, purchase, store, collect, transport and export all these agricultural, horticultural, animal and sea products.

It is about time that our Government should step in to assist and to give loans to the marketers, sellers, processors and dealers, of farm produce like coffee, coconut, tapioca, maize, rice, fruits, of animal and sea products like goats, pigs, cattle, poultry, eggs, milk, fish and prawns and to give loans to the meat, vegetable, fruit and fish mongers in the markets.

For the Malaysian economy to prosper our efforts must be multi-racial, so as to ensure whole-hearted co-operation and participation. I, therefore, hope that these loans would be available to all the above categories of people, regardless of their racial origin.

Massive land alienation, giving land to the landless, making loans available to those who produce and those who sell, process, market and export are very important and sensible strategies to achieve an accelerated economic and social development. I, therefore, hope that these strategies would be implemented quickly irrespective of economic background so that our rural folks, *bumiputras* as well as non-*bumiputras*, can have greater income and stronger purchasing power.

All these, of course, will bring about more prosperity, and more prosperity will mean better business for all the shops and businesses in towns, and especially in Kuala Lumpur, which is the centre and hub of economic activities for the nation, and help solve the unemployment problem not only in these towns and cities, but also in the rural areas.

Sir, it is in the field of agricultural and marketing credit that much remains to be done. In terms of the economic significance of agriculture to the economy, where 50% of the total working population is employed in agriculture, it contributed in 1967 24% to the gross domestic product. Private banks and finance institutions financing medium, intermediate and long-term investment in agriculture amounts to

only about 9% of the total financing operations. This is not commensurate with the Government long-term investment, which constituted 24% of the total public sector development expended in the First Malaysia Plan. Moreover, I observe, that the short-term loans, that is, credit normally used as working capital to finance seasonal inputs such as fertilisers, pesticides and labour services for land preparation, planting and harvesting, agricultural and horticultural activities, feeds for livestock and poultry, ice and containers, etc., for fishing, for marketing, processing and selling in the markets of land products, animal and sea products extended by commercial banks, are almost exclusively to the estates and larger enterprises. In 1967, for example, the commercial banks provided finance for 57% of total rubber production, none at all for rice, pepper, maize, rambutan, tapioca and coffee, almost 100% of the total palm oil and tea production, about 20% of total coconut production, 58% of the total pineapple production and 15% of the total fish landings, and practically very little for the people who sell, market, and process such products.

It would appear, therefore, that while the commercial banking system provides adequate short-term credit facilities to the estates sector of agriculture, it plays a less significant role in the provision of direct short-term credit and loans to the poor people and to those in the marketing sector of agriculture, horticulture, animal and sea products.

There is, therefore, an urgent pressing need to establish a national agricultural credit institution to provide credit for all types—for short, medium and long-term credit—to the primary industry sector, especially the poorer people. It is right that, under this new Bill, we should pay our attention to this important issue. Our agricultural and primary industry development programme must take new direction and new dimension. And I am glad that the Honourable Minister is placing greater emphasis on and giving more encouragement to agricultural diversification.

The establishment of the Bank Pertanian as proposed by the Bill is, therefore, an event of the utmost importance and one designed to bring prosperity for our people and our nation. Thank you.

**Tuan Haji Mokhtar bin Haji Lunail (Perlis Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili kawasan jelapang padi ia-itu Perlis Selatan, satu kawasan padi yang sa-luas 50,000 ekar dan 15,000 petani<sup>2</sup> dan lebih kurang 40,000 keluarga<sup>2</sup> petani yang bergantong nasib mereka kapada 15,000 orang petani<sup>2</sup> yang saya sebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di-samping saya memberi sokongan kapada Rang Undang<sup>2</sup> Bank Pertanian yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian, saya suka menerangkan di-dalam Dewan ini dari pengalaman saya akan riwayat<sup>2</sup> pahit maong, duka nestapa kaum<sup>2</sup> tani di-dalam negeri Perlis. Kenyataan sejarah Perlis ada-lah negeri pertanian dari turun temurun zaman perba. Sa-orang boleh jadi kaya kerana pertanian dan juga sa-orang itu boleh jadi miskin dan papa kerana pertanian.

Di-masa 40 tahun yang lampau Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat tentu pernah mengikuti sejarah pergolakan pertanian di-dalam negeri Perlis ia-itu hampir<sup>2</sup> dua-pertiga daripada tanah<sup>2</sup> sawah di-dalam negeri Perlis telah di-mileki oleh moneylenders ya'ani cheti<sup>2</sup>, oleh kerana pada masa itu tidak ada tempat yang mudah mendapat pinjaman, melainkan dengan menggadaikan tanah<sup>2</sup> benda mereka dengan bunga yang berlipat-ganda, kerana keperluan pak<sup>2</sup> tani di-masa itu sama-lah juga saperti keperluan di-masa sekarang ini. Umpamanya saperti kenduri-kendara, perkawinan anak<sup>2</sup> mereka, meminjamkan grant<sup>2</sup> tanah mereka sa-bagai chagaran kerana menolong sanak-saudara dan kawan rakan dan yang ketiga memerlukan wang kerana menunaikan fardhu haji dan juga sebab<sup>2</sup> yang lain. Ini-lah sebab yang besar-nya, Tuan Yang di-Pertua, yang telah membawa tanah<sup>2</sup> kaum tani di-dalam negeri Perlis bertukar milek dari satu tangan ka-satu tangan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pak<sup>2</sup> tani negeri Perlis hingga sekarang ini maseh mengenang jasa<sup>2</sup> yang telah di-tunjukkan oleh bekas Tuan Speaker, Dewan Undangan dahulu ia-itu Dato' Mahmud, Pahang, sa-masa beliau menjadi Pesurohjaya Tanah dan Galian negeri Perlis. Beliau telah bersunggoh<sup>2</sup> ber-usaha bagi memperbaiki nasib pak<sup>2</sup> tani negeri Perlis dengan mengadakan beberapa pindaan Undang<sup>2</sup> Tanah dan mewujudkan Undang<sup>2</sup> Tanaah Simpanan atau Malay Reservation. Jika tidak kerana jasa dan bakti beliau maka tidak shak lagi bahawa negeri Perlis sudah di-warithi oleh money-lenders yang saya sebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mahmud bukan sa-kadar itu sahaja usaha-nya, malahan berikhtiar sedia usaha-nya hingga akhir-nya sa-orang daripada moneylender itu telah di-usir keluar dari negeri Perlis sa-lama<sup>2</sup>-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-sudah ter-selemat-nya petani<sup>2</sup> negeri Perlis dari bahaya money<sup>2</sup> lender yang tersebut satu babak baharu di-dalam masharakat kaum tani telah pula munchul yang bahaya-nya lebuh kurang sama saperti moneylender yang saya sebutkan itu. Bahaya yang pertama ia-itu bahaya padi kuncha dan yang kedua bahaya jual janji. Sebab<sup>2</sup>-nya maka petani ter-jatoh ka-dalam gejala<sup>2</sup> yang tersebut sama-lah saperti yang telah saya sebutkan di atas tadi ia-itu :

- (i) Keperluan wang kerana menjalan-kan kerja<sup>2</sup> sawah bendang;
- (ii) keperluan wang kerana nikah kahwin anak<sup>2</sup>-nya;
- (iii) keperluan wang kerana menunai-kan fardhu haji dan lain<sup>2</sup> lagi.

Padi kuncha, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah satu system jualan padi sa-masa padi belum lagi di-tanam dengan harga \$5 atau \$6 pada sa-pikul atau mengikut sa-jauh mana kesuboran pokok padi itu, jika padi itu sudah keluar buah, harga-nya lebuh mahal sadikit ia-itu \$8 hingga \$10 sa-pikul. Lazim-nya si-piutang tadi terkena-lah menarohkan chagaran saperti geran tanah atau lesen<sup>2</sup> lembu dan kerbau.

Tuan Yang di-Pertua, biasa-nya jika petani itu sa-saorang yang membuat

bendang-sewa, sub-tenant, sa-lepas sahaja selesai memotong padi sa-sudah di-tolak sewa tanah, tolak hutang dan sa-bagai-nya dia tidak mendapat apa<sup>2</sup> hanya miang dan penat-lelah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain dari-pada bahaya yang tersebut ia-itu bahaya jual janji, Tuan Yang di-Pertua, jual janji ada-lah satu system yang tidak ubah bahaya-nya saperti money-lender juga ia-itu membeli tanah dengan harga yang murah—below market price. Bersama<sup>2</sup> pembelian itu ada satu surat perjanjian luar. Jika si-penjual tidak boleh membeli balek tanah-nya di-dalam tempoh tiga tahun maka termansokh-lah perjanjian itu dan kekal-lah tanah yang tersebut menjadi milek si-pembeli tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ada di-sini saya bawa satu chontoh. A ada sa-keping tanah sa-luas tiga relong. Mengikut tafsiran harga pasaran, tanah yang tiga relong itu berharga \$3,000—B sanggup membeli janji dengan harga \$1,000 sahaja sa-lama tiga tahun. A kemudian menyewa balek tanah itu daripada B \$50 sa-tahun pada sa-relong berjumlah \$150 berma'ana di-dalam masa tiga tahun B boleh-lah mendapat sewa sa-banyak \$450 sa-bagai faedah kapada pinjaman yang berjumlah \$1,000 itu. Jadi manakala genap sahaja tiga tahun jika tanah itu tidak di-beli balek mengikut tarikh yang di-janji, maka tanah yang tersebut tidak akan di-layani oleh si-A dan tetap menjadi hak kepunyaaan B sa-lama<sup>2</sup>-nya.

Menurut penyiasatan saya, Tuan Yang di-Pertua, 50% daripada tanah<sup>2</sup> bendang yang di-jual janji oleh petani<sup>2</sup> negeri Perlis itu tidak dapat di-beli balek jika dengan usaha tenaga dan titik peloh dari kaum<sup>2</sup> tani sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar sa-lepas negara kita mencapai ke-merdekaan beberapa ikhtiar telah pun di-usaha oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri bagi membasmi padi kuncha dan jual janji. Umpama-nya, Lembaga Penanam Padi Negeri Perlis, mengeluarkan pinjaman wang kepada petani kerana membeli dan menebus tanah hingga sekarang ini boleh-lah

di-katakan lebih sa-tengah daripada tanah kepunyaan moneylender dahulu telah dapat di-beli sa-mula oleh petani<sup>2</sup> tetapi oleh sebab sangat terhad ke-wangan bagi Lembaga yang tersebut, maka usaha<sup>2</sup> bagi membantu petani<sup>2</sup> memileki tanah sendiri tidak dapat berjalan dengan lichin-nya. Saya harap dengan tertuboh-nya Bank Pertanian ini beberapa masaalah besar yang sedang di-hadapi oleh petani<sup>2</sup> sekarang ini akan mengeluarkan hasil yang berjaya dan memuaskan.

Sa-lain daripada badan<sup>2</sup> yang saya sebut itu Bank Kerjasama sa-bagaimana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ketika mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-itu Bank dan Sharikat Kerjasama Kampong telah juga me-mainkan peranan penting bagi meno-long petani<sup>2</sup> akan tetapi oleh kerana banyak kekechahan kerap kali berlaku di-perengkat<sup>2</sup> Jawatan-kuasa Sharikat Kampong itu sendiri maka petani<sup>2</sup> juga menjadi mangsa-nya.

Mithalan-nya, Tuan Yang di-Pertua, si-Ahmad memerlukan wang pinjaman daripada sharikat kerjasama tetapi oleh kerana dia tidak mempunyai chagaran maka sukar-lah bagi dia mendapat pinjaman. Ini-lah satu masaalah yang harus di-kaji oleh Bank ia-itu bagaimana Bank Pertanian ini dapat meno-long kapada sub-tenant ya'ani orang yang menyewa tanah. Jadi orang yang menyewa tanah itu sudah tentu tidak mempunyai chagaran. Jadi saya haraplah bahawa bagi pehak Bank ini dapat menyelideki dan menyiasat dengan sa-halus<sup>2</sup>-nya supaya orang<sup>2</sup> yang menduduki dan menyewa tanah itu akan dapat faedah daripada Bank Pertanian ini.

Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, si-Ahmad yang bertani yang berusaha di atas tanah sewa dia memerlukan wang pinjaman daripada Sharikat Kerjasama; oleh kerana dia tidak mempunyai chagaran maka sukar-lah bagi-nya mendapat pinjaman dan pernah berlaku Ahli<sup>2</sup> Jawatan-kuasa pernah menawarkan pinjaman kepada petani<sup>2</sup> yang menjadi Ahli Sharikat Kerjasama yang boleh memberi chagaran, mereka itu mendapat chagaran

daripada ahli<sup>2</sup> mereka membuat pin-jaman yang lebih besar daripada jumlah yang di-kehendaki oleh ahli<sup>2</sup> sharikat kerjasama itu sendiri. Umpamanya, ahli<sup>2</sup> berkehendakkan sa-banyak \$5,000 dengan chagaran<sup>2</sup>-nya mereka ahli Jawatan-kuasa membuat pinjaman sa-banyak \$10,000 ya'ani yang baki \$5,000 itu di-bagi sa-sama mereka. Bagini-lah, Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang berlaku di-sekitar badan kerjasama, sa-orang pertani memberi tahu saya, ia telah pun menjelaskan hutang<sup>2</sup>-nya yang lama tetapi geran tanah chagaran yang mereka ambil dari petani itu hingga sekarang ini belum di-pulangkan balek.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini-lah chontoh<sup>2</sup> kajian yang saya sebutkan ada-lah menjadi perhetongan dan tau-ladan baik bagi Bank Pertanian yang akan mengambil alih bagi memperbaiki nasib petani bagi masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang pernah saya berchakap di-dalam Dewan ini petani<sup>2</sup> khas-nya di-dalam kawasan saya, Perlis Selatan, sedang menempoh zaman perubahan yang sa-bagitu chepat kemajuan-nya. Tanaman padi dua musim ada-lah harapan che-merlang menjelang tahun 1970 ia-itu manakala selesai pembinaan perojek Sungai Muda. Apa yang menjadi tanda tanya di-dalam masharakat petani pada hari ini bagaimana nasib mereka yang tidak mempunyai tanah sendiri tetapi hanya sa-bagi sub-tenant. Boleh-kah mereka juga mendapat faedah daripada Bank Pertanian ini, atau boleh-kah Bank Pertanian ini membeli tanah<sup>2</sup> bendang dan menjual balek tanah<sup>2</sup> itu kepada petani yang tidak mempunyai tanah?

Tuan Yang di-Pertua, petani yang menyewa tanah pada hari ini sedang menempoh bermacham<sup>2</sup> kesulitan ba-haru akibat tanaman padi dua musim. Tuan<sup>2</sup> punya tanah akan mengenakan juga ka-atas petani sewa dua musim juga dan wang<sup>2</sup> pendahuluan sa-lama tiga tahun penyewa dengan bermacham<sup>2</sup> alasan. Meski pun negara kita ada mempunyai undang<sup>2</sup> sewa tanah, tetapi tidak berjalan dengan lichin-nya. Jadi

saya harap-lah bagi pehak Bank Pertanian dapat bekerjasama dan menyuaikan supaya undang<sup>2</sup> yang telah kita ciptakan itu akan dapat di-jalankan dengan sempurna-nya.

Sa-lain daripada yang tersebut, Tuan Yang di-Pertua, di-masa yang lampau saya dapati ada juga kilang padi kecil meminjam wang daripada MARA dengan alasan membeli padi dan sa-bagai-nya tetapi manakala berjaya pinjaman itu wang yang tersebut tidak di-gunakan untuk tujuan<sup>2</sup> yang tersebut itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap-lah kapada Bank Pertanian ini tiap<sup>2</sup> satu pinjaman itu hendak-lah di-perhatikan dan di-selidiki supaya tiap<sup>2</sup> pinjaman yang kita keluarkan itu akan memberi faedah kepada petani.

Tuan Yang di-Pertua, soalan pemasaran padi juga ada-lah masaalah yang besar yang sedang di-hadapi oleh petani<sup>2</sup> dan pelesen<sup>2</sup> kecil pembeli padi. Siapa-kah yang akan menentukan mutu padi dan potongan<sup>2</sup>-nya? Sa-tahu saya, bukan FAMA. Di-masa yang lalu yang akan menentukan potongan itu ia-lah kilang<sup>2</sup> besar. Saya harap dengan ada-nya Bank Pertanian yang tersebut mereka dapat bekerjasama dengan FAMA dengan mengadakan gudang simpanan<sup>2</sup> padi yang modern di-mana petani<sup>2</sup> berlesen dapat menjual padi mereka dengan harga yang di-jamin oleh Kerajaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada akhir-nya saya menguchapkan berbanyak terima kaseh dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian ini yang dapat menggubalkan Rang Undang<sup>2</sup> Pertanian ini yang akan memberi faedah yang lebih besar lagi kepada petani<sup>2</sup> kita bagi masa yang akan datang.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya turut ber-chakap dengan sa-berapa rengkas yang boleh berkenaan dengan Rang Undang<sup>2</sup> Bank Pertanian Malaysia, 1969.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah julong<sup>2</sup> kali Rang Undang<sup>2</sup> yang saperti ini di-kemukakan ka-dalam Dewan ini sa-telah Dewan ini berumor sampai sa-puloh tahun dan sa-telah kita merdeka lebih dari sa-puloh tahun pada hal

negara kita ada-lah sa-buah negara pertanian. Saya walau bagaimana pun mengharap supaya Bank ini akan menjadi beneh yang baik bagi usaha<sup>2</sup> yang akan datang.

Apa yang saya hendak sebutkan berkenaan dengan Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah kesulitan<sup>2</sup> yang ada di-sekeliling penubohan Bank ini sendiri. Bukan-lah penubohan Bank itu sendiri, tetapi kesulitan<sup>2</sup> yang ada di-sekeliling-nya. Maksud kita, sa-bagaimana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, mengadakan Undang<sup>2</sup> ini ia-lah hendak menolong petani<sup>2</sup> supaya mereka itu mendapat hasil yang lebih, dapat menggunakan chara<sup>2</sup> pertanian, menurut chara<sup>2</sup> yang baharu, menurut chara<sup>2</sup> yang scientific dan dengan meng-gunakan alat<sup>2</sup> yang modern dan Bank ini akan menumpulkan kapada usaha<sup>2</sup> pertanian sa-mata<sup>2</sup>, tidak sa-bagai bank<sup>2</sup> yang lain yang berdasarkan commercial basis.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini-lah yang saya katakan kesulitan<sup>2</sup> yang timbul boleh jadi apabila kita datang kapada Rang Undang<sup>2</sup> yang lagi satu ia-itu MARDI, maka kita akan dapat berkaitan dengan Rang Undang<sup>2</sup> Bank ini bertambah rapat dan kalau di-chantumkan kedua<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> 32 tahun 1969 dan Rang Undang 29 tahun 1969 ini, saya rasa kalau kita katakan Rang Undang<sup>2</sup> Bank Pertanian ini tidak payah di-wujudkan pun boleh kita katakan asalkan bank<sup>2</sup> commercial dapat mengadakan satu section di-bawah itu, tetapi dapat saya hendak katakan bagitu kerana pertama Rang Undang<sup>2</sup> MARDI ada di-hadapan kita. Yang kedua, ini ada-lah satu perchubaan bagi kali yang pertama.

Dudok-nya bagini, Tuan Yang di-Pertua, Bank ini tidak akan dapat berjalan dengan baik sa-hingga pada satu masa yang tertentu, sa-kurang<sup>2</sup>-nya lima tahun, sebab Bank ini terhenti sa-mata<sup>2</sup> kapada usaha<sup>2</sup> pertanian. Yang menyimpan wang dalam Bank ini ia-lah petani<sup>2</sup>, pada hal petani ini hasil mereka itu tidak bagitu bertambah dan hidup-nya Bank ini kita mengharapkan kapada satu sahaja ia-itu harap kepada nasib baik saperti mana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri

itu ia-itu nasib kalau<sup>2</sup> ada satu masa petani<sup>2</sup> ini dapat hasil lebuh baharu-lah mereka itu hendak simpan duit lebuh. Hendak dapat hasil lebuh. Ini-lah yang menjadi masaalah, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana petani<sup>2</sup> ini boleh dapat hasil lebuh, kalau tanah yang mereka jayakan itu tidak ekonomi, tidak bersifat economic holding artinya tak dapat kita hendak ta'arifkan sebagai tanah pertanian yang ekonomi? Tambahan pula di-negeri Perlis, bahagian Selatan kita dapat banyak sub-tenant, penyewa<sup>2</sup> yang menyewa di atas sewa. Maka ini satu bukti bahawa sa-paroh daripada negeri Perlis itu petani<sup>2</sup> yang tidak mempunyai tanah yang dapat kita sifatkan sa-bagai bidang yang ekonomi maka nyata-lah separoh negeri Perlis itu tidak akan dapat nekmat hasil daripada Bank ini dan tidak akan dapat menolong. Kalau apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan tadi benar maka benar-lah pula perkara itu berlaku di-Perlis Utara. Dan Perlis Utara lagi lebuh miskin dari segi pertanian daripada Perlis Selatan. Maka dengan demikian seluruh negeri Perlis itu akan memandang kapada Bank ini sa-bagai buah yang masak, tetapi tidak gugor.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita chontohkan di-negeri Perlis sa-bagai itu dan sadikit sa-banyak saya tahu, sebab tempat asal saya di-negeri Perlis, maka perkara yang mustahak yang sa-patutnya kita adakan dengan lebuh tegas, kalau tidak pada hari ini pun, kita tambahkan lagi pada satu masa yang akan datang, ia-itu chara<sup>2</sup> menolong petani ini menggunakan wang. Dengan perlaksanaan penggunaan wang itu kapada maksud mengapa petang itu di-pinta atau mengapa pinjaman itu di-pinta sebab, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita katakan kita beri sa-ratus orang bantuan wang kerana hendak memajukan pertanian, petani<sup>2</sup> ini ia-lah sub-tenant. Boleh jadi sudah tiga, Tuan Yang di-Pertua, peluang hendak mendapat wang. Yang pertama, tuan tanah sendiri. Yang kedua, tenant-nya—penyewa. Yang ketiga, sub-tenant. Jadi tentu-lah kalau sub-tenant ini hendak meminjam wang atau hendak meminta bantuan ter-

paksa-lah dia kena membawa penyewa yang asal itu, ia-itu tenant membawa pula tuan tanah-nya supaya menjadi saksi kepada Bank ini untuk mendapat bantuan. Dengan demikian tiga pehak itu menunggu daripada pak tadi tadi. Ini menunggu hasil daripada titek peloh pak tani yang nombor tiga tadi itu—sub-tenant.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada peruntukan di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini sebab Rang Undang<sup>2</sup> ini sama<sup>2</sup> hendak mengadakan satu Bank Pertanian. Undang<sup>2</sup>-nya pun kurang lebuh saperti Bank biasa juga ia-itu bank commercial, chuma di-tentukan kapada usaha<sup>2</sup> pertanian. Bagaimana chita<sup>2</sup> kita hendak menolong kapada petani<sup>2</sup> itu, provision-nya tidak ada, maka kalau sa-macham itu, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Bank ini hendak dapat berjalan dan Yang Berhormat Menteri kata biar-lah bumiputra menjalankan. Bumiputra yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, saya bukan ahli bank, tetapi bagi saya tidak ada ma'ana ini Bank Bumiputra dengan bank lain. Dia bank commercial saperti biasa juga, tetapi kebetulan bagi orang<sup>2</sup> Melayu menjalankan kita namakan Bank Bumiputra. Kalau orang yang bukan Melayu pun simpan wang pun boleh di-situ, tidak di-tegah, tidak di-katakan kalau ini China mithal-nya tidak boleh simpan, India tidak boleh simpan, orang puteh tidak boleh simpan. Jadi bank biasa. Bagi ra'ayat dia menjangka Bank Bumiputra ini bank Melayu, tetapi bagi orang yang mengerti apa arti bank, ini macham bank biasa juga. Jadi tidak dapat-lah kita hendak harapkan kapada Bank Bumiputra untuk menolong Bank Pertanian. Itu sudah satu chachat, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, bagaimana Bank ini hendak boleh menolong orang<sup>2</sup> kampong atau petani<sup>2</sup> sama ada petani<sup>2</sup> nelayan, atau petani pesawah atau petani<sup>2</sup> penternak. Bagaimana kita hendak menolong tiga jenis ini menggunakan alat<sup>2</sup> modern dan chara<sup>2</sup> yang scientific sedang petani<sup>2</sup> itu sendiri bukan petani<sup>2</sup> saperti negeri<sup>2</sup> yang sudah develop. Petani<sup>2</sup> di-negeri ini

maseh menggunakan lagi alat<sup>2</sup> yang primitive dan maseh menggunakan lagi chara<sup>2</sup> yang primitive dan bagaimana kita hendak menolong kalau tidak ada satu generation petani<sup>2</sup> baharu yang akan mengambil tempat itu ada. Ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh lakukan, pada pendapat saya, melainkan melalui Sekolah Pertanian yang pada hari itu chabar-menchabar dan selesai-menyesuaikan sudah berlaku di-antara Menteri Yang Berhormat dengan saya. Jadi di-sini saya hendak bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu kesulitan kita hendak menolong petani<sup>2</sup>. Banyak anak<sup>2</sup> petani menghantar anak<sup>2</sup> mereka itu pergi ka-sekolah atau pun ka-Kolej Pertanian supaya anak<sup>2</sup> itu pulang dapat menjalankan pertanian<sup>2</sup> dengan chara yang lebuh baik, dengan menggunakan alat<sup>2</sup> yang lebuh baik dan kebanyakan-nya itu masok di-dalam Sekolah Pertanian atau Maktab Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita hendak adakan satu kumpulan angkatan muda petani<sup>2</sup> yang mempunyai pengetahuan kalau sa-kira-nya pelajar<sup>2</sup> yang masok Sekolah Pertanian itu tidak di-tentukan masa hadapannya dengan elok. Yang saya tahu sekolah itu, ini tidak hendak menchabar Menteri itu tetapi hendak uji tengok sa-jauh mana Yang Berhormat Menteri kita bertanggong-jawab, tidak hendak menchabar. Pelajar<sup>2</sup> yang masok itu di-katakan jangan rendah daripada Form II sama ada Malay medium atau pun English medium, dengan demikian boleh-lah masok pelajar<sup>2</sup> yang sudah lulus L.C.E., lulus Form IV, lulus Cambridge dan F.M.C. Pada masa ini saya tahu tidak banyak, sa-orang atau dua-kah yang ada Form II yang lain itu L.C.E., Form IV ia-itu F.M.C. dan School Certificate atau pun Senior Cambridge. Jadi empat taraf pelajar<sup>2</sup> ini sudah tentu, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat mengadap satu pelajaran yang sama, sedangkan yang L.C.E. itu Malay medium pun banyak. Guru<sup>2</sup> kalau tak silap, Tuan Yang di-Pertua, di-situ Amerikan ada enam-kah, berapa-kah, Jerman ada empat, kemudian Malaysian-nya ada tiga. Yang Jerman ini

barangkali dia mengajar engineering dalam ilmu pertanian itu, dia sendiri pun bukan kata tak boleh berchakap Melayu, orang puteh sendiri pun dia tidak berapa faham, dia kira bahasa dia sahaja. Jepun sudah balek-lah. Jadi budak<sup>2</sup> yang ada itu ada yang lulus School Certificate, ada yang lulus F.M.C. ada yang Form IV ada yang L.C.E. dan L.C.E. itu pun Malay medium, maka mendongak-lah budak<sup>2</sup> itu hendak memaham apa yang dikata-nya. Yang bertambah pelek lagi, kalau saya tak silap maklumat Principal bagi sekolah itu ada Ijazah Pertanian, tetapi dia ada kelayakan berkenaan dengan fisheries, dia lulus berkenaan dengan perikanan dan telah memberi lecture berkenaan dengan agronomy, wet crop dengan dry crop. Jadi bertambah rumit lagi mahaguru di-sana—sudah di-rumitkan, murid<sup>2</sup> tentu-lah akan bertambah kerumitan. Bagaimana kita hendak mengharapkan satu angkatan petani<sup>2</sup> atau pun pak<sup>2</sup> tani yang kita hendak menolong mereka itu menggunakan chek bank, membayar di-antara satu dengan orang lain? Jadi arti-nya kalau pak tani itu ber hutang kapada pak tani yang di-tempat itu, dan dia mari minta tak payah bayar duit-lah, tulis chek sahaja bagi. Pak tani ini pun dua tahun sudah masok kelas dewasa hendak sain pun tak boleh, bagaimana dia hendak sain chek itu. Sa-olah<sup>2</sup> Bank ini kita pandang Malaysia kita ini sabuah negeri yang sudah develop yang hendak membeli sayor pun pakai chek. Jadi ini saya, Tuan Yang di-Pertua, hairan bin ajaib dalam perkara ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam itu pun yang menyedehkan di-Sekolah Pertanian tadi chara kita membayar gaji sekarang ini, sebab di-Sekolah Pertanian ini bukan murid<sup>2</sup> sa-benar-nya pegawai Kerajaan nam-pak-nya. Saya pun tidak tahu sa-benarnya, tetapi orang ini makan gaji. Yang bukan L.C.E. dapat \$90 gaji kalau tak silap saya, yang L.C.E. dapat \$109 yang F.M.C. pun dapat \$109 juga; itu yang pelek-nya. Kemudian apabila confirm tahun ketiga daripada Form II, L.C.E. dan F.M.C. tadi dapat \$109. Jadi macham mana dudok-nya pada hal budak<sup>2</sup> kalau

lulus sekolah F.M.C. barangkali dia terus kerja kerani, dia dapat \$137.50. Dia tak payah tunggu sampai tiga tahun berterok<sup>2</sup> hendak belajar di-sekolah itu kemudian syllabus-nya pula, Tuan Yang di-Pertua, ada saya bawa dalam beg ini. Syllabus ini, Tuan Yang di-Pertua, tak mustahak saya buka bila saya di-chabar baharu saya buka.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:**  
Letak sahaja boleh.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:**  
Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ilmu itu, Tuan Yang di-Pertua, di-ajar ilmu sains yang banyak, memang syllabus ini syllabus di-Kolej. Chatetan guru atau pun preparation guru yang mengajar di-Kolej tahun satu itu di-bawa mari ka-sini. Jadi ini yang di-ajar. Bagaimana-lah budak<sup>2</sup> ini hendak faham? Saya tidak hendak membahathkan sekolah ini sebab kita akan bertemu dengan MARDI. Tetapi saya hendak menunjukkan bahawa Bank ini apabila di-adakan maka patut-lah hendak meninggikan petani<sup>2</sup> itu di-beri perhatian.

Ada sadikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu berkenaan dengan bagaimana kita hendak menolong petani<sup>2</sup> menggunakan wang di-bank. Tuan Yang di-Pertua, banking satu perkara yang boleh di-katakan maju dalam muamalah manusia. Manusia yang tahu menyimpan wang di-bank, mengambil wang di-bank, menukar dan membeli dengan sa-chara bank dengan menggunakan postdated. Ini kesemua manusia yang sudah advance chara berfikir, yang orang kampong dia tak boleh buat. Sebab itu orang puteh dia memerentah kita dia bagi kopon, kopon getah itu. Jadi yang itu tak payah sain, tak payah apa, kalau ada pada dia sahaja mcham itu-lah macham duit. Jadi sekarang ini kita pakai bank, maka bank itu pun di-hadkan sa-mata<sup>2</sup> berkenaan dengan pertanian. Pak tani yang hidup tadi & sahaja masa hidupnya sa-bagai pak tani di-tujukan kepada kerja<sup>2</sup> pertanian habis kerja itu dia tidor, atau pun dia buat kerja lain yang bukan urusan pertanian. Itu seasonal unemployment. Ini berlaku dan masa itu bagaimana dia hendak

menggunakan chek<sup>2</sup> ini untuk muslihat diri dan dia bukan satu petani yang mempunyai beribu<sup>2</sup> ekar. Dia manusia yang chari pagi makan pagi, gunakan bank chek pula dan chek itu kadang<sup>2</sup> mahu ada sa-minggu baharu boleh cash. Kalau dia sakit mithal-nya dia hendak menggunakan duit itu sa-mata<sup>2</sup> tulis di-situ cash term dia punya wang bayar dengan cash walau pun kita tulis cash di-chek itu, tetapi dia kira bukan cash, itu di-kira sa-bagai perjanjian sahaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini menambahkan rumit kapada orang<sup>2</sup> kampong lagi. It is a matter of time—time factor—di-sini yang saya sebutkan, bukan saya menchabar Rang Undang<sup>2</sup> ini. Maka keselurohan-nya ini-lah yang saya rasa apabila MARDI kita ini dapat kita tubohkan di-negeri ini maka kita perbesarkan lagi dan mengadakan satu research atau pun mengambil facts and figures kedudukan pertanian kita di-Malaysia ini, maka hasil daripada itu akan dapat menolong Bank ini.

**Tuan Haji Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama<sup>2</sup> menguchapkan tahniah kepada Kerajaan terutama sa-kali kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama kerana mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> Pertanian Malaysia tahun 1969.

Sa-belum Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu keluar, saya suka-lah hendak berchakap sadikit atas apa yang di-keluarkan-nya atau pendapat yang di-keluarkan oleh sahabat saya dari Bachok. Rasa saya Wakil dari Bachok barangkali sa-kali sa-kala dia terlupa dengan hal<sup>2</sup> kejadian dalam tanah ayer kita kerana desakan daripada Kongres Ekonomi Bumiputra yang telah dilangsangkan dua kali yang telah lalu ada di-nyatakan atau pun ada di-putuskan untuk mendirikan atau pun di-tubohkan sa-buah Bank Pertanian. Jadi alasan kerana perkara<sup>2</sup> ada sa-tengah<sup>2</sup> petani<sup>2</sup> yang tidak masak; tidak tahu hendak menggunakan chara bank ini menjadi alasan kapada Dewan ini, sangat-lah rendah pandangan Wakil dari Bachok. Walau pun saya

bukan-lah orang yang sentiasa main chek, atau pun sentiasa memakai account<sup>2</sup> bank, tetapi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> Bank Pertanian ini terang. Sa-lama ini sa-telah kita siasat kenapa-kah maka proses kemajuan terutama sa-kali kapada petani<sup>2</sup> kita tidak dapat di-naikkan dengan baik, tidak lain dan tidak bukan yang pertama-nya kerana kekurangan wang atau pun kekurangan alat bagi menjayakan tujuan<sup>2</sup> pertanian mereka. Saya boleh tunjukkan kapada Ahli Yang Berhormat dari Bachok kira-nya petani<sup>2</sup> yang tidak chukup modal, dia terpaksa-lah pergi ka-sawah, pergi ka-ladang dengan sa-paroh masa, arti-nya dia menghadapkan kerja pertanian ini sambil lewa, kerana sa-lepas daripada itu dia tidak dapat harapkan kerja sambil lewa-nya ini dengan mendapat hasil yang baik dan terpaksa pula menchari ka-tempat<sup>2</sup> lain.

Jadi tujuan di-adakan Bank ini, rasa saya, terang kalau kita hendak meng-usahakan satu perusahaan pertanian yang hendak mendapat hasil dan kita hendak bulatkan kerja kita dalam hal pertanian tentu-lah Bank Pertanian ini akan dapat memberi galakan yang baik kapada orang<sup>2</sup> yang inginkan kemajuan, atau pun yang mencapai taraf hidup-nya yang lebuh baik. Jadi kapada kita Wakil<sup>2</sup> Ra'ayat, saya rasa kerja kita bukan hendak menawarkan orang<sup>2</sup> yang tidak biasa lagi dalam satu<sup>2</sup> hal itu menakut<sup>2</sup>kan, dengan bayang<sup>2</sup>, dengan perkara<sup>2</sup> yang bukan<sup>2</sup>, lebuh baik-lah kita sama<sup>2</sup> keluar daripada Dewan ini mengajak orang<sup>2</sup> ramai lebuh lagi ka-hadapan, lebuh lagi tahu agak-nya menggunakan chek sa-rupa juga macham Ahli Yang Berhormat dari Bachok sana, dan ini-lah perkara yang sa-benar-nya yang kita hadap sekarang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara mengadakan Bank Pertanian ini saya sa-kali lagi mengalu<sup>2</sup>kan, kerana perkara ini telah pun sama<sup>2</sup> di-perjuangkan oleh suara banyak atau pun suara terbanyak ra'ayat terutama sa-kali bagi pehak orang<sup>2</sup> tani yang telah pun kita putuskan pada masa Kongres Ekonomi Bumiputera yang lalu. Sampai sekarang

ini saya memerhatikan sebab<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> atau petani<sup>2</sup> ini menjadi mangsa kapada beberapa aspek bagaimana yang telah terjadi di-tanah ayer kita ini, saya tidak suka ulang perkara<sup>2</sup> yang terjadi itu umpama hal orang tengah, hal cheti, hal apa semua-nya telah terang di-bentangkan—semua tempat di-Malaysia ini ada. Tetapi yang saya nampak perkara Bank ini di-tubohkan nanti dapat memberi bantuan yang terus kapada petani<sup>2</sup> yang ingin mengubah nasib-nya atau pun yang hendak menaikkan taraf petani<sup>2</sup> ini sa-hingga menjadi petani<sup>2</sup> yang di-kehendaki atau pun yang boleh hidup dalam zaman sekarang ini yang serba pantas serba berkehendakkan perkara<sup>2</sup> yang boleh bersaing, atau pun bertanding dengan negeri<sup>2</sup> lain, terutama sa-kali hal<sup>2</sup> yang bersangkut dengan pertanian, kerana negara kita ini sa-buah negeri yang dudok-nya dalam iklim atau pun dalam tempat yang sunggoh subor. Jadi kalau ada modal, atau pun dapat di-tolong ra'ayat ini menchari modal, saya rasa tentulah hal<sup>2</sup> pertanian pada masa akan datang terutama sa-kali petani<sup>2</sup> akan berubah nasib-nya pada masa akan datang.

Saya bangun di-sini ia-lah hanya untuk meminta Yang Berhormat Menteri yang mengemukakan usul ini mengambil pandangan sadikit kerana dalam kehidupan ra'ayat kedua<sup>2</sup> ia-itu petani<sup>2</sup> dan nelayan<sup>2</sup> sama sahaja mustahak hendak menggunakan modal, atau hendak menggunakan bantuan<sup>2</sup> yang di-maksudkan oleh Bank Pertanian ini, kerana sa-bagaimana Yang Berhormat Menteri Pertanian mengatakan, Bank ini bukan-lah hendak di-utamakan kapada tujuan perniagaan, tetapi tujuan pertolongan—hendak menolong petani<sup>2</sup>, hendak memajukan usaha<sup>2</sup> mereka, maka saya rasa Bank ini kalau tidak barangkali hendak dibuat sa-buah bank lain, tetapi boleh juga barangkali dalam cheraian<sup>2</sup> yang lain atau di-pinda pada masa akan datang supaya di-bolehkan juga nelayan<sup>2</sup> dapat menikmati hasil Bank atau pun tujuan Bank ini di-tubohkan, kerana sa-rupa juga petani<sup>2</sup> yang kurang modal ini terutama sa-kali pekebun<sup>2</sup> kecil sama gaya-nya atau

chara-nya dengan nelayan<sup>2</sup> kita kerana kekurangan modal-lah, atau tidak ada tempat<sup>2</sup> yang mendapatkan modal, maka mereka ini tidak dapat menjalankan perusahaan dengan sa-wajar-nya.

Saya boleh memberi chotoh kapada Ahli Yang Berhormat ini mithal-nya kami di-Melaka, Kerajaan sendiri telah pun membelikan motobot, Kerajaan sendiri telah pun menolong mengadakan moto, tetapi apabila nelayan<sup>2</sup> ini dapat moto, tidak terdaya pula hendak mengadakan jaring untuk hendak menangkap ikan, walhal moto dan jaring itu kalau sharat hendak ka-laut hendak menangkap ikan ada-lah sama penting-nya. Tentu-lah tidak boleh dapat ikan kalau tidak ada jaring dan tentu-lah tidak dapat ikan kalau jaring sahaja ada kita tidak ada motobot untuk kita hendak menangkap ikan. Jadi perkara ini timbul sa-rupa sahaja datang-nya orang<sup>2</sup> yang hendak bertani kerana tidak ada modal banyak-lah maka mereka ini membuat sambil<sup>2</sup> atau pun membuat chara yang tidak ekonomi, tidak mendapat perimbangan yang sa-benar dan sa-rupa juga-lah keadaan-nya dengan orang<sup>2</sup> nelayan. Jadi dalam uchapan saya ini saya minta Yang Berhormat Menteri mengambil pandangan apa-kah Bank Pertanian ini pada satu masa nanti dapat di-pecahkan, atau pun di-tambah atau di-pinda sadikit supaya membolehkan Bank ini dalam satu masa boleh memberi bantuan yang baik kepada petani<sup>2</sup> dan juga boleh memberi bantuan kepada nelayan<sup>2</sup> kita. Terima kaseh.

**Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid (Seberang Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan yang penoh kapada Bill ini dan bagi pehak Persatuan<sup>2</sup> Peladang Negeri Pulau Pinang dan Seberang Prai, saya menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan satu Bill yang akan mendatangkan faedah yang besar kepada peladang<sup>2</sup>, nelayan<sup>2</sup> dan juga pekebun<sup>2</sup> kecil. Ini ada-lah satu alat pembelaan bagi peladang<sup>2</sup> kita untuk berikhtiar dan berusaha mengubahkan nasib mereka itu daripada tidak berada berada supaya nasib mereka

itu akan naik sa-imbang dengan orang<sup>2</sup> yang lebeh berkemajuan dalam negara kita ini.

Bagaimana yang kita alami semenjak beberapa puloh tahun yang lalu, nasib peladang<sup>2</sup> kita tidak-lah bagitu baik jika di-bandingkan dengan puak<sup>2</sup> yang lain. Sebab<sup>2</sup>-nya tentu-lah kita sedia sedar, dan pehak Kerajaan pun sedar, maka sebab itu-lah pehak Kerajaan yang bertanggong-jawab sangat<sup>2</sup> mengambil berat atas nasib peladang<sup>2</sup> untuk memajukan diri-nya.

Bagaimana kata Yang Berhormat Menteri tadi waktu mengemukakan Bill ini Kerajaan dengan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar dan negara telah pun menjalankan beberapa ranchangan<sup>2</sup> untuk mendatangkan faedah dan kemudahan kapada peladang<sup>2</sup> atau nelayan<sup>2</sup> di-antara-nya mengadakan parit dan taliayer, beneh, memberi bantuan baja, mengadakan Lembaga Pemasaran dan juga menetapkan harga padi dan juga mengadakan satu undang<sup>2</sup> mengenai sewa tanah. Sudah pun boleh di-katakan banyak kemudahan<sup>2</sup> yang telah di-beri dan Bill ini merupakan satu lagi langkah yang bijak bagi Kerajaan untuk hendak memberi keistimewaan kapada peladang<sup>2</sup> kita untuk mendapat pinjaman bagi mereka itu menggunakan wang yang di-pinjamkan itu bagi faedah mereka itu sendiri.

Sa-bagaimana kita sedia ma'alum sa-belum perang dahulu kita dapati pehak<sup>2</sup> yang bijak pandai ia-itu orang<sup>2</sup> yang datang ka-negara kita ini pada zaman penjajah telah pun mengeluarkan lesen untuk orang memberi pinjam dan di-jalankan muslihat dengan ber-macham<sup>2</sup> helah. Pada masa dahulu kalau kita jumpa di-tengah jalan orang<sup>2</sup> yang mendapat lesen sain sahaja I.O.U. sudah jadi sah di-mahkamah dan juga pehak cheti dengan chara geran tanah, ia-itu milek dapat juga di-sahkan tuntutan-nya itu. Pada masa sekarang ada kawalan yang rapat, maka bahaya daripada itu sudah pun hapus dan dari sa-masa ka-samasa nasib peladang<sup>2</sup> kita dan nelayan<sup>2</sup> kita dapat di-perbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, pada mula<sup>2</sup>nya waktu Bank Bumiputera hendak di-adakan saya telah menganggapkan bahawa Bank Bumiputera ada-lah satu Bank yang akan menolong petani<sup>2</sup> yang dudok di-luar bandar. Akhir<sup>2</sup> ini saya dapat tahu Bank Bumiputera ia-lah sa-bagai sa-buah commercial bank bukan-lah hendak memberi bantuan, atau pun pertolongan kapada petani<sup>2</sup> atau pun kapada pekebun<sup>2</sup> kecil. Saya sangat dukachita kerana Bank Bumi-putera yang kita pada masa mula berharap<sup>2</sup> akan memberi bantuan tidak menjalankan tugas sa-bagaimana yang di-tentukan. Dan ura<sup>2</sup> hendak menu-bohkan sa-buah Bank Kerjasama ia-itu Bank Agong untuk hendak mem-bantu petani<sup>2</sup> kita atau ahli<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama di-luar bandar sudah-pun di-laksanakan, atau pun di-ranchang-kan sudah tiga tahun lebeh tetapi pada hari ini belum lagi dapat di-tubohkan, oleh kerana kekurangan modal hendak menchukupi sa-banyak \$2,000,000 untuk dapat di-dafarkan. Pada masa sekarang ini saya di-beri faham ada di-kumpulkan sa-banyak \$1 juta. Saya berharap supaya Bank Pertanian ini memberi pinjam kapada Bank Kerja-sama sa-banyak satu juta ringgit atau sa-banyak mana yang tidak chukup supaya dapat Bank Kerjasama itu di-dafarkan sa-bagai bank biasa dan supaya dapat di-jalankan usaha sama<sup>2</sup> dengan Bank Pertanian untuk hendak memberi lebeh kemudahan lagi kapada ahli<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama dan lain<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri akan meng-ambil perhatian yang berat ia-itu sa-belum Bank ini di-laksanakan hendak-lah di-awasi sunggoh<sup>2</sup> supaya jangan-lah menjadi sa-bagaimana yang kita telah alami berkenaan dengan RIDA dahulu memberi pinjam kapada orang<sup>2</sup> yang berkehendakkan pinjaman dengan tidak mengira sama ada wang yang di-beri pinjam itu di-gunakan sa-bagai-mana yang di-tuliskan dalam surat permohonan-nya bagi membeli jentera, atau membeli tanah, atau pun buat perniagaan dan lain<sup>2</sup>. Bahkan wang itu di-gunakan untuk lain, bukan untuk yang di-minta tadi dan manakala wang itu sudah di-salah gunakan, maka tidak membiakkkan faedah dari-

pada wang yang di-beri pinjam itu. Maka hendak tuntut wang itu balek sangat-lah susah, sa-hinggakan saya dapat faham RIDA kena write off lebeh daripada 10 juta ringgit, kalau tidak silap saya.

Saya berharap pehak yang mengru-skun Bank ini akan berhati<sup>2</sup> sunggoh sa-belum memberi pinjaman kapada badan<sup>2</sup> atau pun orang persaorangan supaya wang itu di-gunakan di atas apa yang di-buat permohonan. Dan saya berharap pehak yang berkenaan akan menimbangkan sa-kira-nya Bank ini hendak menjalankan satu dasar memberi pinjaman sahaja, saya per-chaya tidak akan dapat kejayaan yang sa-penoh-nya. Apa yang patut di-jalankan mesti-lah di-adakan perkaitan inter-related orang<sup>2</sup> yang hendak di-beri pinjam itu mesti-lah dia ada simpanan di-dalam bank. Yang kedua mesti-lah ada satu badan untuk hen-dak menguruskan barang<sup>2</sup> keluaran pertanian supaya di-adakan pemasaran bagi pehak peladang itu sendiri. Yang ketiga mesti adakan kemudahan pengangkutan bagi mengangkut barang<sup>2</sup> itu untuk di-jual. Yang keempat mesti ada sa-buah kedai keperluan hari<sup>2</sup> yang boleh petani itu mengambil barang makanan yang chukup semen-tara menanti padi-nya masak atau pun hasil pertanian-nya akan dapat. Dan jika tidak ada perkaitan di-antara ini saya perchaya tidak akan mendapat kejayaan yang penoh.

Satu alat yang baharu untuk menjayakan ia-itu-lah Persatuan Peladang chorak baharu yang sedang di-ran-changkan pada tiap<sup>2</sup> negeri kita sa-bagai taraf printis. Ini-lah saya berharap supaya Bank ini menumpuk sa-penoh tenaga-nya kapada Persatuan Peladang chorak baharu, sebab Persatuan Peladang chorak baharu ini merupakan sa-bagai sa-buah persatuan sharikat kerjasama<sup>2</sup> serba guna mempunyai kuasa untuk mem-beli saham bagi tiap<sup>2</sup> ahli Persatuan Peladang itu mesti-lah memileki sa-kurang<sup>2</sup>-nya satu saham dan boleh buat perniagaan perusahaan pengang-kutan dan bermacham<sup>2</sup> dengan pemasaran.

Jadi kalau kita salorkan untuk perkembangan peladang yang bagini bagaimana yang kita dapat lihat kemajuan di-negara yang maju di-Taiwan sendiri, saya telah melawat di-sana, dan di-Thailand pun ada peladang<sup>2</sup> juga dan chara yang sa-macham ini berada inter-related pasaran dan juga segala pengurusan proses barang<sup>2</sup> itu oleh badan ini, maka mudah-lah bagi Bank ini menjalankan usaha untuk memberi pertolongan yang sa-benar-nya kapada peladang<sup>2</sup> kita dan juga nelayan<sup>2</sup> kita yang berharapkan kapada pertolongan. Kira-nya tidak ada sistem yang sa-macham ini saya perchaya tidak boleh mendapat kemajuan yang sa-penoh dan sekarang kita ada pehak FAMA berkenaan dengan pemasaran, FAMA boleh-lah menjalankan bagi pehak peladang<sup>2</sup> berkenaan dengan pemasaran sa-kira-nya tidak ada wang boleh di-berikan pinjaman oleh FAMA dan segala barang<sup>2</sup> keluaran itu akan di-usahakan dengan FAMA memasarkan dan manakala di-jualkan barang<sup>2</sup> itu di-masukkan kapada buku kira<sup>2</sup> siapa ahli Persatuan Peladang itu yang telah pun mengeluarkan hasil itu dan dengan chara itu apa juga barang yang di-ambil boleh kita potong padi-nya di-jual oleh Persatuan Peladang sendiri atau FAMA sendiri di-masukkan dalam kira<sup>2</sup> bank-nya sendiri dan dari situ kita boleh tahu bahawa beberapa banyak wang yang dia dapat dan berapa banyak wang di-keluarkan, maka dapat-lah kita awasi perjalanan bank.

Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah mengenai pegawai<sup>2</sup> atau pun pengurus<sup>2</sup> yang kita akan pileh untuk memberi satu tugas yang besar. Saya berharap kapada pehak yang brkenaan supaya berhati<sup>2</sup> sunggoh bagi memileh pengurus<sup>2</sup> atau pegawai<sup>2</sup> yang bersemangat tanggong-jawab yang ada chukup amanah, yang jujur dan ikhlas yang sunggoh<sup>2</sup> berminat hendak menolong peladang<sup>2</sup>. Bagaimana yang kita ada kes yang berlaku pada masa MARA berjalan dahulu orang<sup>2</sup> ini siapa hendak pinjam, boleh dapat pinjam, tetapi kena bagi commission kapada tiap<sup>2</sup> pegawai-nya. Jadi sama ada wang itu salah guna atau pun tidak

tahu dengan sa-benar-nya, ini akan merosakkan. Saya berharap pehak yang berkenaan akan mengambil perhatian di atas prekara ini supaya dapat pehak pengurus<sup>2</sup> itu bertanggong-jawab sunggoh mnjalankan pentadbiran Bank ini.

Dan saya harap Bank ini akan dipusatkan di-tempat<sup>2</sup> luas pertanian di-luar<sup>2</sup> bandar supaya dapat memberi kemudahan kapada petani<sup>2</sup> dan peladang<sup>2</sup> menggunakan pertanian.

Yang akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, pehak yang berkenaan patut mengadakan satu Jadual chara<sup>2</sup> yang hendak memberi pinjaman kapada orang<sup>2</sup> yang berkehendakkan pinjaman.

Kalau kita tidak adakan satu jadual yang mana yang penting yang mana yang mustahak, maka boleh di-katakan tiap<sup>2</sup> orang berkehendakkan hutang. Manakala dia berhutang dia salah gunakan, kita salahkan kapada dia balek, sebab dia tidak boleh bayar. Patut di-adakan satu jadual yang mana yang mustahak, kalau sa-orang petani hendak meminjam kerana hendak membeli tanah dengan ada satu pertiga daripada wang-nya sendiri dan di-beli tanah itu dan di-chagarkan tanah itu kapada Bank, maka ini mesti di-beri keutamaan dahulu supaya petani dapat memileki tanah sendiri dengan chara bayaran beransor. Atau pun sa-orang peladang itu berkehendakkan satu jentera hendak memproses katakan kilang padi-kah dan kita uruskan supaya dia boleh beli jentera itu dengan chara murah dan mesti-lah mengajar pehak yang hendak berusaha di atas ini chara<sup>2</sup> hendak masok buku kira<sup>2</sup> hari<sup>2</sup>, perbelanjaan dan lain<sup>2</sup>. Dan ada juga pehak<sup>2</sup> yang akan mengambil peluang mithal-nya Bank ini akan memberi pinjam kapada peladang dengan faedah yang murah kata-lah 6% tetapi ada pehak yang pandai dia nanti pinjam wang sa-banyak 6% faedah-nya, tetapi dia sendiri menggunakan wang itu memberi pinjam kapada orang<sup>2</sup> lain sa-hingga 20% faedah-nya.

Jadi, saya berharap-lah pehak yang berkenaan akan mengawasi perkara<sup>2</sup> yang sa-macham ini supaya jangan

berlaku yang mana kita berharap sunggoh<sup>2</sup> supaya jikalau Bank ini berjalan dengan baik akan memberi sa-penoh faedah kapada pehak<sup>2</sup> petani yang harap kapada perubahan pada masa hadapan ini dengan mendapat satu pertolongan yang istimewa dari-pada pehak Kerajaan. Sunggoh pun Bank ini memulakan dengan sa-banyak \$10 juta yang mana jangka panjang modal-nya sa-banyak \$50 juta, kita berharap pehak<sup>2</sup> petani sendiri yang ada wang akan menyimpan wang supaya dapat kita meningkat kehendak sa-banyak \$50 juta itu.

Pada akhir-nya lagi sa-kali saya menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kaseh kepada Kerajaan khas-nya kapada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri yang mengistiharkan penubohan Bank ini pada minggu yang lalu. Terima kaseh.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:**  
Saya suka mengingatkan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat ia-itu kita ada lima Rang Undang<sup>2</sup> dan tiga usul lagi di-hadapan kita yang patut kita habiskan pada petang ini juga; jadi saya harap-lah supaya Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat ber-chakap sa-berapa pendek, jadi saya benarkan-lah berchakap sa-berapa lengkas.

**Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian berchakap sadikit dalam menyokong Rang Undang<sup>2</sup> Bank Pertanian Malaysia yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian. Bank Pertanian Malaysia yang di-kemukakan ini tentulah menjadi kebangsaan kapada seluroh kaum tani di-Malaysia ini kerana dengan ada-nya Bank ini nanti dapat-lah bagi pehak kaum tani sa-langkah lagi memberikan nafas baharu kapada-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Pertanian ini tidak-lah luar biasa kerana di-negeri<sup>2</sup> lain umpama-nya di-Taiwan pernah kita lihat kaum<sup>2</sup> tani dengan bedilumuran kain baju dia dengan topi besar dia pergi ka-Bank menukarkan wang. Jadi, saya suka-lah merayu sa-lain daripada memberikan perhatian

bagi penubohan Bank Pertanian ini Bank Kerjasama yang di-bawah jagaan Kementerian ini juga harap mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri, kerana kedua<sup>2</sup> Bank ini tidak-lah lari daripada tujuan hendak memberikan pertolongan kapada kaum tani dan nelayan di-dalam tanah ayer kita. Saya bukan-lah menyangkal apa yang di-katakan oleh salah sa-orang rakan saya tadi berhubung kedudukan sharikat kerjasama selalu salah menggunakan tidak mendapat kemajuan umpama-nya hendak meminjam wang sharikat kerjasama hendak-lah dengan ada chagaran. Saya tahu Bank Kerjasama kita memberi pinjaman kalau dengan \$300 wang tidak payah dengan chagaran hanya di-adakan dua penjamin sahaja. Dan kesilapan<sup>2</sup> yang berlaku saperti yang telah di-terangkan di-Perlis sa-tahu saya perkara ini telah di-kemukakan kapada loyar jadi saya bagi pehak Bank Kerjasama tidak-lah bagitu menerima kalau di-katakan ada kesilapan<sup>2</sup> yang di-buat oleh ahli sharikat Kerjasama saperti yang di-bayangkan tadi. Kesusahan yang di-tanggong, yang di-timpa oleh Bank Kerjasama tentulah akan menimpa juga kapada Bank Pertanian nanti kerana kaum tani bukan-lah saperti kita yang makan gaji dengan Kerajaan kalau meminjam wang mestilah hendak di-bayar kembali mengikut tanaman hasil yang di-tanam-nya. Perkara ini selalu berlaku, padi mendapat kemalangan banjir dan bencana alam—inilah yang menyusahkan kaum<sup>2</sup> tani dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada muka surat 2, Fasal 6 atas tujuan<sup>2</sup> Bank ini ia-lah untok (a), (b), (c) dan (d), pada saya tujuan<sup>2</sup> ini ada-lah memuaskan. Saya berpendapat patut kalau boleh ditambah dalam tujuan membina Bank Pertanian ini ia-itu dalam tujuan patut-lah mengadakan kemudahan pinjaman wang bagi menebuskan harta<sup>2</sup> petani yang telah tergadai kerana ini juga di-alami oleh kaum<sup>2</sup> tani di-dalam negeri ini, dan dalam tujuan ini juga kalau boleh Bank Pertanian akhir-nya boleh-lah menjualkan saham kepada bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, pada muka 6 berhubung dengan Kuasa, Tugas dan

Urusan Bank, muka 7 Fasal 15 (g) di-sini ada di-sebutkan berhubong dengan: "Mengeluarkan dengan mendapat kam-sen, melanggan, mengambil, memperolehi dan memegang, menjual, menukar dan berniaga sher,"—ada di-sebutkan chuma kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Saya fikir ber-hubong dengan pembelian saham ini patut di-tambah Bank ini boleh membeli saham dengan Kerajaan Singapura, kerana saham<sup>2</sup> dalam tanah ayer kita ini ra'ayat daripada Singapura boleh membeli. Saya berasa bimbang ber-hubong dengan saham ini pada satu masa nanti negeri kita ini saham lebih banyak di-beli oleh ra'ayat daripada Singapura.

Dalam cheraian (h) muka 7 ada di-sebutkan: "menjalankan perniagaan sa-bagai penyelenggara gudang atau sa-bagai pemunya gudang dan menyewakan, membeli, membina." Saya mem-beri pandangan dalam cheraian (h) ini perkataan membeli itu di-tambah dengan tanah<sup>2</sup> estate. Jadi membeli tanah<sup>2</sup> estate kerana dalam tanah ayer kita ini kebanyakkan estate<sup>2</sup> yang besar di-jual pada orang<sup>2</sup> kaya. Jadi, tidak ada modal terutama sa-kali orang Melayu hendak membeli estate yang besar<sup>2</sup>. Saya berharap tertuboh-nya Bank Pertanian Malaysia ini estate yang besar<sup>2</sup>, umpama-nya, orang puteh yang dia hendak balek ka-negeri dia jualkan estate-nya hendak-lah Bank Pertanian Malaysia ini membeli kira-nya di-masukkan di-dalam undang<sup>2</sup> ini boleh membeli tanah<sup>2</sup> estate tentu-lah akan menguntungkan dan tanah<sup>2</sup> estate ini nanti boleh-lah di-jualkan kepada orang Melayu yang tidak ada mem-punyaï tanah dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, muka surat 9, Fasal 17. Di-sini ada di-sebutkan: "Pada menjalankan kuasa<sup>2</sup> dan tugas<sup>2</sup>nya Bank boleh memberi pinjaman dan pendahuluan mengikut apa<sup>2</sup> sharat dan bagi apa<sup>2</sup> maksud sa-bagaimana yang di-kenakan oleh Bank." Jadi, kalau saya silap saya minta ma'af, kalau dengan sharat Bank yang ada di-seluroh Malaysia ini saya berasa bimbang kaum tani tidak akan dapat meminjam wang daripada Bank Pertanian ini patut-lah di-kenakan chagaran geran kechil, atau

E.M.R. atau pun geran kawasan Melayu-lah yang boleh kaum tani me-minjam dengan meletakkan chagaran. Kalau silap saya, barangkali tujuannya itu-lah dan saya menguchapkan terima kaseh.

**Tuan Hanafiah bin Hussain (Jerai): Bangun.**

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Lama hendak berchakap?**

**Tuan Hanafiah bin Hussain:** Lima minit. Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai sa-orang Wakil Ra'ayat yang mewakili satu kawasan dalam negeri Kedah kawasan yang bernama Jerai di-mana boleh di-katakan mata pencharian 100 peratus daripada penduduk<sup>2</sup>-nya ber-gantong atas pertanian dan hal<sup>2</sup> yang berkaitan dengan pertanian, maka saya dengan sukachita dan bangga-nya mengalu<sup>2</sup>kan langkah Kerajaan Perikatan kita menubohkan satu Bank Pertanian Malaysia. Sejak Kerajaan Perikatan mengambil teraju pemerentahan negara banyak sa-kali jasa<sup>2</sup>-nya kapada negara dalam usaha meninggi-kan taraf hidup ekonomi ra'ayat Malaysia dari segala rupa dan bangsa. Ini menunjukkan betapa jujor-nya pe-mimpin<sup>2</sup> kita, lebeh<sup>2</sup> lagi bila diketahui bahawa dalam usaha<sup>2</sup> Kerajaan melaksanakan ranchangan<sup>2</sup> pembangunan itu banyak sa-kali rintangan<sup>2</sup> dan halangan<sup>2</sup> yang terpaksa di-atasi demi kepentingan ra'ayat yang miskin 'am-nya.

Bank Pertanian Malaysia ini telah melahirkan diri di-sejarah rawayat negara kita pada satu masa dan ketika yang tepat dan di-kehendaki. Petani<sup>2</sup> kita telah mulai mengechap nekmat dari kegiatan<sup>2</sup> FAMA dan beberapa badan<sup>2</sup> lain yang telah di-tubohkan oleh Kerajaan Perikatan kita. Maka sa-bagai langkah yang kedua pula Bank Pertanian ini akan dapat membantu dan menyempurnakan usaha<sup>2</sup> FAMA dalam memperkemaskan lagi kegiatan<sup>2</sup> pemasaran-nya. Maka oleh sebab besar sa-kali ma'ana-nya Bank Pertanian ini kapada ekonomi petani<sup>2</sup>, saya menyokong penoh langkah Kerajaan me-nubohkan-nya di-bawah satu Act Parlimen yang membolehkan-nya ber-gerak dengan chekап dan kemas dengan

tidak tersekut<sup>2</sup> oleh perotoran<sup>2</sup> di-bawah Bank Ordinance, dan dengan itu boleh mengeluarkan wang<sup>2</sup> pinjaman dengan sharat<sup>2</sup> yang agak lebuh longgar sadikit berbanding dengan sharat<sup>2</sup> pinjaman yang di-kenakan ka-atas bank<sup>2</sup> perniagaan yang lain. Dan pula dengan ada-nya sokongan dan jaminan 100 peratus daripada Kerajaan di-harap banyak badan<sup>2</sup> dan kumpulan<sup>2</sup> serta juga petani<sup>2</sup>, baik yang kaya atau yang tidak berapa kaya, menyimpan wang dalam Bank Pertanian ini dan menggunakan perkhidmatan<sup>2</sup>-nya.

Saya sangat tertarek dengan Fasal 6 (b) yang memberi kuasa kepada Bank Pertanian ini menyatu, melaras dan mengawasi usaha<sup>2</sup> oleh badan<sup>2</sup> yang sekarang menggunakan wang Kerajaan memberi pinjaman kerana maksud<sup>2</sup> pertanian. Saya berharap kuasa ini akan membolehkan juga Bank Pertanian ini melaras dan menyelia kegiatan<sup>2</sup> badan sharikat<sup>2</sup> kerjasama yang menggunakan wang Kerajaan bagi bantuan<sup>2</sup> credit kerana maksud<sup>2</sup> pertanian, tetapi kegiatan<sup>2</sup> mereka itu tidak bagitu berkesan, oleh kerana kelemahan pentadbiran atau penyelewengan daripada pegawai<sup>2</sup> dan jawatan<sup>2</sup>-kuasa dan sebab<sup>2</sup> yang lain yang kita semua ma'ulum.

Saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa sa-bagai satu bank yang bermodal bermilion<sup>2</sup> ringgit itu Bank ini mempunyai kuasa yang sangat besar dan berkesan ia-itu kuasa yang di-beri oleh wang ringgit yang bermilion<sup>2</sup> tadi. Oleh itu, sangat-lah mustahak yang mutu soal pentadbiran di-titek-beratkan dan di-halus supaya Bank ini akan mengadakan satu pentadbiran yang chekap, yang jujor dan lurus yang akan bertugas sa-mata<sup>2</sup> kerana hendak berkhidmat kapada ra'ayat dan kerana chintakan negara dan bukan satu pentadbiran yang akan menyalahgunakan kuasa-nya untuk kepentingan diri masing<sup>2</sup>.

May I conclude, in order to stress, Sir, that it is most important and imperative that because of the very nature of the Bank itself, this Bank Pertanian Malaysia should be one that is financially strong, well-equipped, well-organised and efficiently run, avail-ing itself of the best and incorruptible

managerial, technical and field staff obtainable.

Saya tidak ragu<sup>2</sup> lagi, Tuan Yang di-Pertua, dan saya perchaya dengan sa-penoh keperchayaan bahawa dengan ada-nya Bank Pertanian Malaysia ini yang di-tunggu<sup>2</sup> itu, maka masa hadapan bagi berjuta ra'ayat kita akan cherah dan gemilang. Terima kaseh.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh kapada semua Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang telah berchakap sama ada menyokong Kerajaan atau pun membangkang yang telah memberi sokongan penoh kapada Rang Undang<sup>2</sup> Bank Pertanian Malaysia, 1969 ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah berchakap berhubong dengan keadaan<sup>2</sup> ekonomi di-dalam negeri ini dan mustahak-nya Bank ini di-adakan untok menolong memberi pinjaman kapada semua gulongan petani<sup>2</sup>, peladang<sup>2</sup> dan ahli<sup>2</sup> pemasaran di-dalam negeri ini. Sa-bagaimana yang saya telah terangkan kita tidak akan membezakan satu dengan lain, bahkan kita akan berikhtiar memberi perto-longan dan bantuan kapada semua pehak sama ada daripada petani<sup>2</sup>, peladang<sup>2</sup>, ahli<sup>2</sup> pemasaran daripada apa bangsa sa-kali pun.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan telah menerangkan ia-itu kebanyakannya daripada pinjaman<sup>2</sup> yang diambil pada masa yang sudah<sup>2</sup>, sama ada daripada sharikat kerjasama atau pun lain<sup>2</sup> badan tidak di-gunakan dengan tepat bahkan kerap kali berlaku salah guna di-dalam masaalah<sup>2</sup> pin-jaman itu. Perkara itu tidak dapat kita nafikan dan dengan sebab pengalaman<sup>2</sup> pada masa yang sudah<sup>2</sup> kesedaran dan keinsafan itu-lah yang membawa kita atau pun Kerajaan Perikatan mengada-kan bermacham<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> untuk men-sesuaikan, menselaras dan juga me-nyempurnakan kehendak<sup>2</sup> peladang<sup>2</sup> dan petani<sup>2</sup> yang sa-benar-nya ia-itu membaiki nasib mereka bagi masa yang akan datang ini. Dengan ada-nya badan<sup>2</sup> sa-umpama FAMA, dengan ada-nya Rang Undang<sup>2</sup> berhubong

dengan sewa tanah dan juga dengan ada-nya badan Bank Pertanian ada sa-bagai-nya kita berharap keadaan dan kedudukan peladang dan petani bagi masa akan datang akan bertambah baik.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah pun mengshorkan atau merayu supaya penyewa<sup>2</sup> tanah juga patut mendapat faedah daripada Undang<sup>2</sup> atau pun daripada Bank ini. Peruntukan membolehkan ahli<sup>2</sup> itu mendapat pinjaman daripada Bank ini ada-lah terkandong di-dalam Bab 15 (a), dengan demikian ahli<sup>2</sup> yang membuat bendang tetapi tidak mempunyai atau memileki tanah bendang itu sendiri juga akan dapat di-beri pertimbangan untok mendapat pinjaman daripada Bank ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah pun membuat berbagai<sup>2</sup> tuduhan ka-pada ahli Jawatan-kuasa pengarah sharikat<sup>2</sup> kerjasama yang telah mengambil pinjaman lebeh daripada yang di-kehendaki oleh ahli<sup>2</sup> sharikat kerjasama itu sendiri dan wang yang di-pinjam lebeh itu telah pun di-gunakan oleh ahli<sup>2</sup> jema'ah pengarah itu sendiri. Saya berharap kapada Ahli Yang Berhormat itu sa-kira-nya perkara yang sa-umpama itu ada berlaku di-mana<sup>2</sup> juga di-dalam negeri ini atau pun mana<sup>2</sup> sharikat kerjasama juga saya meminta pertolongan daripada Ahli Yang Berhormat itu supaya memberitahu hal itu segera kapada Pesurohjaya Sharikat Kerjasama atau pun kapada Kementerian atau saya sendiri supaya tindakan<sup>2</sup> yang sewajar-nya dapat di-ambil, jangan-lah menunggu beberapa lama sa-hingga membawa ka-dalam Parlimen dan sa-bagai-nya. Kalau sa-kira-nya Parlimen tidak bersidang mithal-nya maka perkara itu tertunggu-lah empat bulan. Jika sa-kira-nya perkara itu berlaku harap-lah perkara itu di-beritahu ka-pada pehak<sup>2</sup> yang berkenaan dengan segera supaya dapat kita mengambil tindakan yang sa-wajar-nya.

Berhubong dengan sewa tanah yang di-katakan akan di-kutip oleh tuan<sup>2</sup> tanah dua kali bagi dua musim itu perkara ini akan dapat kita selesaikan atau uruskan di-bawah Undang<sup>2</sup> Me-

nyewa Tanah dan sa-bagaimana yang saya sebutkan perlaksanaan Undang<sup>2</sup> Penyewa Tanah itu akan kita lakukan tidak berapa lama lagi kerana pada masa sekarang ini pehak Kementerian saya sedang mengurus mengambil pegawai<sup>2</sup> yang akan menjalankan atau melaksanakan undang<sup>2</sup> yang tersebut itu.

Belia juga telah pun memberi shor atau pandangan supaya pinjaman<sup>2</sup> yang di-ambil daripada Bank ini tidak akan di-salah guna sa-bagaimana yang telah berlaku kapada pinjaman<sup>2</sup> yang di-ambil daripada RIDA dan lain<sup>2</sup>-nya. Saya perchaya dengan ada-nya ahli<sup>2</sup> pengarah dan juga pegawai<sup>2</sup> Bank ini yang chekap dan berkelayakan mereka akan menjaga kesempurnaan dan kerjayaan perjalanan Bank ini bagi masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah pun menyentoh masaalah yang Bank ini tidak akan dapat berjalan maju-nya dengan sebab kata-nya pendapatan ra'ayat tidak-lah sa-bagitu lumayan dengan sebab keadaan tanah<sup>2</sup> mereka ada-lah kecil dan tidak economic dan sa-bagai-nya. Saya rasa perkara ini pehak Kerajaan sendiri ada-lah sedar dan pehak Kerajaan di-dalam menchari jalan dan ikhtiar untok membaiki keadaan<sup>2</sup> ini telah pun meluluskan satu undang<sup>2</sup> ia-itu berkenaan dengan Land Rehabilitation atau pun membaiki tanah dan Lembaga itu telah pun menjalankan kerja<sup>2</sup>-nya dan kita berharap-lah Lembaga itu akan dapat berjalan dengan sempurna dan akan dapat memberi kebaikan kapada keadaan penduduk<sup>2</sup> dalam negeri ini.

Di-sini saya suka-lah hendak mene-gaskan sunggoh pun Bank Pertanian ini di-tubohkan jangan-lah segala<sup>2</sup>-nya tanggong-jawab berkenaan dengan pembaikan kehidupan ra'ayat yang ada di-luah bandar, petani<sup>2</sup> dan peladang<sup>2</sup> itu kita harap sa-penoh<sup>2</sup>-nya chuma kapada Bank Pertanian. Kerana satu badan Bank Pertanian sahaja tidak-lah dapat menjalankan ikhtiar untok membaiki keadaan kehidupan ra'ayat di-luar bandar melainkan kerjasama yang penoh daripada semua badan<sup>2</sup> dan semua pehak<sup>2</sup> yang berkenaan daripada segi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan

Negeri, Kerajaan Tempatan dan pemimpin<sup>2</sup> yang ada dalam negeri ini ada-lah bertanggong-jawab bagi membaikkan kehidupan ra'ayat kita bersama<sup>2</sup>.

Perkara yang kedua yang di-bangkitkan oleh Ahli Berhormat dari Bachok ia-lah berkenaan dengan sharat<sup>2</sup> pinjaman yang akan di-kenakan kepada sub-tenant dan boleh jadi ini akan meyebabkan kesusahan kepada sub-tenant untuk mendapat pinjaman dan lain<sup>2</sup>-nya. Saya perchaya Bank ini akan menimbangkan segala masaalah ini akan mengadakan sharat<sup>2</sup> berhubongan dengan masaalah pinjaman dan lain<sup>2</sup>-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu juga sa-kali lagi telah membangkitkan masaalah berkenaan dengan penuntut<sup>2</sup> atau murid<sup>2</sup> lulus L.C.E., Form IV, dan Form V yang d-bawa masok ka-Sekolah Pertanian di-Serdang. Di-sini saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bachok ia-itu kebanyakan daripada penuntut<sup>2</sup> yang belajar di-Sekolah Pertanian Serdang ada-lah Pegawai<sup>2</sup> Pertanian Muda yang telah pun di-pileh dan di-ambil kerja oleh Kerajaan<sup>2</sup> Negeri. Mengikut Scheme of Service untuk memenoh jawatan Pegawai Pertanian Muda ini kelulusan-nya ia-lah Form II, tetapi dengan sebab barangkali banyak penuntut<sup>2</sup> kita, murid<sup>2</sup> kita yang lulus Form III, Form IV dan barangkali ada yang lulus Form V yang tidak boleh mendapat pekerjaan yang sesuai untuk mereka maka penuntut<sup>2</sup> ini telah pun memilih untuk menjadi Pegawai Pertanian Muda. Jadi manakala mereka memilih menjadi Pegawai Pertanian Muda, maka mereka akan di-beri courses atau di-beri latehan sa-bagaimana yang ada di-dalam syllabus berkenaan hendak menjadi sa-orang Pegawai Pertanian Muda, sama ada dia lulus Form V, sama ada dia lulus Form IV, sama ada dia lulus Form III atau Form II, tetapi dalam Scheme of Service itu kita ada sebutkan ia-itu kalau lulus Form II, sekian gaji-nya, kalau lulus Form III atau lebih sekian gaji-nya, maka itu-lah sebab-nya ada di-antara penuntut<sup>2</sup> di-Sekolah Pertanian, Serdang yang mendapat eluan

\$94 dan ada pula yang mendapat lebeh. Jadi, walau bagaimana pun pada pengalaman yang telah di-dapati dari-pada Sekolah Pertanian tidak-lah menjadi satu kesusahan untok hendak mengajar pegawai<sup>2</sup> yang masok berlateh di-Sekolah Pertanian itu walau pun ada yang lulus Form II, ada yang lulus Form III, ada yang lulus Form IV. Jadi perkara itu telah berjalan dengan baik-nya pada masa yang sudah. Jadi, saya rasa tidak-lah datang satu masaalah berkehendakkan kepada pertimbangan lain dalam masaalah itu.

Ahli Yang Berhormat itu telah pun mengechil<sup>2</sup>kan pak<sup>2</sup> tani dan peladang<sup>2</sup> dalam negeri ini dengan mengatakan pak<sup>2</sup> tani kita, peladang<sup>2</sup> kita, tidak tahu hendak sain, sudah belajar di-Sekolah Pelajaran Dewasa dua tahun pun tidak boleh sain dan sa-bagai-nya. Jadi, saya berasa dukachita sangat-lah Ahli Yang Berhormat yang datang daripada kampung, saya pun datang dari kampung juga, saya tahu kebanyakannya daripada penduduk<sup>2</sup> kampung sekarang ini sama ada di-Perak, sama ada di-Selangor atau pun di-mana negeri juga dan saya perchaya juga di-negeri Kelantan telah pun pandai membacha dan menulis dan sa-kurang<sup>2</sup>-nya tahu menulis nama-nya sendiri dan tahu meyain nama-nya di-atas apa<sup>2</sup> juga surat, dokumen dan sa-bagai-nya.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertia, untok penjelasan. Saya menyebut itu dengan satu sense atau context kita hendak memikir bagaimana hendak mengelekan perjalanan Bank ini. Jadi, saya menunjukkan ini satu problem yang mengelilingi pembentukan bank, bukan saya maksud membuat satu kenyataan menudoh. Jadi, benda yang saya kemukakan untok kebaikan itu sudah di-jadikan satu alasan menudoh kapada saya. Nanti saya tidak sokong langsung Undang<sup>2</sup> ini.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Dengan sebab Ahli Yang Berhormat tidak sokong, dengan sebab itu dia merendahkan pak<sup>2</sup> tani dan peladang<sup>2</sup> dalam negeri ini dengan mengatakan tidak tahu menyain, tak

tahu menulis dan itu ini. Jadi dengan sebab pehak Kerajaan Perikatan telah pun memberi pelajaran di-Sekolah<sup>2</sup> Dewasa dan bermacham<sup>2</sup> chara pelajaran, seminar, courses dan sa-bagai-nya, kita berikhtiar untuk memberi pelajaran yang sa-penoh<sup>2</sup>-nya kapada petani<sup>2</sup>, peladang<sup>2</sup> dalam negeri ini dan pehak Kerajaan dalam masa membincangkan atau merangkakan Undang<sup>2</sup> ini tidak-lah sama sa-kali memikirkan yang pak<sup>2</sup> tani itu tidak tahu membacha, tak tahu menulis dan sa-bagai-nya. Jadi, walau macham mana pun saya suka-lah menegaskan di-sini ia-itu kebanyakan daripada orang<sup>2</sup> yang menyimpan wang di-dalam bank ini bukan-lah daripada ahli persaorangan yang banyak, tetapi yang banyak-nya ia-lah kumpulan<sup>2</sup>, ahli<sup>2</sup> pertanian, sama ada daripada Persatuan<sup>2</sup> Peladang, boleh jadi juga daripada Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama atau pun daripada badan<sup>2</sup> yang berkenaan dengan pertanian, tetapi ada juga ahli<sup>2</sup> persaorangan yang barangkali ada kemampuan, ada modal banyak, ada wang banyak dan sa-bagai-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara telah meminta supaya nelayan<sup>2</sup> patut juga mendapat faedah daripada Bank ini. Jadi, saya suka-lah menerangkan ia-itu sunggoh pun Bank ini di-namakan Bank Pertanian, tetapi di-dalam muka satu di-sebutkan ia-itu pertanian di-sini ada-lah termasok perikanan. Pada muka dua, pertanian termasok-lah apa<sup>2</sup> kegiatan dalam pertanian, penghasilan agriculture atau perikanan dan penggunaan tanah untuk apa<sup>2</sup> maksud perlادangan. Jadi, berma'ana-lah perkataan pertanian itu ada-lah termasok perikanan.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara telah merayu supaya pehak Kerajaan juga memberi sokongan kepada Bank Kerjasama dan memberi pinjaman kapada Bank Kerjasama supaya dapat Bank Kerjasama di-daftarkan. Saya rasa ini ada-lah satu keputusan yang telah di-buat oleh Kongress baharu<sup>2</sup> ini dan perkara ini ada-lah sedang dalam timbangan dan urusan dengan bank yang tersebut itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengshorkan supaya orang<sup>2</sup> yang boleh

pinjam daripada Bank ini mesti-lah ada mempunyai account atau pun deposit kapada Bank ini dan juga beliau telah menyebutkan tiga perkara yang berkaitan dengan memberi pinjaman itu. Perkara ini akan di-timbangkan oleh pehak Kerajaan dan Bank ini sendiri.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah pun menyentoh supaya Bank ini mengadakan pegawai<sup>2</sup> yang amanah dan jangan-lah pula sa-bagaimana yang berlaku pada satu badan dahulu, ia-itu pinjaman di-beri dengan pegawai<sup>2</sup> itu pula mengambil commission dan sa-bagai-nya. Saya perchaya perkara ini tidak akan berlaku dan pehak Kerajaan akan memerhati, menjaga supaya perkara ini tidak akan berlaku.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan juga telah meminta supaya tujuan<sup>2</sup> itu di-tenderkan untuk membolehkan wang pinjaman itu di-berikan kapada peladang<sup>2</sup> dan petani<sup>2</sup> untuk menebus tanah yang tergadai. Saya rasa perkara ini telah pun ada tersebut dalam Fasal 15 (h) ia-itu kuasa<sup>2</sup>. Dalam Fasal 15 (c) ia-itu membolehkan Bank ini membuat demikian.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengshorkan ia-itu pada masa yang akan datang supaya bank<sup>2</sup> ini menjual saham<sup>2</sup> kapada bumiputra<sup>2</sup>. Perkara itu kita akan timbangkan apabila sampai masa-nya kelak.

Sa-lain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan juga telah mengshorkan supaya Bank ini dapat membeli saham sa-lain daripada Bond Kerajaan Persekutuan, atau pun Kerajaan Negeri. Jadi, di-dalam cheraihan (g) telah pun di-sebutkan ia-itu boleh mengeluarkan dengan mendapat commission, melanggan, mengambil, memperolehi dan memegang, menjual, menukar dan berniaga sher, saham, bond, tanggongan, atau chargaran<sup>2</sup> Kerajaan Persekutuan, atau Kerajaan Negeri, atau lain<sup>2</sup> yayasan 'awam sa-bagaimana yang di-luluskan oleh Menteri mengikut pengshoran Lembaga. Jadi, saya rasa perkara itu ada-lah terkandong pada atau lain<sup>2</sup>

yayasan 'awam sa-bagaimana yang di-luluskan oleh Menteri mengikut pengshoran Lembaga.

Ahli Yang Berhormat itu juga berasa churiga ia-itu perkataan "bank" di-muka 8 dalam Fasal 17 perkataan "bank" itu boleh jadi Bank ini akan termasuk dalam kawalan atau pun sharat<sup>2</sup> yang di-kenakan kapada bank<sup>2</sup> lain. Jadi yang sa-benar-nya perkataan "bank" di-muka 8 Fasal 17 itu berma'ana Bank Pertanian Malaysia, bukan-nya bank yang lain<sup>2</sup> kerana definition "bank" Undang<sup>2</sup> ini ia-lah Bank Pertanian Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah sa-kali lagi mengshorkan supaya kawalan<sup>2</sup> yang ketat dan mengawasi perjalanan<sup>2</sup> sharikat<sup>2</sup> kerjasama di-jalankan. Perkara itu akan di-timbangkan dan akan di-ambil perhatian oleh pehak Kerajaan. Terima kaseh.

Usul di-muka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagi Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagi Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Fasal 1 hingga 38 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Meshuarat ini di-tanggohkan sa-lama 15 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 6.10 petang.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 6.25 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Meshuarat)

## RANG UNDANG<sup>2</sup> INSTITIUT PENYELIDEKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> Institiut Penyelidekan dan Kemajuan Pertanian Malaysia di-bacha kali yang kedua.

Pengalaman di-negeri<sup>2</sup> di-seluroh dunia telah membuktikan dengan tidak kechualui bahawa ranchangan penyelidekan dan perkembangan pertanian yang tegas ada-lah asas kapada kejayaan pembangunan pertanian yang pesat. Ini sa-benar-nya telah menjadi kenyataan yang di-akui terutama sakali di-Malaysia di-mana kerja<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh Pusat Penyelidekan Getah telah mendapat penghargaan antara bangsa dan menjadikan perusahaan getah asli kita terbaik di-dunia ini. Ada-lah mustahak sa-buah pusat penyelidekan yang sa-rupa ini, yang chukup lengkap di-sokong kuat dan di-tadbirkan dengan baik, di-tubohkan untuk kemungkinan bagi lain<sup>2</sup> tanaman dan ternakan yang ada di-Malaysia. Kerana kita tahu bahawa kemajuan pembangunan pertanian yang akan menentukan kemajuan ekonomi di-lain<sup>2</sup> bahagian itu.

Ada banyak lagi sebab<sup>2</sup> yang menjadikan ranchangan penyelidekan pertanian ini sangat mustahak. Keadaan pasaran yang tidak tetap bagi bahan<sup>2</sup> pertanian kita yang di-ekspot dan keperluan mempelbagaikan pertanian kita, juga dengan maseh ada-nya kawasan<sup>2</sup> tanah yang luas di-Malaysia untuk pertanian dan dengan ada-nya tenaga buruh yang sa-makin bertambah ada-lah merupakan chabaran<sup>2</sup> yang kuat dan kesempatan<sup>2</sup> yang luas. Penyelidekan pertanian yang baik, dengan mewujudkan kemungkinan pengeluaran tanaman<sup>2</sup> dan ternakan<sup>2</sup> yang lebih tinggi dan menambahkan

kecekapan di-bidang pertanian kita, akan memberi peluang bagi menggunakan segala kesempatan<sup>2</sup> tadi bagi mencapai tujuan<sup>2</sup> pembangunan negara ini. Oleh kerana sebab<sup>2</sup> ini-lah maka Undang<sup>2</sup> yang di-bentangkan di-hadapan kita ini sangat penting dan mustahak bagi kemajuan ekonomi dan kesejahteraan Malaysia di-masa<sup>2</sup> yang akan datang.

Bil ini membolehkan penubohan sa-buah badan yang bersendirian (autonomous) dan berkanun di-bawah naungan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama untuk menjalankan penyelidekan sains, teknik, ekonomi dan sosiologi di-seluruh Malaysia mengenai pengeluaran, penggunaan dan memproses ikan ayer tawar, ternakan<sup>2</sup> dan semua jenis tanaman sa-lain daripada getah. Badan ini, yang akan di-kenali dengan Institiut Penyelidekan dan Pembangunan Pertanian Malaysia atau MARDI, akan menjadi pusat untuk mengumpul dan menapis keterangan<sup>2</sup> mengenai perkara<sup>2</sup> sains, teknik dan ekonomi yang berkaitan dengan perusahaan pertanian di-Malaysia. Ia akan meng-adakan pakar<sup>2</sup> perkembangan di-peringkat pusat untuk berkhidmat sa-bagai perantaraan teknik di-antara makmal<sup>2</sup> MARDI dengan stesen<sup>2</sup> dan perchubaan dan pekerja<sup>2</sup> perkembangan di-peringkat pusat dan negeri<sup>2</sup>. Ia akan membantu dan menasihat berkenaan dengan latehan<sup>2</sup> pekerja<sup>2</sup> untuk ranchangan<sup>2</sup> penyelidekan dan perkembangan. Institiut ini juga akan mengadakan peruntukan kewangan untuk membayai penyelidekan borong (contract research) oleh badan<sup>2</sup> penyelidekan sendirian atau 'am yang berkelulusan.

Institiut ini akan mempunyai sa-orang Pengarah sa-bagai Ketua Pegawai Kerja yang akan di-bantu oleh dua orang Timbalan Pengarah. Pengarah ini akan menjadi Pengerusi bagi Lembaga Pengusa yang terdiri dari 11 orang ahli. Lembaga ini, yang ahli<sup>2</sup>-nya di-ambil dari pegawai<sup>2</sup> Kerajaan dan orang<sup>2</sup> sendirian, akan di-pertanggong-jawab khusus-nya mengenai urusan<sup>2</sup> perjalanan dan pentadbiran Institiut. Ranchangan<sup>2</sup> sains dan teknik di-Institiut ini pula akan

menjadi tanggong-jawab khusus Majlis Sains-nya. Majlis yang mempunyai 12 orang ahli ini terdiri daripada ahli<sup>2</sup> sains yang berkelulusan tinggi dan ahli<sup>2</sup> pertanian yang professional yang di-pilih dari pegawai<sup>2</sup> Kerajaan, pusat pelajaran pertanian dan perusahaan<sup>2</sup> pertanian. Di-samping bergerak mengikut peratoran<sup>2</sup> yang anggaran dan pentadbiran yang telah di-tetapkan oleh Lembaga Pengusa, Majlis Sains akan menentukan keutamaan<sup>2</sup> penyelidekan dan memberi nasehat teknik serta bimbingan kapada ranchangan<sup>2</sup> penyelidekan Institiut itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sebab<sup>2</sup> yang mendesak bagi menubohkan sa-buah badan penyelidekan dan perkembangan yang sa-umpama ini. Pertama, kerana sa-bagai sa-buah badan yang bersendirian ia boleh menjalankan pentadbiran yang bebas yang di-kehendaki untuk penyelidekan yang membina dan berkesan dan meninggikan moral kakitangan<sup>2</sup>-nya. Sa-buah badan berkanun yang bebas boleh membenarkan pengambilan pegawai<sup>2</sup> penyelidekan dan pentadbiran yang betul<sup>2</sup> mahir dan berkelayakan yang mana ada-lah tersangat penting memandang kapada rebutan yang sa-makin hebat sekarang ini untuk mendapatkan pekerja<sup>2</sup> penyelidekan yang berkelulusan tinggi, sama ada di-dalam atau pun di-luar Malaysia. Hal ini tidak-lah payah di-tegaskan lagi. Kalau penyelidekan dan perkembangan mahu betul<sup>2</sup> berkesan dan berkhidmat sa-bagai jentera pembangunan pertanian, maka kita mesti-lah mempunyai kedudukan yang boleh menarek ahli<sup>2</sup> penyelidekan yang terbaik dan mengekalkan mereka di-dalam perkhidmatan-nya. Badan berkanun ini juga boleh memberi kemudahan<sup>2</sup> bagi meneruskan usaha<sup>2</sup> penyelidekan dan ranchangan<sup>2</sup> jangka panjang dan membantu anggaran yang mana ada-lah penting untuk kerja<sup>2</sup> yang berkesan. Dengan ada-nya kuasa<sup>2</sup> borongan dengan lain<sup>2</sup> badan, sendirian atau 'am, untuk menjalankan penyelidekan, maka Institiut ini dapat-lah menolong menjamin penyelesaian masaalah<sup>2</sup>. Penyelesaian kebangsaan walau pun terdapat kekurangan kemahiran penyelidekan yang di-hadapi oleh Malaysia, sama ada

di-bahagian sendirian atau pun di-bahagian 'am. Kuasa<sup>2</sup> ini juga membolehkan memberi perhatian utama bagi menghadapi masaalah<sup>2</sup> penting sa-masa kakitangan<sup>2</sup> dan kemudahan<sup>2</sup> Institiut ini sedang di-ator.

Akhir-nya, dengan luas-nya per-wakilan di-dalam Lembaga penguasa dan Majlis Sains yang terdiri dari orang<sup>2</sup> Kerajaan, pusat pelajaran pertanian dan bahagian sendirian, maka Institiut ini akan dapat men- long menjamin supaya masaalah<sup>2</sup> penyelidekan dari semua bidang pertanian di-seluroh Malaysia di-ketahui dan di-uruskan dengan lengkap oleh Institiut ini. Institiut ini akan memberi keutamaan istimewa kapada masaalah<sup>2</sup> praktikal yang mustahak dalam pembangunan pertanian. Untuk menjamin kesedaran yang terus menerus mengenai keperluan<sup>2</sup> penyelidekan yang mendesak Institiut ini akan bekerja rapat dengan badan<sup>2</sup>, seperti Majlis Pekebun<sup>2</sup> Kelapa Sawit, Lembaga Perusahaan Nenas dan lain<sup>2</sup> badan sa-bagai-nya. Di-samping itu, sa-buah jawatan-kuasa penasehat penyelidekan yang di-wakili oleh pekebun<sup>2</sup>, pengilang<sup>2</sup> atau lain<sup>2</sup> kumpulan daripada perusahaan pertanian akan di-tuboh-kan untuk menjamin penumpuan yang tepat terhadap penyelidekan yang sangat<sup>2</sup> di-perlukan di-lapangan<sup>2</sup> yang tertentu.

Institiut Penyelidekan dan Pembangunan Malaysia akan di-tubohkan melalui perpaduan dari beberapa bagi badan penyelidekan dan perkembangan yang ada pada masa ini. Yang ter-kemuka sa-kali di-antara-nya ia-lah chawangan<sup>2</sup> daripada Jabatan<sup>2</sup> Pertanian di-Malaysia Barat dan Timor yang berkaitan dengan penyelidekan, perchubaan dan perkembangan luar. Dengan persetujuan daripada pehak Ranchangan Pembangunan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu ada-lah di-harapkan Bahagian Kajiteknik Makanan akan menjadi sa-bahagian daripada Institiut yang baru ini. Bagitu juga kerja<sup>2</sup> penyelidekan di-bawah Lembaga Perusahaan Nenas Malaya yang ada sekarang ini. Institiut ini juga mengambil aleh tugas<sup>2</sup> penyelidekan dan perkembangan di-Bahagian<sup>2</sup> Perikanan dan Haiwan.

Sa-bagai penutup-nya, saya suka menegaskan bahawa penyelidekan pertanian yang lengkap saperti ini ada-lah mahal dan biasa-nya berbentok jangka panjang. Oleh itu, kita mesti-lah bersedia menumpukan segala tenaga dan kewangan yang sewajar-nya untuk melaksanakan langkah<sup>2</sup> ini dengan sa-chepat mungkin supaya berhasil chita<sup>2</sup> pembangunan kita bagi masa<sup>2</sup> hadapan sa-bagaimana yang di-harapkan itu. Saya yakin bahawa tumpuan negara mengenai kakitangan dan kewangan untuk perchubaan ini harus di-beri keutamaan yang tinggi. Saya menggesa tuan<sup>2</sup> supaya memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi dan yang sangat<sup>2</sup> di-perlukan itu kepada chadangan untuk memperhebatkan penyelidekan dan perkembangan pertanian ini dengan sa-penoh-nya.

**Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan yang penoh kapada Rang Undang<sup>2</sup> Institiut Penyelidekan dan Kemajuan Pertanian Malaysia. Ini ada-lah satu daripada chara Kerajaan Perikatan meninggikan taraf hidup ra'ayat jelata kita di-seluroh tanah ayer kita. Ra'ayat di-Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, di-bawah pemerentahan Kerajaan Perikatan ada-lah merasa bertuah kerana apa sahaja yang di-hajati oleh ra'ayat untuk meninggikan taraf hidup-nya sentiasa sahaja di-ikhtiarkan oleh Kerajaan Perikatan dengan bijak-nya tetapi ra'ayat yang di-bawah pemerentahan Kerajaan PAS sentiasa mengidam<sup>2</sup> tetapi segala idaman atau hajat itu tinggal terpendam bagitu sahaja dan tidak pula Kerajaan PAS mengikhtiarkan sa-suatu untuk meninggikan taraf hidup dengan chara perektilkal tetapi di-ajar falsafah<sup>2</sup> menentang kema'moran hidup dan bermusohan<sup>2</sup> antara satu umat dengan satu umat. Kerajaan Perikatan ada-lah bekerja untuk ra'ayat dan negara yang perektilkal saperti kata Yang Berhormat Menteri tadi serta juga saintifik. Ini-lah satu daripada chara<sup>2</sup> mengikhtiarkan untuk ra'ayat dan negara.

Rang Undang<sup>2</sup> yang kita akan luluskan ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah elok seluroh-nya dan mengenai pemberian nasihat berkenaan latehan<sup>2</sup> bekerja bagi penyelidekan lanjutan dari segi sains dan teknik saperti yang di-nyatakan dalam Fasal 3 (d). Saya harap dapat di-lebahkan segala latehan<sup>2</sup> ini, bukan sahaja sa-chara theory bahkan sa-chara perektil, hendak-lah di-ajar kapada belia<sup>2</sup> yang telah berusaha atau yang sedang berusaha berladang dan juga petani<sup>2</sup> di-luar bandar yang sekarang berusaha dengan giat-nya. Kerana mereka ini, memang kita tahu benar kurang pengetahuan dari segi sains dan teknik chara menanam yang lebih berkesan lagi di atas hasilan-nya kelak. Shor saya untuk di-ajarkan kapada belia<sup>2</sup> yang sedang berladang ini ia-lah kerana mereka pada satu hari nanti boleh mengambil kerja<sup>2</sup> bertani yang ada dalam negara kita ini yang mana makin sa-hari sa-makin bertambah.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Institiut ini kelak akan menjadi satu tempat puncha pasaran atau wholesale bagi barang<sup>2</sup> hasil latehan dan tunjok ajar Institiut ini terutama sa-kali barang<sup>2</sup> yang telah di-peroseskan dan juga Institiut ini hendak-lah menchari jalan supaya elok mutu hasil<sup>2</sup> yang di-keluarkan atau di-usahakan oleh petani<sup>2</sup> nanti. Dan juga kira-nya Institiut ini hendak terkenal di-lapan-gan ra'ayat jelata, hendak-lah Institiut ini mengiktiarkan atau menolong ra'ayat jelata memperoses barang<sup>2</sup> dengan menubohkan small cottage industry di-mukim<sup>2</sup>, di-daerah<sup>2</sup> atau pun di-perengkat negeri di-mana hasil mentah tani itu boleh di-dapat dengan mudah dan senang atau ber-lebeh<sup>2</sup>an. Small cottage industry ini ada-lah besar ma'ana-nya, Tuan Yang di-Pertua, kapada ra'ayat jelata di-luar bandar kira-nya dapat di-iktiarkan, kerana di-luar bandar mereka tidak dapat kesempatan belajar atau mengusahakan pekerjaan yang bagini, kerana mereka kurang pengetahuan teknik dan sains. Jadi dengan ada-nya ajaran, pengetahuan atau tunjok ajar dan latehan serta bantuan daripada Institiut ini, maka dapat-lah mereka menubohkan small cottage

industry, yang mana mereka idam<sup>2</sup>kan semenjak dari dahulu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli<sup>2</sup> Lem-baga Institiut ini hendak-lah di-tambah dua orang wakil lagi, yang mana saya pandang mustahak, ia-itu sa-orang dari Lembaga Pemasaran dan sa-orang lagi daripada Persatuan Peladang, yang mana berkehendakkan sangat perkhid-matan yang sa-macham ini. Sunggoh pun dalam Fasal 3 (a) di-katakan, tanaman getah tidak termasuk di-dalam kuasa Institiut ini, tetapi wakil-nya ada menurut Fasal 5 (f). Jadi dengan adanya ahli<sup>2</sup> daripada Lembaga Pema-saran dan Persatuan Peladang yang baharu di-tubohkan itu, maka segala ma'alumat<sup>2</sup> yang di-dapat dari Institiut ini kelak dapat-lah di-sampai-kan dengan sa-chebat mungkin kapada yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai wakil yang saya chadangkan di-tambah satu lagi ini, ia-itu di-iktiarkan, kalau boleh, daripada FAMA supaya FAMA tidak hanya menjalankan pemasaran sahaja tetapi hendak-lah tahu sadikit sa-banyak dalam hal kemajuan pertanian. Jadi dengan itu, sambil dia memberi penerangan tanaman sa-chara saintifik kapada petani<sup>2</sup>. Kalau ada pertanyaan<sup>2</sup>, tidak-lah pertanyaan itu di-elakkan mentah<sup>2</sup>. Dan dengan ada-nya pengetahuan yang sa-bagai ini juga pada FAMA, maka dapat-lah dia menasihatkan petani<sup>2</sup> membuat atau mengusahakan tanaman yang chara saintifik dan dapat mengeluarkan hasil yang lebih banyak dan bermutu.

Wakil daripada Persatuan Peladang pula, Tuan Yang di-Pertua, dapat penerangan<sup>2</sup> yang up-to-date dan pene-rangan<sup>2</sup> ini dapat di-salorkan dengan sa-chebat mungkin. Kerana Rang Undang<sup>2</sup> yang kita akan sahkan ini ada-lah berkait atau berhubung rapat dengan soal luar bandar. Jadi ada elok-nya kalau kita dapat iktiarkan sa-orang wakil daripada Persatuan Peladang di-masukkan juga dalam lembaga ini, dan juga dengan ada-nya banyak badan penyebaran pengetahuan bagini, maka saya rasa, ada-lah lebih menafa't supaya tindakan yang ber-kesan dapat di-jalankan ka-seluroh negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya, penerangan atau pendapat mengenai masaalah sains dan teknik pertanian ini hendak-lah di-sebarkan dengan sa-chara meluas, dengan sa-cheat mungkin, atau sa-berapa lekas yang boleh ka-luar bandar terutama ka-tempat<sup>2</sup> atau kapada orang<sup>2</sup> yang berkenaan. Kerana orang<sup>2</sup> yang di-luar bandar memang dahagakan sangat<sup>2</sup> hasil pengetahuan yang saperti ini. Juga kalau dapat-nya, biar-lah pejabat<sup>2</sup> atau chawangan<sup>2</sup> Lembaga ini di-tubohkan di-tiap<sup>2</sup> Negeri atau di-tiap<sup>2</sup> Daerah, supaya Lembaga ini nanti akan lebeh dekat lagi kapada orang<sup>2</sup> yang berkehendakkan pengetahuan, lebeh<sup>2</sup> lagi kapada pendudok<sup>2</sup> yang saya sebutkan tadi ia-itu di-luar bandar. Jadi yang akhir-nya, saya menguchapkan tahniah kapada Yang Berhormat Menteri yang dengan berani-nya mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> ini. Terima kaseh.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, dengan sa-rengkas-nya . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah sebutkan "rengkas" itu—chakap sahaja-lah.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** . . . saya turut berchakap atas Rang Undang<sup>2</sup> ini. Pada mula-nya saya nam-pak terang berkenaan dengan MARDI ini, tetapi apabila saya mendengar uchapan Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat, saya rasa sudah berlainan kedudukan-nya. Walau bagaimana pun, saya rasa itu bukan-lah fikiran daripada Kerajaan sendiri. Itu fikiran kita yang bebas dalam Dewan ini.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, pada dasar-nya, menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini kerana sudah lama saya menunggu Institiut atau pun satu badan ilmiah yang khusus saperti ini. Oleh kerana tujuan yang besar daripada MARDI ini ia-lah merupakan perhubungan antara ma'mal<sup>2</sup> ilmial MARDI dengan pusat<sup>2</sup> perchubaan, kita patut lebeh menumpukan kapada alat<sup>2</sup> perhubungan antara dua badan itu. Mithal-nya, kita dapat mengadakan majlis sains, kita dapat mengadakan pakar<sup>2</sup>,

kita dapat mengadakan ahli<sup>2</sup> yang specialist di-dalam satu<sup>2</sup> lapangan untuk menjadi orang yang bertugas dalam MARDI ini. Tetapi ilmu<sup>2</sup> hasil yang di-dapati sa-telah di-kaji itu kita akan memberi puia kapada pehak yang berkenaan ia-itu pada ra'ayat. Maka orang tengah yang akan menyampaikan hasil<sup>2</sup> penyiasatan itu—itu yang penting—ya'ani terkadang<sup>2</sup> alat atau facilities menyampaikan hasil penyiasatan kapada ra'ayat itu yang menjadi sebab bukan hasil-nya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengshorkan kapada Kerajaan supaya kita khususkan sa-bagaimana kehendak asal ia-itu Institiut ini institiut pengajian jangan kita masukkan FAMA, marketing—itu sudah termasok ekonomi hendak menchari pemasaran bagitu bagini, itu tidak termasok dalam research. Research ini kita hendak dapat satu hasil saintifik, bukan hasil ekonomi. Ekonomi ini dia tidak ada law, dia relative bagitu sahaja, kalau bagitu dia bukan saintifik. Saya bimbang, takut kalau<sup>2</sup> Kerajaan kita di-desak oleh Dewan ini maka di-masukkan wakil peladang, wakil FAMA, jadi kerja research betul<sup>2</sup> tidak jadi. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana pun, orang<sup>2</sup> 'awam sa-lain daripada pegawai Kerajaan patut, sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini, di-masukkan, kerana tentu-lah orang<sup>2</sup> 'awam itu orang<sup>2</sup> yang mempunyai pengetahuan khusus dalam masaalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita yang besar ini ia-lah termasok bukan sahaja pertanian, erti-nya tanaman, tetapi termasok juga perikanan dan haiwan. Oleh itu kalau kita hendak gunakan hasil daripada Institiut ini kita terpaksa kena meluaskan lagi Sekolah Perikanan supaya ilmu yang kita dapat itu kita berikan kapada pegawai<sup>2</sup> atau lepasan<sup>2</sup> daripada Sekolah Perikanan itu dan pegawai<sup>2</sup> ini dapat melaksanakan. Dan bagitu juga berkenaan dengan haiwan (veterinary). Kita, kalau saya tidak silap, chukup kurang berkenaan dengan ilmu haiwan ini. Jadi hasil research yang kita dapat itu kita tidak dapat menyalorkan, erti-nya kita akan dapat

fikiran<sup>2</sup> yang baik, tetapi hendak memperektikkan kita tidak dapat sedang satu tugas yang besar MARDI ini ia-lah akan chuba mengamalkan segala masaalah<sup>2</sup> yang perektical mengikut apa yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Bagaimana kita hendak mengatasi masaalah perektical kerana orang-nya tidak chukup, alatnya tidak chukup? Itu yang penting. Kita ada Maktab Pertanian, kita ada Sekolah Pertanian. Saya nampak Maktab Pertanian ini akan melahirkan orang<sup>2</sup> yang pandai dalam ilmu pertanian dan orang<sup>2</sup> ini dapat bekerja dengan MARDI atau pun di-ambil bekerja dengan MARDI atau pun MARDI menugaskan kapada lepasan<sup>2</sup> ini supaya menjalakan segala hasil<sup>2</sup> yang kita dapat di-dalam MARDI, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tahu di-Maktab kita ia-lah kita, sama ada di-Maktab atau pun di-Sekolah kita, ada dua kedudukan ilmu dalam itu. Satu ia-lah Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan atau Pegawai Pertanian Muda yang menyambongkan lagi ilmu pengetahuan dalam pertanian atau dikatakan extension, yang lagi satu bahagian research—penyediaan-nya dapat masok ka-dalam research. Tetapi yang kita jalankan di-sana, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kita mengambil ilmu pertanian sa-mata<sup>2</sup> ia-itu mengambil agronomy dan di-situ sadikit sa-banyak kita ambil berkenaan dengan soil science dan kita akan ambil juga crop, berkenaan dengan crop, wet crop atau pun dry crop. Ini pun tidak dapat chukup dengan tanggongan MARDI yang kita hendak buat ini kechuali kita dapat meluaskan lagi. Yang rapat dengan ra'ayat yang saya suka dimasukkan walau pun bukan scientific ia-itu-lah Pegawai<sup>2</sup> Pertanian Muda ini sebab orang ini akan pergi ka-Medan arti-nya akan menjadi field officers sedangkan orang<sup>2</sup> ini kebolehan-nya rendah sa-bagaimana yang di-persoalkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi terutama-nya kerana mereka itu di-hantar oleh Negeri, tidak di-hantar oleh Persekutuan. Jadi Undang<sup>2</sup> ini Undang<sup>2</sup> Persekutuan, orang yang hendak bekerja di-Negeri itu di-hantar oleh Negeri dan mutu-nya berlainan. Saya rasa itu satu masaalah yang kita

akan hadapi dan saya perchaya Kerajaan akan mengatasinya.

Yang akhir-nya sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya terdengar tadi dari segi teknik dan dari segi process—memperoseskan satu<sup>2</sup> raw material, Tuan Yang di-Pertua, bukan berhajat kapada research, tetapi berhajat kapada experience. Research ini kita hendak mengambil hasil<sup>2</sup> nature atau pun hasil<sup>2</sup> champoran kimia daripada ilmu science. Ada pun memperoses ini lebih banyak perchubaan atau yang berdasarkan perchubaan—experiment—betul<sup>2</sup> dalam segi itu.

Ini juga kita memerlukan orang<sup>2</sup> yang sudah tentu-lah tidak dapat kita chari dalam negeri kita pada masa ini mengikut sa-tahu saya. Jadi saya mengshorkan kapada Kerajaan MARDI ini, sa-waktu MARDI menjalankan research-nya sendiri di-negeri ini dapat pula MARDI ini menghantar orang<sup>2</sup> pergi ka-negeri<sup>2</sup> luar mempelajari sudut<sup>2</sup> yang kita adakan research di-sini dan hasil yang kita dapat di-sini apabila mereka pulang ka-negeri ini dapat kita champorkan berdua dan kita banding dan di-situ kita dapat satu deduction yang baik.

Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perikanan kita hantar orang pergi ka-negeri yang lebih pengalaman-nya berkenaan dengan perikanan dan haiwan, kita hantar ka-India dan Pakistan dan pertanian, sa-takat yang saya tahu, ia-lah dua negeri yang banyak pengalaman dalam Asia kita ini ia-itu Formosa, sebab pertanian di-sana chukup maju, dan yang kedua Israel, akan tetapi tentu-lah kita tidak dapat hendak hantar ka-Israel sebab Israel tengah duduk berperang, dia tidak kira Arab, Melayu pun dia sapu.

Berkenaan dengan teknik, Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan teknik saya kurang faham, ada-kah teknik ini technical know how atau pun teknik kita memperoseskan barang<sup>2</sup>. Memperoses, kalau kita sebutkan teknik dari segi memperoseskan barang<sup>2</sup>, ini sudah advance, saya lebih suka kalau Kerajaan, apabila kita luluskan Rang Undang<sup>2</sup> ini, kita jangan masok champor banyak sangat dengan

practical sebab bila sudah menjadi practical dia sudah menjadi satu business—urusian business dan tujuan yang kita kehendaki dapat ilmu sa-mata<sup>2</sup> itu tidak dapat bagi negara kita.

Berkenaan dengan contract research ya'ani berkenaan dengan buroh. Ini pun, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa walau pun kita masukkan di-sini tetapi yang elok-nya kita tidak masukkan pun tidak mengapa. Ini sudah terlampaui luas sangat sa-olah<sup>2</sup> MARDI ini bukan satu Institiut untuk penyelidekan—satu badan yang bertanggong-jawab hendak memajukan ke-semua sa-kali. Jadi ke-semua kita hendak satukan pun kita tidak dapat. Kalau bagitu tidak-lah kita namakan Institiut, Institiut macham mana ke-semua ada. Hendak berkira buroh pun di-situ, hendak memasar ikan pun di-situ, Persatuan Peladang pun di-situ, kemudian per-chubaan ini, perchubaan itu, pun di-situ. Maka hasil-nya itu kurang sebab kita pecahkan tenaga terlampaui banyak sangat. Jadi kalau kita dapat tumpukan MARDI ini kepada kerja<sup>2</sup> research sa-mata<sup>2</sup> saya rasa ini akan berjaya.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh kapada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang telah menyokong dan mengeluarkan shor<sup>2</sup>, tegoran dan sa-bagai-nya berhubong dengan Rang Undang<sup>2</sup> Institiut Pen-yelidekan dan Kemajuan Pertanian Malaysia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat telah mengshorkan supaya dua orang ahli lagi di-tambah ia-itu sa-orang daripada Lembaga Pemasaran dan sa-orang lagi daripada Persatuan Peladang dengan sebab, kata-nya, sa-kira-nya mereka di-dalam Lembaga ini dapat-lah mereka menjalankan penerangan, penjelasan dan sa-bagai-nya. Saya rasa perkara itu tidak-lah sa-bagitu mustahak kerana Lembaga yang akan di-lantek ini ia-lah Lembaga yang akan menentukan dan menjalankan dasar perjalanan Institiut ini. Apa juga keputusan research dan sa-bagai-nya yang di-dapati daripada Institiut itu akan di-majukan atau di-perkem-bangkan menerusi badan<sup>2</sup> Kerajaan

yang ada pada hari ini ia-itu Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Jabatan Perikanan dan Jabatan<sup>2</sup> yang lain.

Tidak-lah pula ada chita<sup>2</sup> Lembaga ini hendak mengambil tugas daripada badan<sup>2</sup> atau pun Jabatan<sup>2</sup> yang tersebut dalam masaalah perkembangan terutama sa-kali di-Negeri<sup>2</sup> tetapi Lem-baga ini akan bekerjasama, bekerja dengan penoh-nya dengan Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi dan juga dengan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri kerana saya faham ia-itu tanggong-jawab dan tugas berkenaan dengan perkembangan segi pertanian ini ada-lah menjadi tanggong-jawab Kerajaan<sup>2</sup> Negeri. Jadi kita berharap pehak Kerajaan Negeri dapat bekerjasama dengan Lembaga ini sa-bagai-mana Kerajaan<sup>2</sup> Negeri telah pun memberi kerjasama penoh kapada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama dalam masaalah perkem-bangan ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah meminta supaya Lembaga ini akan melebarkan penyebaran pengetahuan dan penerangan berkenaan teknik pertanian dan sa-bagai-nya. Perkara ini akan di-jalankan oleh Lembaga ini dan bukan sahaja oleh Lembaga ini bahkan oleh Jabatan<sup>2</sup> yang ber-kenaan juga.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok meminta supaya di-luaskan Sekolah Perikanan dan Haiwan. Sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi tanggong-jawab Lembaga ini ia-lah menjalankan kajian berkenaan dengan segala aspect perusahaan pertanian, dan apa juga hasil daripada Lembaga ini akan di-salorkan menerusi Jabatan<sup>2</sup> ter-masok-lah Sekolah<sup>2</sup> Perikanan dan Haiwan. Di-sini saya suka-lah mene-gaskan ia-itu pehak Kerajaan atau Kementerian saya pada masa ini sedang mengkaji dan menguruskan chadangan bagi meluaskan lagi atau membanyakkan lagi Sekolah<sup>2</sup> Per-ikanan, Haiwan dan Pertanian di-dalam negeri ini supaya dapat lebih banyak ra'ayat petani<sup>2</sup> dan peladang<sup>2</sup> di-beri pelajaran—courses—dan sa-bagai-nya berhubong dengan masaalah perusahaan pertanian, perikanan dan haiwan ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan Bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> ini di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 25* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bacha kali yang ketiga dan di-luluskan.

## THE CO-OPERATIVES SOCIETIES (AMENDMENT) BILL

### Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> (Pindaan) Undang<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama, 1968 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang<sup>2</sup> (Pindaan) Undang<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama, 1968 ini ia-lah untuk membolehkan satu Tabong Pelajaran Kerjasama di-tubohkan. Sejak Maktab Kerjasama di-tubohkan dalam tahun 1955, sharikat<sup>2</sup> kerjasama telah di-wajibkan memberi sumbangan sa-banyak 2% daripada keuntungan bersih sharikat<sup>2</sup> tersebut tiap<sup>2</sup> tahun di-bawah kuatkuasa sekshen 34 (1) (b) Undang<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama, 1968. Sejak tarikh tersebut, jumlah wang sumbangan<sup>2</sup> daripada sharikat<sup>2</sup> kerjasama ini yang telah dapat di-kumpulkan makin lama makin banyak dan dalam dua tiga tahun yang lalu jumlah sumbangan<sup>2</sup> yang telah dapat di-kumpulkan telah melebihi daripada jumlah yang di-perlukan oleh Maktab Kerjasama itu. Oleh kerana peranan Maktab Kerjasama itu terhad hanya sa-mata<sup>2</sup> untuk memberi latehan kapada

Pegawai<sup>2</sup> Kemajuan Kerjasama dan juga pemimpin<sup>2</sup> Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama, maka banyak aspek<sup>2</sup> pelajaran kerjasama yang boleh dan patut di-kaji dan tidak di-liputi oleh peranan Maktab Kerjasama ini. Jika sa-kiranya wang<sup>2</sup> sumbangan daripada sharikat<sup>2</sup> kerjasama di-beri terus kepada Maktab Kerjasama itu seperti perotoran sekarang, maka banyak aspek<sup>2</sup> berkenaan dengan pelajaran dan perinsip<sup>2</sup> kerjasama tidak akan dapat di-kaji dan di-pelajari.

Oleh yang demikian satu Tabong yang berasingan ada-lah di-perlukan dan Tabong ini akan mengumpulkan semua sumbangan<sup>2</sup> daripada sharikat<sup>2</sup> kerjasama dan juga sumbangan dari-pada dermawan<sup>2</sup>, jika ada, daripada satu masa ka-satu masa dan daripada Tabong ini akan di-peruntokkan wang yang di-perlukan oleh Maktab Kerjasama bagi perjalanan-nya. Baki daripada wang<sup>2</sup> yang dapat di-kumpulkan itu akan di-gunakan untuk penyelidekan sa-chara mendalam, yang tidak dapat di-jalankan oleh Maktab Kerjasama, oleh pakar<sup>2</sup> dan juga Pegawai Kemajuan Kerjasama mengenai perkara<sup>2</sup> berhubung dengan pergerakan kerjasama; dan untuk menghantar pegawai<sup>2</sup> mengambil peranan chergas dalam seminar<sup>2</sup> antarabangsa dan juga untuk memberi biasiswa<sup>2</sup> kapada pegawai<sup>2</sup> yang berkelayakan untuk mendapat latehan<sup>2</sup> yang lebuh tinggi di-dalam negeri dan di-luar negeri.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini tetapi saya suka memberi beberapa pandangan. Yang pertama saya rasa tabong yang kita hendak adakan di-bawah Undang<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama ini saya tidak bagitu bersetuju di-masukkan derma<sup>2</sup> daripada orang<sup>2</sup> yang bukan ahli ia-itu dermawan<sup>2</sup> yang biasa sebab kalau kita masukkan dan kita dapat-lah wang banyak, mithal-nya, maka hasil daripada kutipan wang kita dan kemajuan yang berikut itu tidak dapat kita sukat dari segi kemajuan Sharikat Kerjasama kerana ada unsur

yang lain masok. Jadi kalau kita hendak berbangga mithal-nya kita katakan masok tahun yang ketiga tabong kita sudah ada \$1,000,000 dan kita dapat menghantar sa-puloh kali pegawai<sup>2</sup> pergi seminar dan 50 orang Pegawai<sup>2</sup> Latehan Sharikat Kerjasama dan ini-lah kemajuan Sharikat Kerjasama kita. Tentu-lah kita tidak boleh kata bagitu, sebab derma<sup>2</sup> itu datang daripada luar. Lebih baik-lah kita tentukan-lah sahaja kapada Ahli<sup>2</sup> Sharikat itu sendiri atau pun pehak<sup>2</sup> sharikat, maka dengan demikian dapat-lah satu neracha atau pun kalau kita katakan Balance Sheet kemajuan kita betul<sup>2</sup> berdasarkan kepada sharikat ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Undang<sup>2</sup> Co-operative Societies ini sudah lama sangat. Pada asal-nya 1948 dahulu dan sekarang ini sudah masok tahun 1968, masok tahun 1969, sudah 20 tahun. Sudah tentu di-antara tahun 1948 dengan 1968 ini banyak perubahan<sup>2</sup> telah berlaku di-dalam negara kita dan barangkali sudah banyak pindaan<sup>2</sup> yang sudah di-buat. Saya tidak ada dalam Dewan ini kerana saya baharu di-sini. Jadi, akhir<sup>2</sup>-nya dia merupakan satu perapu yang timbal-nya lebih besar daripada serumpu-nya. Jadi, Undang<sup>2</sup> asal itu sudah tidak ada lagi, sudah jadi yang lain. Jadi rangka baju itu sahaja, baju itu sudah jadi yang lain. Lebih baik kita mengadakan satu penyelaras dan kemukakan Undang<sup>2</sup> baharu dengan aspek<sup>2</sup> baharu di-dalam Ordinance kita itu di-masukkan mengikut hajat<sup>2</sup> perkembangan kita. Ini amat mustahak, Tuan Yang di-Pertua, bagi satu Undang<sup>2</sup> yang bagini di-dalam sa-buah negara yang sedang maju, kerana kalau kita bergantong juga kapada asas yang lama tidak ada tempat. Jadi pokok-nya itu kecil, chabang-nya sudah besar. Jadi, kalau kita letak di atas dia juga, dia tidak dapat hendak sanggup lagi. Oleh itu, saya rasa dapat Kerajaan kita memikirkan shor ini.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya uchapkan terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat dari Bachok, tetapi saya dukachita yang ia tidak dapat

bersetuju berkenaan dengan satu bab ia-itu derma<sup>2</sup> yang akan datang dari pada luar di-terima masok di-dalam tabong ini. Jadi, saya rasa tidak ada salah-nya kalau sa-kira-nya ada yayasan mana<sup>2</sup> juga yang ingin melihat pergerakan kerjasama berjalan dengan baik-nya dan ingin memberi derma kapada tabong ini supaya wang itu dapat di-gunakan untuk pelajaran kerjasama. Jadi, pada masa yang sudah<sup>2</sup> banyak juga yayasan yang ada dalam negeri telah memberi bantuan dan pertolongan bukan sahaja kapada Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama, tetapi juga Per-satuan<sup>2</sup> Peladang dan lain<sup>2</sup>, kerana mereka juga ingin untuk memberi derma bakti dan menolong bagi membaiki kedudukan ra'ayat yang ada di-dalam negeri ini, ia-itu rakan sejawat mereka sendiri.

Perkara yang kedua yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok ia-itu meminta supaya badan yang ada itu di-ganti dengan badan yang baharu atau pun baju yang ada di-ganti dengan baju yang baharu.

Sa-benar satu Jawatan-kuasa telah pun di-lantek termasok Peguam Negara sendiri di-dalam-nya untuk mengkaji Undang<sup>2</sup> ini dan pengkajian-nya sedang di-jalankan. Walau macam mana pun kita tidak akan dapat memesangkan diri kita jauh daripada perinsip kerjasama, kerana saya perchaya orang yang sudah biasa lama dengan kita itu mesti-lah kita kenang juga budi-nya. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusi-kan Jawatan-kuasa)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### THE WIDOWS AND ORPHANS PENSION (AMENDMENT) BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan Rang Undang<sup>2</sup> yang bergelar the Widows and Orphans Pension (Amendment) Act, 1969 di-bacha pada kali yang kedua.

Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat ada-lah di-beritahu bahawa satu daripada sharat<sup>2</sup> bagi sa-saorang pegawai 'awam itu di-kenakan mencharum kapada Ranchangan Penchen Balu dan Anak Yatim ini ia-lah ia-nya hendak-lah terhad oleh undang<sup>2</sup> kepada satu isteri sahaja pada sa-suatu masa.

Tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk menjelaskan ia-itu peruntukan di-dalam Undang<sup>2</sup> Penchen Balu dan Anak Yatim (F.M.S. Cap. 26) ia-itu juga di-kuat-kuasakan kepada mana<sup>2</sup> pegawai 'awam dari keturunan China atau India Selatan yang telah berkahwin menurut chara ugama Keristian, walau pun menurut undang<sup>2</sup> diri-nya atau pun personal law dia tidak di-hadkan kepada satu isteri pada satu masa. Juga Rang Undang<sup>2</sup> ini bertujuan menegaskan ia-itu tiada siapa pun akan di-layakkkan menerima apa<sup>2</sup> baya-ran balek daripada charun<sup>2</sup> mereka kapada ranchangan ini, kechualи sa-bagaimana yang di-benarkan oleh peruntukan<sup>2</sup> yang terkandong di-dalam Undang<sup>2</sup> yang saya sebutkan tadi.

Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat mungkin ketahuи bahawa Kerajaan sekarang telah membuat keputusan memansokhkan Ranchangan Penchen Balu dan Anak Yatim yang sedang berjalan bagi pegawai 'awam di-negeri ini. Sa-belum keputusan ini dapat di-laksanakan ada beberapa kerumitan undang<sup>2</sup> dan teknikal yang terpaksa di-kaji. Ranchangan Penchen Balu dan Anak Yatim ini ada-lah berasaskan kapada perin-sip<sup>2</sup> akchuarı dan di-kuat-kuasakan mengikut undang<sup>2</sup>. Oleh sebab ini keputusan Kerajaan hendak meman-sokhkan Ranchangan Penchen Balu

dan Anak Yatim itu mengambil masa bagi melaksanakan.

Faktor yang kedua ia-lah Kesatuan<sup>2</sup> Pekerja yang berkenaan telah menyatakan bahawa pegawai<sup>2</sup> yang telah mencharum beberapa lama, mithal-nya 20 tahun, hendak-lah di-beri peluang tinggal terus di-dalam Ranchangan Penchen Balu dan Anak Yatim itu. Ini berma'ana-lah sunggoh pun Kerajaan telah membuat keputusan meman-sokhkan ranchangan ini, ranchangan itu akan maseh berjalan lagi bagi pegawai<sup>2</sup> yang memileh hendak tinggal di-dalam dan mendapat keuntungan dan menafa'at daripada-nya.

Keraguan yang timbul berkenaan dengan kedudukan pegawai<sup>2</sup> yang ber-ka-hwin atau yang sudah berkahwin di-bawah Undang<sup>2</sup> kahwin Keristian tahun 1956 atau undang<sup>2</sup> yang telah di-mansokhkan oleh-nya maseh lagi terpaksa di-jelaskan. Sa-bagaimana yang saya sudah terangkan Rang Undang<sup>2</sup> yang di-chadangkan ini adala-h bertujuan hendak menghilangkan keraguan ini. Pindaan ini ia-lah satu pindaan yang teknikal sahaja dan tidak melibati soal dasar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang kita patut memikirkan di-sini, ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> ini tidak kena-mengena dengan orang<sup>2</sup> yang berugama Islam. Yang kedua tidak kena-mengena dengan sa-siapa pun, melainkan kepada isteri<sup>2</sup> yang berugama Keristian.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya tahu dalam personal law apabila sa-saorang perempuan itu dia berkahwin pergi ka-negeri lain dan dia duduk di-negeri itu, maka kedudukannya itu terpaksa mengikut law di-negeri suami-nya itu, kerana dia sendiri sudah menjadi *ipso facto* warganegara negeri itu. Jadi kalau mengikut yang saya siasat saya dapati Undang<sup>2</sup> ini di-buat sa-mata<sup>2</sup> hendak menjaga wanita<sup>2</sup> Inggeris yang datang ka-sini atau pun

yang berkahwin dengan orang<sup>2</sup> Asian kita. Sebab itu dalam penerangan kita di-sini di-kenakan kapada orang<sup>2</sup> China dan South Indian yang berkahwin dengan sa-chara Keristian. Asalnya orang Keristian itu ia-lah orang Eropah. Kalau bagitu kata-lah orang China ini boleh berkahwin dua orang atau pun South Indian ini boleh berkahwin dua, tetapi bila dia berkahwin dengan perempuan Keristian, maka dia terpaksa kena tundok kapada undang<sup>2</sup> perempuan itu. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saki baki penjajah yang hendak menjaga perempuan<sup>2</sup> yang datang disini. Jadi kita tambah pula bila kita beri charum kita tidak berhak hendak mengambil balek charum itu, bagitu kuat-nya jaminan wanita<sup>2</sup> yang datang ka-negeri ini, tetapi kalau sa-saorang itu berkahwin dengan perempuan kita di-sini, tak ada pula undang<sup>2</sup> yang menyatakan dia kena membayar charum bagitu bagini, sebab undang<sup>2</sup> ini tidak kena-mengena dengan orang yang sa-macham itu. Saya waswas dari segi latar belakang Rang Undang<sup>2</sup> ini. Dari segi hendak membuat itu, saya menyokong sebab kita hendak menjaga perempuan<sup>2</sup> yang janda—satu.

Yang kedua, kita hendak menjaga anak yatim. Kalau kita tak buat satu undang<sup>2</sup> kita hendak kena pula masukkan di-dalam Social Security Act, itu menambahkan terok lagi negara kita. Biar-lah baba-nya atau pun si-suami itu yang bertanggong-jawab terhadap hasil yang di-kerjakan oleh-nya. Tetapi menyalahkan warga negara di-negeri ini yang laki<sup>2</sup> beristerikan perempuan yang berugama Keristian, itu sudah satu tak baik dalam sa-buah negara kita. Saya rasa kalau perkara ini di-bawa ka-dalam international forum pun nyata-lah kita ini maseh lagi mengikut orang puteh dan ini ilham daripada orang puteh supaya menjagakan perempuan<sup>2</sup> orang puteh. Dan yang kedua ini satu jaminan kepada Christianity untuk menggalakkan orang<sup>2</sup> masok Keristian. Kata-nya, "Kalau kamu masok Kris-tian tengok bagini-bagini, kamu boleh dapat benefit daripada law di-Malay-sia, tetapi kalau kamu masok ugama lain pertama<sup>2</sup> si-laki<sup>2</sup> boleh kahwin dua. Yang kedua kalau kahwin pun

charum<sup>2</sup> itu tidak dapat di-untokkan kapada dua orang, lebeh baik kamu jadi Kristian." Ini saki-baki kerja lama dan saya harap Kerajaan patut sedar dalam perkara ini.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:**

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat ini tidak tahu tujuan asal yang sa-benar-nya mengapa Undang<sup>2</sup> Widows and Orphans Pen-sion Enactment ini telah di-gubal, telah di-adakan. Ini di-adakan mengikut, yang saya tahu, kemahuan bukan orang puteh atau orang Inggeris sa-bagai-mana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat ini. Ini ada-lah daripada desakan kemahuan daripada orang<sup>2</sup> kaki-tangan Kerajaan yang bukan berbangsa Inggeris tetapi berugama Kristian, ia-itu Southern Indian sa-bagaimana yang tersebut di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini dan juga orang<sup>2</sup> China yang berugama Kristian yang bertugas atau pun bekerja di-dalam Kerajaan. Jadi Undang<sup>2</sup> ini, sa-bagaimana telah di-jelaskan dalam Undang<sup>2</sup> yang asal, tidak mengenai orang<sup>2</sup> yang memelok ugama Islam kerana dalam ugama kita, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'ulum, ada berbagai<sup>2</sup> chara rupa kemudahan<sup>2</sup> bagi balu<sup>2</sup> dan anak<sup>2</sup> yang di-tinggalkan oleh sa-saorang suami yang meninggal dunia, tetapi Undang<sup>2</sup> ini, sa-bagaimana saya kata tadi, asal-nya ada-lah bertujuan menjaga kedudukan isteri<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> yang bukan berbangsa Inggeris, tetapi orang yang menjadi isteri kapada orang<sup>2</sup> yang bukan bangsa Inggeris, tetapi berugama Kristian.

Jadi sa-lama ini Undang<sup>2</sup> ini di-hadkan kapada orang<sup>2</sup> yang chuma boleh mempunyaï sa-orang isteri sahaja, tetapi tidak lama dahulu ber-bangkit satu kes dalam Mahkamah di-dalam mana Mahkamah Yang Ter-tinggi di-sini telah memberi petua mengatakan sunggoh pun sa-saorang yang bukan berbangsa Inggeris ber-kahwin mengikut sa-chara Kristian, mengikut Undang<sup>2</sup> Christians Marriage Ordinance tahun 1956, rasa saya, dia maseh lagi tergantong kapada undang<sup>2</sup> personal law dia. Jadi tiap<sup>2</sup> orang China, orang China dia ada personal law sendiri, orang India ada personal

law sendiri. Jadi mengikut pendapat Mahkamah dalam perbincaraan ini, orang yang sa-macham ini kahwin mengikut adat Kristian di-bawah Undang<sup>2</sup> Perkahwinan Kristian ini maseh tergantong kepada undang<sup>2</sup> personal law dia, bermakna dia tidak terikat kepada satu isteri sahaja. Jadi dia boleh kahwin lebih daripada satu. Jadi kalau bagitu dengan ada pendapat Mahkamah ini, tafsir atau ta'arif perkataan public servant di-dalam Undang<sup>2</sup> lama itu sudah dalam keraguan.

Jadi ini-lah tujuan pindaan ini supaya termasok orang<sup>2</sup> yang sa-macham ini yang sunggoh pun kahwin mengikut ugama Kristian, tetapi boleh mempunyai lebih daripada satu isteri supaya dia boleh di-masukkan dalam naungan Undang<sup>2</sup> ini, kerana sa-jumlah besar daripada orang yang telah contribute—yang memasukkan wang-nya kepada fund ini ada-lah termasok orang<sup>2</sup> yang saya katakan tadi yang berkahwin dengan chara Kristian, tetapi mengikut undang<sup>2</sup> personal lawnya dia boleh beristeri lebih daripada satu. Jadi orang<sup>2</sup> ini dengan ada-nya pindaan ini, orang<sup>2</sup> ini tidak-lah boleh mengatakan: "Oh! saya terkeluar daripada Undang<sup>2</sup> ini, saya mesti dibayar balek fund saya kerana telah salah bagi Kerajaan memaksa saya, atau pun meminta saya bayar kapada fund ini." Jadi ini-lah tujuan pindaan ini yang sa-benar-nya. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagi Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagi Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### THE POISONS (SODIUM ARSENITE) (AMENDMENT) BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan satu Rang Undang<sup>2</sup> yang bertajuk an Act to amend the Poisons (Sodium Arsenite) Ordinance, 1949, di-bacha pada kali yang kedua.

Bill ini ia-lah untuk meminda Section 3 Poisons (Sodium Arsenite) (Amendment) Ordinance tahun 1954 supaya penyediaan bahan<sup>2</sup> arsenite yang lain yang mana di-gunakan sachara sembor menyembor, atau sapu menyapu untuk pertanian (Agriculture) penanaman pokok<sup>2</sup> (silvi-culture), atau penanaman bunga<sup>2</sup> (horti-culture) di-kechualikan daripada pengawalan kesemua undang<sup>2</sup> yang di-buat di-bawah Ordinance tersebut.

**Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ta' ada apa satu yang tidak hendak di-bahathkan ini? Baik-lah, chakap-lah!

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun yang sa-benar-nya tidak hendak berchakap, sebab Rang Undang<sup>2</sup> sudah habis, hanya saya hendak menyatakan sadikit kenyataan satu minit, dan satu minit kenyataan saya sendiri.

Berkenaan dengan Sodium Arsenite ini, saya tak dapat hendak bersetuju dengan kita tidak ada langsung pengawalan, sebab ada juga bahaya-nya bagi binatang<sup>2</sup> dan terkadang<sup>2</sup> bagi petani<sup>2</sup> itu. Saya lebih suka kalau di-adakan satu sharat khas bagi pengawalan ini, tetapi tidak langsung di-bebasan sama sa-kali. Saya tidak dapat hendak berkata sa-juah mana, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, tetapi

bahaya<sup>2</sup>-nya itu ada berkenaan itu Rang Undang<sup>2</sup>.

Berkenaan dengan saya, Tuan Yang di-Pertua, kita akan balek besok dan saya minta ma'af kapada Tuan Yang di-Pertua sendiri dan Ahli<sup>2</sup> Dewan ini kalau saya ada berchakap kasar, atau pun dalam bahasa kasar atau biadab sadikat dan boleh jadi, dan saya rasa, belum tahu lagi saya hendak datang ka-Dewan ini, dan saya minta ma'af-lah.

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, ada kawalan yang khas berkenaan dengan penjualan import dan lain<sup>2</sup> pada Sodium Arsenite ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*  
*kan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.*

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### THE INTERNATIONAL MONETARY FUND (RATIFICATION OF AMENDMENTS TO THE ARTICLES OF AGREEMENT) BILL, 1969

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad)** (*Dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to provide for the ratification of the amendments to the Articles of Agreement of the International Monetary Fund, pursuant to Resolution No. 23-5 approved by the Board of Governors of the International Monetary Fund,

on 31st May, 1968, and other matters connected therewith" be read a second time.

The amendments to the Articles of Agreement of the International Monetary Fund have two broad objectives. Firstly, they seek to improve the rules and practices of the Fund based on developments in world economic conditions and the experience of the Fund since the adoption of its original Articles of Agreement at Bretton Woods in 1944. Secondly, the amendments will enable the Fund to establish a new facility known as Special Drawing Rights.

The proposed modifications to the rules and practices of the Fund include the adoption of a new special majority of 85% of total voting power in place of the normal 80% for certain major decisions of the Fund. These include quota changes, the limitation of the Fund's power to introduce new facilities for the unconditional use of the Fund's resources and the provision enabling the Fund to pay interest on the use of a member's currency for its lending operations, if such use reduces the Fund's holding of that member's currency below 75% of such member's quota.

Let me now turn to the proposal to make Special Drawing Rights. This in effect is a scheme for the deliberate creation of additional world reserves to supplement existing reserve assets as and when the need arises. Participation in the scheme will be open to all members of the International Monetary Fund. By accepting the obligations of participation in the scheme, a participant is eligible to receive Special Drawing Rights which will be issued by the Fund and which will have a unit value equivalent to 0.999671 grammes of fine gold. These rights can be exchanged for an equivalent amount of convertible currencies from other participants. Although each participant is obliged to accept transfers of Special Drawing Rights from other participants, there is a limit to the amount it is required to hold, and this amount is not more than three times its allocation of Special Drawing

Rights. A participant may, however, hold more than that amount voluntarily. Two principles govern the selection of participants by the Fund to accept Special Drawing Rights, and provide currency in exchange, namely, that they should be countries with strong balance of payments and reserve positions, or they are countries which need to acquire Special Drawing Rights to meet obligations under the scheme.

Special Drawing Rights will be allocated or cancelled over periods of normally five years. Allocations to participants will be made on the basis of their quotas in the International Monetary Fund. As a general rule, a participant is expected to use Special Drawing Rights only if it has balance of payments difficulties, and for other uses as approved by the Fund. A participant's use of these rights cannot exceed 70% of its total holding during the first five years of the operation of the scheme.

Provisions are made in the amendments to the Articles of Agreement for interest and charges to be received from or paid to the Fund. Participating countries will pay charges or receive interest depending on whether they have on balance used or acquired Special Drawing Rights. The proposed rate for both interest and charges is 1.5% per annum.

The Special Drawing Rights facility will become operative only when member countries of the International Monetary Fund holding 75% of total quotas indicate that they wish to become participants. To do so they will have to deposit with the Fund an instrument indicating that they would undertake all the obligations of participation in accordance with their respective laws and that they have taken all steps necessary to enable them to carry out all these obligations.

The Bill before the House will enable the Government to accept the amendments to the Articles of Agreement of the International Monetary Fund, which Malaysia has voted in favour of, and to participate in the Special Drawing Rights scheme if and

when the Government decides to do so. Provision is also made for an alternative arrangement whereby Bank Negara Malaysia may also participate in the scheme.

Sir, I beg to move.

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatan-kuasa)

*Fasal 1 hingga 6* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## USUL<sup>2</sup>

### UNDANG<sup>2</sup> KASTAM, 1967

Perentah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 2), 1969

**Setia-usaha Parliment kapada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan :

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapadanya oleh sekshen-kecil (2) dalam seksyen 11, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perentah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 2), 1969, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang<sup>2</sup> No. 28 tahun 1969, di-sahkan.

Perentah yang ada di-hadapan Dewan ini ada-lah untuk mengenakan kadar chukai yang baru dengan tujuan melindungi perusahaan<sup>2</sup> tempatan. "Whitening" untuk menchuchikan kasut di-bawah Kepala 32.09 211 sedang dibuat di-dalam negeri ini. Kadar chukai sa-banyak 25% *ad valorem* ada-lah untuk melindungi perusahaan ini.

"Aluminium wires and cables" di-bawah Kepala 76.02 110, 76.12 200 dan 76.12 900 di-kenakan kadar chukai sa-banyak 30% *ad valorem* oleh sebab barang<sup>2</sup> ini ada-lah di-buat di-dalam negeri ini.

Dalam Perentah Kastam, 1968 yang di-terbitkan sa-bagai P.U. 337 pada 1hb Ogos, 1968, chukai di atas "staples" di-bawah Kepala 83.05 100 telah di-sebutkan sa-bagai 10% dan bukan 20% sa-bagai yang di-terangkan dalam P.U. 34 yang di-terbitkan pada 25hb Januari, 1968. Perentah ini telah membetulkan kesalahan itu.

Untuk mengatasi masaalah "under declaration of value" maka "accumulators and parts" di-bawah Kepala 85.04 120 dan 85.04 990 di-kenakan kadar chukai 50 cents bagi 1 lb. "Preferential rate of duty" atas "accumulators" itu juga di-batalkan.

"Chairs with rotating or elevating mechanism" di-bawah Kepala 94.02 990 ada-lah di-kenakan kadar chukai sa-banyak 35% *ad valorem* oleh sebab kerusi<sup>2</sup> ini ada-lah di-buat di-dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapadanya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 11, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perentah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 2), 1969, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang<sup>2</sup> No. 28 tahun 1969, di-sahkan.

## UNDANG<sup>2</sup> KASTAM, 1967

**Perentah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 3), 1969**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan :

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapadanya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 11,

Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perentah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 3), 1969, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang<sup>2</sup> No. 29 tahun 1969, di-sahkan.

**Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat** barangkali maseh ingat bahawa pada 1hb Ogos, 1968, chukai impot sa-banyak \$70 sa-tan telah di-kenakan di-atas bar dan rod besi dengan tujuan untuk melindungi perusahaan<sup>2</sup> tempatan. Walau pun chukai impot ini di-kenakan, bar dan rod besi maseh lagi di-impot dengan banyak-nya. Oleh yang demikian ada-lah di-dapat bahawa kadar chukai yang di-kenakan itu patut dinaikkan lagi kapada \$100 sa-tan untuk memberikan perlindungan yang sa-chukup-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapadanya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 11, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perentah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 3), 1969, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang<sup>2</sup> No. 29 tahun 1969, di-sahkan.

## UNDANG<sup>2</sup> KASTAM, 1967

**Perentah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1969**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan :

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapadanya oleh sekshen-kechil (2) dalam 147, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perentah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1969, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang<sup>2</sup> No. 30 tahun 1969, di-sahkan.

Kadar chukai sa-banyak 15% ad valorem atas "ice-cream and ice-cream powder" di-bawah Kepala 21.07 300 telah di-lanjutkan ka-Pulau Pinang supaya "ice-cream" yang di-buat di-dalam Pulau Pinang boleh di-hantar ka-Kawasan Utama Kastam dengan bebas.

Oleh sebab "whitening" untuk menchuchi kasut di-bawah Kepala 32.09 211 di-buat di-negeri ini, barang itu patut di-galakkan. Oleh sebab itu, chukai atas barang ini di-lanjutkan kepada Pulau Pinang.

Lanjutan chukai atas "P.V.C. sheets and leather cloth" di-bawah Kepala 39.02 340, 39.02 350 dan 59.08 000 ka-Pulau Pinang akan membolehkan barang<sup>2</sup> itu di-kirim dengan bebas di-antara Pulau Pinang dengan Kawasan Utama Kastam. Dengan langkah demikian pembuat<sup>2</sup> di-Pulau Pinang dan di-Kawasan Utama Kastam di-beri layanan yang sama.

Kadar chukai di atas "tissue paper, etc." di-bawah Kepala 48.05 110, 48.05 120, 48.05 130, 48.05 910 48.05 920 dan 48.05 930 di-lanjutkan ka-Pulau Pinang supaya barang<sup>2</sup> ini yang di-buat di-dalam Pulau Pinang boleh di-kirim ka-Kawasan Utama Kastam dengan bebas.

Kadar chukai atas "bars and rods" di-bawah Kepala 76.02 110, 76.12 100, 76.12 200 dan 76.12 900 di-lanjutkan ka-Pulau Pinang dengan tujuan melindungi perusahaan tempatan. Juga kadar chukai atas "accumulators and parts" di-bawah Kepala 85.04 110, 85.04 120, 85.04 800, 85.04 910 dan 85.04 990 dan atas "chairs with rotating or elevating mechanism" di-bawah Kepala 94.02 900 di-lanjutkan ka-Pulau Pinang untuk melindungi perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapadanya oleh sekshen-kechil (2) dalam 147, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perentah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1969, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang<sup>2</sup> No. 30 tahun 1969, di-sahkan.

## PENGUMUMAN YANG DI- PERTUA DAN PENANGGOHAN MESHUARAT YANG TIDAK DI-TENTUKAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, kita semua ketahuï, hari ini ada-lah hari yang akhir sa-kali bagi Ahli<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat Yang Kedua ini dudok di-dalam Dewan ini. Boleh jadi ini-lah peluang yang akhir sa-kali saya dapat menguchapkan bagaimana besar-nya saya menghargakan peluang dapat bersama dengan tuan<sup>2</sup> dan puan<sup>2</sup> di-dalam dan di-luar Dewan ini.

Saya boleh menyatakan di-sini bahawa dalam pekerjaan saya ini, saya telah mendapat kerjasama dan perserfahaman yang penoh daripada tuan<sup>2</sup> dan puan<sup>2</sup>. Bahkan dapat-lah saya katakan saya amat-lah bernesib baik. Pekerjaan yang berat menjadi ringan. Apabila saya bacha bagaimana sa-tengah<sup>2</sup> Speaker Parlimen di-sa-tengah<sup>2</sup> negeri, ada mengalami berbagai<sup>2</sup> kesulitan, seperti hendak di-ugut, hendak di-tembak, maka saya yakin yang saya ada-lah bernesib baik.

Sa-bagai Speaker, saya telah chuba dengan sa-berapa daya saya menjalankan tugas<sup>2</sup> saya dengan 'adil terhadap semua Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, tetapi, sa-bagai sa-orang biasa, harus-lah juga saya telah membuat beberapa kekhilafan dan sa-kira-nya ada, saya di-sini memohon ampun dan ma'af.

Akhir-nya, saya juga ingin menguchapkan terima kaseh kapada bahagian<sup>2</sup> di-dalam Parlimen sa-lain daripada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat. Saya tujukan kapada kaki-tangan<sup>2</sup> Parlimen termasok Setia-usaha Dewan yang telah berpenat lelah menyumbangkan tenaga mereka supaya Parlimen berjalan dengan sempurna dan ta'at setia mereka dan tekun kapada pekerjaan mereka, kadang kala hingga jauh malam, telah menerima pujian kita semua. Kedua-nya kapada akhbar<sup>2</sup> yang melaporkan dengan tekun-nya apa juga yang di-chakapkan dalam Parlimen ini sunggoh pun sa-tengah daripada perkataan<sup>2</sup> yang di-uchapkan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat itu tidak

memuji mereka bahkan mengeji; dan di-sini, saya uchapkan terima kaseh ketiga, saya hendak menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kaseh kapada Timbalan Speaker, yang telah menolong saya bila<sup>2</sup> masa juga (*Tepok*).

Kapada semua Ahli<sup>2</sup> Yang Berhor- mat yang ada dan yang tidak ada

di-sini, saya uchapkan terima kaseh (*Tepok*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Meshuarat ini di-tanggohkan kapada satu hari yang tidak di-tentukan.

*Dewan di-tanggohkan pada pukul 7.55 malam.*